

**STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DALAM KOMEN  
RANCANGAN REALITI *SOLVATHELLAM UNMAI***

**TAMILSELVAM A/L GIANASEKARAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DALAM  
KOMEN RANCANGAN REALITI  
*SOLVATHELLAM UNMAI***

**TAMILSELVAM A/L GIANASEKARAN**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **TAMILSELVAM A/L GIANASEKARAN**

No. Matrik: **TGC130018**

Nama Ijazah: **SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/ Laporan Penyelidikan/ Disertasi/ Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DALAM KOMEN RANCANGAN  
REALITI SOLVATHELLAM UNMAI**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/ penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakciptah asil kerja yang lain samaada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# **STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DALAM KOMEN RANCANGAN REALITI**

## ***SOLVATHELLAM UNMAI***

### **Abstrak**

Setiap orang mempunyai kepercayaan asas bahawa mereka berhak untuk mendapat pertimbangan peribadi daripada orang lain dan dilayan secara adil; dengan kata lain, mereka tidak terlalu banyak dikenakan, tidak diperintahkan secara tidak adil, dan tidak mengambil kesempatan atau dieksplotasi. Maka, semua orang mempunyai hak untuk mendapatkan layanan yang adil dan saksama walaupun sesiapa sahaja yang terlibat dengan apa-apa aktiviti rancangan tv, contohnya rancangan realiti. Apabila hak ekuiti seseorang itu dirampas atau di cabul, maka terdapat segelintir masyarakat yang bersuara di laman sosial. Facebook, Twitter, Instagram, Wechat, Whatsapp, YouTube dan blog-blog infomasi tertentu dalam penggunaan saban harian dalam kalangan masyarakat bertujuan untuk berinteraksi dengan bermanfaat, cepat dan mudah. Sementara itu, Rancangan realiti Solvathellam Unmai adalah suatu rancangan Tamil “reality talk show” terbitan saluran Zee TV dan terdapat juga di laman YouTube. Rancangan realiti Solvathellam Unmai bermotifkan bercakap benar tentang kesemua masalah yang dihadapi secara umum untuk mendapatkan pertimbangan yang sewajarnya dikhayal ramai. Objektif kajian adalah mengkaji strategi ketidaksantunan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan membincangkan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif untuk menghuraikan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Data komen diterjemahkan kepada Bahasa Melayu untuk tujuan penerangan dan analisa akan dibuat dengan menggunakan bahasa asal (Bahasa Tamil). Daripada 53 episod komen, hanya 38 episod komen sahaja digunakan sebagai data bagi tujuan kajian. Sebanyak 225 komen telah dikenal pasti daripada hasil

analisis kajian terdapat penggunaan strategi ketidaksantunan dalam setiap komen. Strategi ketidaksantunan ancaman mencatat kekerapan sebanyak 68 dalam komen rancangan realiti. Manakala strategi penguatkuasaan mesej pula, tidak dapat dikenal pasti dalam komen. Persoalan kedua, menghuraikan cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisaikan melalui tujuh (7) bentuk. Antaranya, bentuk soalan, rujukan, persepsi orang awam, cadangan dalam bentuk hukuman, sepatah kata, kata kasar/bahasa kesat dan akhir sekali, penekanan, penggulungan dan penghilangan. Strategi ketidaksantunan *Gesture-Verbal meludah* seperti [*Thuu!!/ thu../thuuuff.      *], dan **kata seru** seperti [*Chi/ cha CHIIIIIIIII/ chi...chi..chiiiii,, chaikk*] merupakan hasil dapatan kajian baru dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Strategi meludah dan kata seru adalah salah satu strategi yang mereplikasikan cara atau perbuatan manusia yang mengandungi petunjukkan perasaan menjijikan atau memalukan dalam bentuk tulisan.

Kata kunci: *Strategi ketidaksantunan, Komen Rancangan Realiti*

# **IMPOLITENESS STRATEGIES IN COMMENTS TO THE REALITY SHOW**

## ***SOLVATHELLAM UNMAI***

### **Abstract**

Everyone has the fundamental belief that they are entitled to personal consideration from others and treated fairly and equally; in other words, not charged, not ordered unfairly and do not take advantage or exploited. Therefore, everyone has the right for a fair and equitable service, no matter anyone; they reserve the rights even if they are involved with any television show activities, for example, a reality show. If a person's equity rights are seized or obscene, then there will a group of people who speak about it on social sites like *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Wechat*, *WhatsApp*, *YouTube* and certain information *Blogs* in daily usage among the public are intended for beneficial, quick and easy interaction (communication). Meanwhile, the reality shows *Solvathellam Unmai* is a Tamil ‘reality talk show’ aired in Zee TV channel and also available to access in YouTube page. This *Solvathellam Unmai* reality show is motivated to speak the truth about all the problems that are faced, in general, to get the appropriate consideration among everyone. The objective of this study is to investigate the impoliteness strategies in the comments of reality shows *Solvathellam Unmai* and describes how the impoliteness strategy used in the reality show *Solvathellam Unmai* comments were realized. The study uses a qualitative approach to describe the impoliteness strategy of Culpeper (2011). The comments have been translated into Malay language for explanation purposes while for analysing the original language is remain used. Out of 53 episodes, only 38 episodes comment were used as research data. A total of 225 comments have been identified from the usage of impoliteness strategies as the results of the study. The threat of impoliteness strategy recorded about frequency of 68 from the reality show comments. While the message enforcers strategy, it is not

identified in the comments. The second question describes how the impoliteness strategy used in the reality show *Solvathellam Unmai* comments were realised into seven (7) categories. Question forms, references, public perceptions, suggestions in the form of punishment, one-word, abusive/offensive language and finally, emphasis, repetition and elimination are the part of the categories. *Gesture-Verbal spitting* like [*Thuu!-/ thu../thuuuff.. ശിട്ട്*], and **exclamation words** like [*Chi/ cha/ CHIIIIIIIIII/ chi..chi..chiiiii,,, chaikk*] are the result of new study findings in comments from *Solvathellam Unmai* reality show. It is one of the strategies that replicate the way or act of human beings that contains the appearance of hatred or disgusting feelings in writing form.

Keyword: *Impoliteness strategy, Comments Reality show*

## **SEKALUNG PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana, memberikan saya kekuatan dari segi mental dan emosi serta kesabaran untuk menyiapkan penyelidikan sepenuhnya dengan sempurna.

Disini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Thilagavathi Shanmuganathan keatas sokongan yang diberikan oleh beliau sepanjang 5 tahun dalam menyempurnakan Ijazah Sarjana ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ibu bapa dan ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dari segi kewangan dan moral dalam sepanjang tempoh pelajaran saya.

Saya juga menghargai jasa baik kawan-kawan yang membantu sepanjang kajian ini terutamanya dalam tugas menterjemahkan, membetulkan struktur ayat dan ejaan.

S. Komalavaani, X. Anitha, M. Kavitha, P. Sarasu, R. Janany, G. Ghajendraan, T. Shamini, M. Punggodi, M. Kanageswary.

Tidak lupa kepada sokongan dan peluang yang diberikan oleh Majikan saya, Malaysian Indian Congress (MIC) serta sudi memberikan saya pengecualian khas sewaktu berkerja bagi meneruskan dan menghabiskan Ijazah Sarjana dengan sempurnanya.

Tidak lupa juga, pekerja-pekerja di Jabatan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang sentiasa memberikan semangat dalam menyempurnakan Ijazah Sarjana Linguistik ini.

**\*\*\* Terima Kasih \*\*\***

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Tajuk Kajian	
Borang Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak .....	iii
<i>Abstract.....</i>	v
Penghargaan.....	vii
Senarai Jadual.....	xi
Senarai Carta Palang.....	xii
 <b>BAB 1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latarbelakang kajian.....	2
1.2 Penyataan Masalah.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	7
1.5 Kepentingan Kajian.....	8
1.6 Batasan Kajian.....	9
1.7 Kesimpulan.....	10
 <b>BAB 2</b>	
<b>TINJAUAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan.....	11
2.1 Definisi Ketidaksantunan.....	11
2.2 Definisi Ketidaksantunan Culpeper, (2011).....	13
2.3 Strategi Ketidaksantunan Culpeper.....	14
2.3.1 Muka.....	14
2.3.2 Norma Pengalaman.....	15
2.3.3 Norma sosial dan hak.....	16
2.3.4 Moral.....	17
2.3.5 Bentuk Ketidaksantunan Culpeper (2011).....	19
2.4 Apakah itu Rancangan realiti.....	22
2.4.1 Rancangan realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....	24
2.5 Komunikasi berdasarkan Komputer - Computer Mediated Communication (CMC) .....	25
2.5.1 Ketidaksantunan dalam konteks komunikasi berdasarkan komputer (CMC).....	27
2.6 Kajian Lepas Berdasarkan Ketidaksantunan.....	31
2.7 Kajian Lepas Berdasarkan Laman Sosial dan Rancangan Realiti.....	38
2.8 Lain-lain Kajian Lepas.....	40
2.9 Kesimpulan.....	42

### **BAB 3**

#### **METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan.....	43
3.1	Rekabentuk Kajian.....	43
3.2	Kerangka Teori Strategi Ketidaksantunan (2011).....	44
3.2.1	Penghinaan ( <i>Insults</i> ).....	48
3.2.2	Menuding Kritikan atau Aduan ( <i>Pointed Criticisms / Complaints</i> ).....	49
3.2.3	Ekspresif Negatif ( <i>Negative Expressive</i> ).....	49
3.2.4	Soalanyang Tidak Menyenangkan atau Andaian ( <i>Unpalatable Questions and/or Presupposition</i> ).....	49
3.2.5	Merendahkan Status / Maruah ( <i>Condescensions</i> ).....	49
3.2.6	Penguatkuasaan Mesej ( <i>Message Enforcers</i> ).....	50
3.2.7	Diberhentikan ( <i>Dismissal</i> ).....	50
3.2.8	Penyenyap ( <i>Silencers</i> ).....	50
3.2.9	Ancaman ( <i>Threats</i> ) .....	50
3.3	Justifikasi Pemilihan Kerangka Teori.....	51
3.4	Peserta.....	52
3.5	Instrumen kajian.....	53
3.6	Pengumpulan Data.....	56
3.7	Kaedah Penganalisaan Data.....	58
3.8	Proses Penterjemahan.....	62
3.9	Pengkategorian Data.....	63
3.10	Pengekodan.....	64
3.11	Isu Etika.....	65
3.12	Bahan- bahan Lain.....	66
3.13	Kesimpulan.....	66

### **BAB 4**

#### **HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.0	Pengenalan.....	67
4.1	Isi Kandungan Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....	68
4.2	Strategi Ketidaksantunan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai?</i> .....	71
4.3	Dapatan Strategi Ketidaksantunan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....	74
4.3.1	Strategi Ketidaksantunan 1 : Menghina.....	75
4.3.1.1	Rujukan Negatif Orang Ketiga Dalam Sasaran .....	77
4.3.2	Strategi Ketidaksantunan 2 : Menunjukkan Kritikan / aduan.....	80
4.3.3	Strategi Ketidaksantunan 3: Ekspresif negatif (Sumpahan).....	82
4.3.4	Strategi Ketidaksantunan 4: Soalan yang mencabar.....	84
4.3.5	Strategi Ketidaksantunan 5 : merendahkan Status.....	88
4.3.5.1	Penggunaan ‘shame/shame on you’ sebagai strategi merendahkan martabat.....	89
4.3.6	Strategi Ketidaksantunan 6: Diberhentikan.....	92
4.3.7	Strategi Ketidaksantunan 7 : Penyenyap.....	94
4.3.8	Strategi Ketidaksantunan 8 : Ancaman.....	96
4.3.9	Dapatan Baru Strategi Ketidaksantunan <i>Gesture-Verbal Meludah (Spitting)</i> .....	100
4.3.10	Dapatan Baru Strategi Ketidaksantunan Kata Seru.....	102
4.4	Bagaimanakah strategi ketidaksantunan direalisasikan dalam komen rancangan realiti <i>Solvathellam Unmai?</i> .....	105

4.4.1	Bentuk Soalan.....	106
4.4.2	Rujukan.....	108
4.4.3	Persepsi Orang Awam.....	110
4.4.4	Cadangan Dalam Bentuk Hukuman .....	112
4.4.5	Sepatah Kata .....	115
4.4.6	Penekanan, Penggulangan dan Penghilangan .....	116
4.4.7	Kata Kasar/Kesat .....	119
4.6	Kesimpulan.....	121
<b>BAB 5</b>		
<b>KESIMPULAN</b>		
5.0	Pengenalan.....	122
5.1	Hasil Kajian.....	122
5.2	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Pertama.....	125
5.3	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Kedua.....	127
5.4	Implikasi kajian.....	131
5.5	Limitasi kajian.....	132
5.6	Cadangan Kajian.....	133
5.7	Kesimpulan Kajian.....	134
<b>SUMBER RUJUKAN.....</b>		135
<b>LAMPIRAN.....</b>		139

## **SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL SURAT</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
(1) Jadual 3.2.a: Strategi Ketidaksantunan Culpeper.J (2011).....		45
(2) Jadual 3.2.b: Jenis Strategi Ketidaksantunan dan Elemen-Elemen yang Penting.....		47
(3) Jadual 3.5.1: Senarai Data Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> Daripada Episod-episod yang Dipilih untuk kajian tahun 2015.....		54
(4) Jadual 3.5.2: Contoh Permukaan Data Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....		55
(5) Jadual 3.6.1: Proses Pengumpulan Data Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> dan Penganalisaan Data.....		57
(6) Jadual 3.7.a: Contoh Kekerapan Jenis-Jenis Strategi Ketidaksantunan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti Solvathellam Unmai.....		58
(8) Jadual 3.10.1: Pengetahuan yang Digunakan Dalam Proses Penganalisaan Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....		65
(9) Jadual 4.2.a: Peratus (%) dan Kekerapan Strategi Ketidaksantunan yang Terdapat Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....		72
(11) Jadual 4.3.1.a: Sub-Kategori bagi Strategi Ketidaksantunan Penghinaan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i> .....		76

## **SENARAI CARTA PALANG**

<b>CARTA PALANG</b>	<b>TAJUK SURAT</b>	<b>MUKA</b>
(7) Carta Palang 3.7.b: Peratus (%) dan Kekerapan Jenis-Jenis Strategi		
	Ketidaksantunan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam</i> <i>Unmai</i> .....	59
(10) Carta Palang 4.2.b: Peratus (%) Dan Kekerapan Bagi Strategi		
	Ketidaksantunan yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti <i>Solvathellam</i> <i>Unmai</i> .....	72

## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN

#### 1.0 Pengenalan

Perkembangan teknologi dalam bidang hiburan menyebabkan berlakunya peningkatan taraf dan kualiti dalam rancangan realiti di saluran televisyen. Rhett (2004), menyatakan bahawa definisi Rancangan Realiti ialah satu bentuk rancangan atau program yang memaparkan orang awam didalam situasi yang luar biasa dan menarik. Manakala, dalam kajian oleh Ghazali (2016), telah disertakan definisi yang diutarakan oleh *Pieto dan Otter (2005)*, Rancangan TV merupakan suatu genre yang mendapati kandungan rancangannya yang paling bernilai ialah pemaparan individu yang rela diletakkan dihadapan kamera dengan meletakkan keadaan bersendirian, maruah dan ketenteraman mereka.

Seperti yang dinyatakan dalam definisi, rancangan realiti kini lebih berkaitan dengan kehidupan harian dan menggambarkannya secara umum pada masa ke masa untuk tontonan para penonton. Kebanyakkan rancangan realiti yang dipaparkan kini, lebih kepada menguji bakat dan nilai seseorang. Antaranya pertunjukkan-pertunjukkan bakat adalah seperti tarian, nyanyian dan juga lakonan, Tiwari (2016) dan rancangan bual bicara, masakan, persembangan, Subramaniam.S dan Tiwari, (2010).

Petunjukkan rancangan realiti seperti menguji bakat ini menarik perhatian ramai penonton sehingga rancangan realiti turut dimuat naik dalam laman sosial dengan kemudahan *internet* supaya dicapai kepada para penonton dengan lebih mudah. Laman

sosial yang dimaksudkan disini adalah seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Wechat*, *Whatsapp*, *blog-blog* tertentu dan juga *YouTube*. Senang kata, laman sosial kini menjadi medium perantaraan sebagai penyokong siaran rancangan realiti televisyen. Setiap rancangan realiti mempunyai tujuan yang tersendiri dan sehingga mendapatkan sambutan yang hangat bagi memperkuatkan atau meningkatkan lagi penarafan TRP ‘*amplify TRP ratings*’, Tiwari, (2016). Kebanyakkan rancangan realiti yang disiarkan di televisyen mahupun laman sosial lebih memfokuskan kepada hiburan sedangkan ada juga rancangan realiti yang memaparkan “kehidupan sebenar”, Scott J. Weiland dan kaitlyn Dunbar, (2016).

## 1.1 Latar belakang kajian

Selain daripada memperkuatkan atau meningkatkan penarafan TRP, rancangan realiti juga bertujuan untuk menghiburkan penonton dan mendapatkan sambutan bagi rancangan tersebut. Penonton pula diklasifikasikan kepada beberapa golongan. Ada yang digolongkan sebagai penonton kerap, dimana mereka yang menonton rancangan realiti kerana mereka berhibur dengannya dan berseronok apabila menonton kehidupan seseorang sepertimana ia juga meningkatkan kesedaran sendiri mengenai dirinya sendiri, iaitu penonton mengaitkan diri sendiri dalam situasi atau keadaan tersebut. Terdapat juga penonton biasa yang menonton rancangan realiti kerana mereka berasa bosan atau mereka seronok melihat kehidupan orang lain, Subramaniam.S dan Tiwari, (2010). Dalam hal tersebut, penonton yang berminat dengan sesuatu rancangan realiti akan menunjukkan kesetiaan dan perasaan kepada sesebuah rancangan realiti tersebut dengan mengesyorkan kepada orang lain mahupun meletakkan kenyataan sebagai satu tanda penghargaan, kepujian, pandangan umum ataupun perasaan tidak puas hati

terhadap rancangan realiti tersebut dalam bentuk ‘komen’ yang menjadi mengukur bagi setiap rancangan realiti.

Pada masa yang sama, perkara yang berlaku saban hari dalam seisi keluarga menjadi satu titik penolakan bagi membuka peluang kepada saluran-saluran TV untuk memperkenalkan rancangan realiti yang membincangkan isu-isu tentang keluarga secara umum. Berikutan itu, Rancangan Realiti *Solvathellam Unmai*<sup>1</sup> ialah salah satu rancangan realiti Tamil “*reality talk show*” di saluran *Zee Thamizh* secara bersiri dan dimuat naik di laman *YouTube*. Disini perkataan *Solvathellam Unmai* (*சொல்வதெல்லாம் உன்மை*) ini membawa maksud bercakap benar, dimana perkataan *Solvathellam* (*சொல்வதெல்லாம்*) sahaja terdiri daripada gabungan dua perkataan Bahasa Tamil iaitu *Solvathu* (*சொல்வது*) + *ellam* (*எல்லாம்*) adalah Cakap + Semua; manakala perkataan *Unmai* (*உன்மை*) ialah bermaksud benar atau betul. Jadi, penjelasan disini adalah bercakap atau berucap benar tentang kesemua masalah yang dihadapi dan dilalui secara umum dengan rela diletakkan dirinya di hadapan kamera untuk mendapatkan pertimbangan atau keadilan yang sewajarnya dikhayal ramai.

Bersamaan dengan tajuk atau nama rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, rancangan ini membincangkan isu-isu kekeluargaan yang timbul diantara pasangan suami isteri selepas berkahwin, masalah perceraian pasangan, isu berkahwin pada usia muda atau belum matang, isu isteri/ perempuan simpanan, penderaan isteri, meninggalkan isteri dan anak-anak, mengadakan hubungan sulit, isu percintaan, isu campur tangan hal keluarga oleh pihak ketiga dan sebagainya.

<sup>1</sup>.<https://www.zeeentertainment.com/in-the-news/zee-tamil-launches-a-new-season-of-solvathellam-unmai/>

Rancangan ini menjadi suatu *platform* atau tempat bagi penyelesaian masalah pasangan atau keluarga yang ingin dapatkan bantuan penyelesaian dan pada masa yang sama, tidak sama sekali segan untuk berkongsi pengalamannya dengan masyarakat umum dihadapan kamera. Oleh kerana itu, rancangan realiti ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan hangat daripada penonton sehingga, ianya berjaya merangkumi siaran lebih 1684 episod sehingga kini. Berikutnya dengan itu, rancangan realiti *Solvathellam Unmai* mendapat penghargaan, kepujian, pandangan daripada umum oleh orang ramai dan juga perasaan tidak puas hati seperti perasaan marah terhadap rancangan realiti serta peserta-peserta yang terlibat dalam siaran rancangan tersebut sehingga sanggup melontarkan komen-komen yang tidak menyenangkan dan penggunaan bahasa yang kurang sopan. Oleh sedemikian, kenyataan penonton yang menjadi pandangan dan reaksi dalam bentuk komen terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* menjadi tumpuan utama kajian ini. Maka, kajian ini akan berdasarkan ketidaksantunan bahasa yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

## 1.2 Penyataan Masalah

Kebanyakkan kajian lepas adalah dalam bentuk *anglo-sentrik* iaitu lebih kepada ala barat. Kajian dalam Bahasa kurang dijalankan dalam bidang linguistik terutamanya mengkaji ketidaksantunan dalam Bahasa Tamil. Sementara itu, laman sosial kini menjadi satu medium pengantaraan bagi setiap rancangan realiti. Rancangan realiti *Solvathellam Unmai* juga dimuat naik di laman YouTube atau *blog Zee Tamizh*. Rakaman rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini dibuat secara langsung di dalam studio dan disimpan untuk dipaparkan semula atau dimuat naik di laman social tertentu.

Rancangan ini dijadikan sebagai pentas bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pasangan keluarga dan secara tidak langsungnya rancangan ini juga memberikan cara penyelesaian masalah kepada para penonton yang menghadapi masalah yang sama seperti dalam rancangan realiti tetapi segan membawa masalahnya ke pentas umum.

Setiap episod memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada para penonton dengan membentuk pemahaman tentang alam kehidupan diri sendiri, Scott J. Weiland dan kaitlyn Dunbar, (2016). Namun ada sesetengah orang atau penonton yang tidak peduli terhadap tujuan atau motif rancangan realiti seperti ini. Golongan seperti ini semata-mata hanya menonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini dan membuat kritikkan serta meletakkan rancangan tersebut pada tahap yang rendah dan mewujudkan perasaan pandangan rendah dalam kalangan penonton terhadap peserta yang terlibat dalam rakaman tersebut dan penganjur rancangan tersebut dan juga rancangan realiti *Solvathellam Unmai* itu sendiri. Akhirnya, ramai penonton akan bertindak balas terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* di ruang komen dengan melontarkan sahaja pandangan mereka untuk perhatian umum dengan penggunaan bahasa yang tidaksopan bagi setiap episode yang dimuat naik di laman *YouTube*.

Penggunaan bahasa di ruang khas apabila memberikan komen bagi setiap episod rancangan realiti yang dimuat naik adalah merupakan sejenis interaksi tanpa bersemuka antara satu sama lain di laman sosial. Ini bermaksud, komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* menjadi pengantara yang lebih mendedahkan kepada pelbagai ancaman muka secara langsung. Maka, disini muka memainkan peranan yang utama semasa berinteraksi walaupun bersemuka antara satu sama lain mahupun tidak. Maka komen penonton dijadikan sebagai pengukur utama samada kesantunan bahasa dipertengahkan atau diketepikan ataupun tidak dipedulikan dalam komen bagi

rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Secara keseluruhan, cara pengendalian sesuatu bahasa amat diberikan keutamaan dalam kajian ini samada dalam rancangan realiti mahupun komen yang dinyatakan oleh para penonton.

### 1.3 Objektif Kajian

Budaya masyarakat India ialah memastikan dan mementingkan penggunaan bahasa yang santun dalam interaksi, terutamanya apabila pendengar atau penerima adalah orang yang berstatus tinggi atau berpendidikan tinggi atau dengan orang yang tidak dikenali mahupun ahli keluarga yang lebih berusia mahupun kurang usia. Akan tetapi, ada kalanya ketidaksantunan ini ditunjukkan kepada orang atau ahli keluarga yang sangat rapat seperti suami isteri dan adik-beradik; itupun di dalam keadaan tertutup. Sebaliknya, rancangan realiti *Solvathellam Unmai* pulak mendedahkan kesemua rahsia isi rumah tangga secara umum.

Pendedahan isu kekeluargaan kepada perhatian orang ramai secara umum menyebabkan ketidakpuashatian terhadap rancangan realiti tersebut sehingga menyebabkan penonton-penonton yang setia melontarkan pelbagai jenis pendapat yang positif mahupun negatif secara umum untuk perhatian orang ramai. Maka, fokus utama kajian ini lebih kepada cara komunikasi di laman sosial *YouTube* iaitu, komen-komen yang diberikan oleh para penonton bagi setiap episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan

membincangkan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berikut dengan objektif utama kajian ini, terdapat dua persoalan kajian yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Seperti berikut:-

##### **1.4.1 Apakah strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*?**

Persoalan kajian pertama ini, akan mengkaji kekerapan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Hasil dapatan kajian akan dihuraikan berpandukan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Manakala, instrumen kajian bagi persoalan ini adalah komen-komen yang diberikan oleh penonton pada setiap episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

##### **1.4.2 Bagaimanakah strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan?**

Manakala, persoalan kedua akan menghuraikan cara strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan atau dihubung kaitkan. Kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) akan digunakan untuk menghuraikan

secara terperincinya hasil dapatan kajian ini. Komen penonton akan digunakan sebagai instrumen kajian bagi persoalan ini.

Bagi kedua-dua persoalan kajian ini, setiap komen penonton akan dikategorikan dahulu mengikut strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) dan bahasa asalakan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu untuk tujuan penerangan dan penjelasan. Manakala, penganalisaan akan dijalankan dalam Bahasa asal iaitu Bahasa Tamil.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Pelbagai isu kekeluargaan yang sensitif dibincangkan secara umum melalui rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Disini tiada halangan dan sekatan terhadap saluran-saluran televisyen untuk menghadkan paparan rancangan realiti tersebut. Pendek kata, perbuatan saluran televisyen ini melalui rancangan realiti tidak mengendahkan atau mempedulikan hak sosial yang dimiliki oleh setiap individu.

Spencer-Oatey (2005: 100) menyatakan definisi hak sosial: ekuiti sebagai; ‘*orang mempunyai kepercayaan asas bahawa mereka berhak untuk mendapat pertimbangan peribadi daripada orang lain dan dilayan secara adil; dengan kata lain, bahawa mereka tidak terlalu banyak dikenakan, bahawa mereka tidak diperintahkan secara tidak adil, dan bahawa mereka tidak mengambil kesempatan atau dieksplorasi*’, Culpeper (2011) m/s 40.

Oleh itu, semua orang mempunyai hak untuk mendapatkan layanan yang adil dan saksama walaupun peserta yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, pengacara rancangan, pengajur mahupun penonton setia bagi rancangan realiti

tersebut. Apabila hak ekuiti seseorang itu dirampas atau dicabul, maka terdapat segelintir golongan yang akan bersuara untuknya.

Kepentingan kajian ini, walaupun kajian ini memfokuskan kepada penggunaan bahasa Tamil yang kurang santun dalam komen yang diberikan oleh para penonton bagi setiap episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, akan tetapi, kepentingan turut diberikan terhadap bahasa Tamil yang digunakan dalam mengendalikan sesuatu isu seperti mana yang dibincangkan dalam rancangan realiti itu secara spontan atau natural dalam penggunaannya. Pentingnya di sini, bagaimanakah hak ekuiti seseorang itu, iaitu hak ekuiti orang ketiga yang terlibat dengan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* turut dibela juga difokuskan bagi tujuan mencapai objektif kajian ini.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian hanya memfokuskan satu jenis rancangan realiti sahaja, iaitu rancangan realiti *Solvathellam Unmai* (*reality talk show*) yang terdapat di laman sosial *YouTube*. Data komen hanya dipilih daripada episod-episod bagi tahun terkini iaitu Januari hingga Disember tahun 2015 yang bertemakan masalah keluarga selepas perkahwinan sahaja. Kajian ini berfokuskan kepada ketidaksantunan Bahasa Tamil yang digunakan dalam komen oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan itu sahaja yang akan dikaji.

Disini sedia maklum bahawa, proses penterjemahan daripada Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu akan menyebabkan kehilangan maksud asal ketidaksantunan dalam komen tersebut. Jadi, data (komen) akan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu untuk

tujuan penerangan dan penjelasan. Manakala, penganalisaan akan dijalankan hanya dalam Bahasa Tamil iaitu bahasa asal data.

### **1.7     Kesimpulan**

Rangka kajian ini adalah sebagai salah satu teknik penyediaan awal penyelidikan dimana sebelum memulakan sesuatu kajian, pengkaji mengkaji secara terperinci tentang sesuatu topik yang akan dikaji, persoalan kajian dan objektif kajian yang akan dicapai, kerangka teori yang digunakan sepanjang kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan. Pengenalan ini adalah sebagai panduan sepanjang kajian ini dijalankan.

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Bab tinjauan kajian ini, mengulas tentang kajian-kajian lepas dan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Dalam bahagian akan memberikan penekanan dalam membincangkan tentang ketidaksantunan Culpeper (2011) yang dibincangkan oleh pelapor-pelapor linguistik dan juga tentang rancangan realiti kerana data utama kajian adalah komen yang dimuat turun daripada rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dari laman sosial Youtube.

#### 2.1 Definisi Ketidaksantunan

Selepas merujuk kepada beberapa kajian lepas, ramai pelapor memberikan pelbagai definisi bagi ketidaksantunan. Goffman (1967), mendefinisikan ketidaksantunan sebagai ancaman muka yang agresif dimana pernyataan ini disokong oleh Watts (2003). Sementara itu, Lakoff (1989) menyatakan bahawa kelakuan yang tidak sopan tidak menggunakan strategi kesopanan dimana mereka akan dijangka, sedemikian rupa sehingga ucapan itu hanya boleh dikatakan secara munasabah ditafsirkan sebagai sengaja dan negatif konfrontatif. Culpeper (2005) mendefinisikan ketidaksantunan sebagai sesuatu situasi dimana penutur berkomunikasi untuk menyerang muka sengaja, atau pendengar merasakan bahawa membina tingkah laku seperti menyerang muka secara sengaja atau gabungan kedua-duanya. Berdasarkan

definisi ini, walaupun terdapat perbezaan, ia dapat dilihat bahwa muka dan niat adalah dua kesamaan yang dipersembahkan oleh mereka. Pada masa yang sama, Spencer-Oatey (2005) menyimpulkan bahawa penilaian kami terhadap ketidak (santunan) perlu disusun semula untuk menangani 'pengurusan perhubungan'. Beliau juga menggesa pandangan yang lebih lengkap tentang ketidaksantunan berdasarkan peraturan konvensional dan norma tingkah laku.

Sementara itu, Mills (2005) menyatakan bahawa persepsi ketidaksantunan bergantung pada tafsiran interaksi dalam konteks tertentu untuk menilai apa yang sesuai, dan kejadian masa lalu yang mungkin mempengaruhi tafsiran tersebut. Walaubagaimanapun, menurut Watts (2005, p.20), "tingkah laku yang tidak sopan, sopan dan tingkah laku sesuai sukar untuk menilai kerana kemungkinan untuk interaksi sosial bervariasi dalam mengaitkan penilaian ini". Dalam erti kata lain, penutur dan pendengar tidak mungkin mempunyai tafsiran yang sama dan akan mentafsirkan secara berbeza berkenaan dengan tahap ketidaksantunan. Oleh itu, dengan melihat semua takrif, ia dapat diringkaskan bahawa para penyelidik masih memikirkan definisi ketidaksantunan yang tepat, tetapi pada masa yang sama sumbangan Goffman (1967) dan Brown dan Levinson (1987) kerangka kesantunan dalam memahami ketidaksantunan tidak dapat ditolak. Kajian oleh Pennanen (2013) yang menyimpulkan bahawa rangka kerja kesantunan Goffman (1967) dan Brown and Levinson (1987) telah memberikan manfaat yang berguna untuk banyak teori tentang ketidaksantunan.

## **2.2 Definisi Ketidaksantunan Culpeper, (2011)**

Menurut Culpeper (2011, m.23):

Ketidaksantunan adalah satu sikap yang negatif terhadap tingkah laku tertentu yang berlaku dalam konteks tertentu. Ia dialami oleh harapan, keinginan, samaada kepercayaan mengenai organisasi sosial, termasuk dan khususnya, bagaimana seorang atau identiti sekumpulan menjadi orang tengah oleh orang lain melalui interaksi. Tingkah laku ini dilihat secara negatif kerana ia dikenali sebagai ketidaksantunan apabila mereka konflik dengan bagaimana seseorang menjangka mereka yang berkenaan, bagaimana seseorang itu dikehendaki oleh mereka untuk menjadi atau bagaimana seseorang difikirkan mereka patut menjadi. Tingkah laku seperti ini sentiasa mempunyai atau dianggap mempunyai kesan emosi untuk sekurang-kurangnya seorang mangsa, dimana, ia menyebabkan atau dianggap sebagai kesalahan. Pelbagai faktor yang boleh menjadikan cara bagaimana serangan kelakuan kurang sopan ini dilakukan terhadap seseorang individu. Sebagai contoh, sama ada seseorang yang menyebabkan tingkah laku sebegini menganggapkan dirinya kuat dan melakukan secara sengaja ataupun tidak sengaja.

Walaupun, Brown dan Levinson percaya bahawa ketidaksantunan berlaku secara tidak besar-besaran dalam kehidupan seharian kita, tetapi data yang dikumpul oleh Culpeper daripada kajian beliau sebelum ini membuktikan bahawa ia wujud dalam kehidupan seharian semasa. Ini telah menjadi asas untuk model strategi ketidaksantunan oleh Culpeper (2011). Teori Culpeper juga percaya bahawa niat dan konteks memainkan peranan yang penting untuk mengkategorikan sesuatu keadaan itu samaada santun atau tidak, dimana Brown dan Levinson (1987) memberi tumpuan hanya pada muka dan berdasarkan andaian teori mereka pada data pada hanya tiga bahasa: Bahasa

Inggeris, Tzeltal dan Tamil. Teori Culpeper akan dijelaskan lebih terperinci dalam bahagian seterusnya.

## **2.3    Strategi Ketidaksantunan Culpeper**

Dalam buku beliau, “*Impoliteness: Using and Understanding the Language of Offence*” (2011), Culpeper menyenaraikan beberapa konsep yang berkaitan dengan ketidaksantunan yang terdiri dari muka, norma pengalaman, norma sosial dan hak serta moral.

### **2.3.1   Muka**

Yang pertama daripada konsep Culpeper adalah konsep muka. Status dan keyakinan diri dapat dipengaruhi oleh elemen muka. Selain itu, kerosakan imej atau reputasi orang ramai akan mengakibatkan kesedihan beremosi. Melalui memahami konsep muka, cara kejadian ketidaksantuan juga dapat difahami. Goffman (1967) mentakrifkan 'muka' sebagai "nilai sosial positif seseorang yang menuntut dirinya sendiri dengan berkesan dimana yang lain menganggap dia telah mengambilnya pada masa keadaan tertentu. Muka adalah imej diri yang mengambarkan dari segi sifat sosial yang diluluskan". (m/s.5)

Pada asasnya, ia bermakna orang ingin mendapat kesan positif tentang mereka dari orang lain. Walau bagaimanapun, ia penting untuk diperhatikan selain mengaitkan diri dengan nilai positif, apa yang orang lain menganggap tentang kita juga penting, yang menjadi lebih rumit. Secara amnya, ia bermaksud bagaimana perasaan orang lain tentang kita memainkan peranan

penting dalam bagaimana perasaan kita tentang diri kita sendiri. Oleh itu, kehilangan atau ancaman nilai air muka membuat seseorang bimbang tentang tanggapan orang lain. Berkenaan dengan konsep muka adalah sukar kerana setiap kita tidak mempunyai idea yang sama, iaitu apa yang dianggap sebagai nilai positif. Contohnya, orang yang agresif atau kuat boleh dilayan secara berbeza; mereka akan mengharainya dalam satu kumpulan tetapi tidak dalam kumpulan yang lain.

### **2.3.2 Norma Pengalaman**

Apabila seseorang mengalami situasi sosial yang sama berulang kali, dia mungkin boleh meramal jenis komunikasi yang akan berlaku. Selain itu, dia juga akan dapat meramal niat orang lain dan mengenal cara ataupun teknik untuk bertemu atau memecahkan interaksi mereka, Opp (1982) menunjukkan bahawa kelakuan yang berulang kali membantu orang untuk membuat ramalan. Ramalan akan membantu mereka untuk mendapatkannya beberapa jaminan. Secara am, orang lebih berminat untuk mengetahui keadaan atau situasi yang akan datang. Penyelidik Sosial Kognisi menekankan perkara menarik tentang hal ini. Kellermen dan Reynolds (1990, m.140), menyatakan bahawa ‘secara amnya, penyelewengan dari niat orang lain dinilai secara negatif’. Walau bagaimanapun, ini hanya hujah mengenai jangkaan umum. Sementara itu, perkara boleh menjadi lebih kompleks dalam konteks interaksi, kerana interaksi mungkin menjadi norma. Secara paradoks, ia adalah penting untuk diambil perhatian bahawa pelanggaran jangkaan mungkin juga positif.

### **2.3.3 Norma sosial dan hak**

Sejumlah ciri umum tingkah laku mungkin bertindih dengan norma sosial. Menurut Anderson (2000, m.17) yang dipetik oleh Culpeper (2011), "norma sosial adalah satu darjah tingkah laku yang dikongsi oleh kumpulan sosial, yang biasanya difahami oleh anggotanya sebagai berwibawa atau wajib bagi mereka". Di samping itu, Gilbert (1989) yang dipetik oleh Culpeper (2011) menyatakan bahaw, ia terdiri dalam satu kumpulan sosial bermakna norma-norma dari ahli kumpulan harus diterima oleh ahli lain, dan perlu mempunyai kesediaan untuk menerima mereka harus dilihat oleh orang lain. Beliau juga menyatakan bahawa tingkah laku yang memberontak, sama dengan ketidaksantunan, boleh mencetuskan tanggapan yang kuat kerana ia melibatkan hubungan dengan orang lain dan menimbulkan persoalan mengenai tingkah laku yang sesuai dengan hubungan. Peraturan tingkah laku yang setanding mungkin berlaku kerana beberapa norma sosial, iaitu diperkuuh oleh hukuman awam. Sebagai contoh, orang yang membuang sampah di merata tempat dianggap melanggar peraturan. Oleh itu, jika seseorang melanggar peraturan itu, hukuman seperti denda akan dikenakan kepadanya. Satu lagi contoh, menggunakan bahasa yang tidak sopan seperti tingkah laku yang tidak sesuai diterima dan diiktiraf. Ini disokong oleh institusi sosial dan badan seperti sistem perundangan. Mereka yang melanggarnya akan menghadapi sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Selain itu, jika masyarakat mendalamkan norma-norma sosial, penolakan dari orang lain atau rasa bersalah dalam dirinya juga boleh menjadi suatu bentuk sekatan. Adalah penting untuk diperhatikan bahawa norma sosial adalah konteks bersensitif. Dalam sesetengah keadaan, tingkah laku yang tidak sesuai akan diterima dan diiktiraf. Ini biasanya disebabkan oleh

ketidakseimbangan kuasa seperti dalam pengambilan tentera untuk latihan. Walau bagaimanapun, ia mungkin berbeza dalam situasi yang berlainan (Harris, 2001).

#### **2.3.4 Moral**

Keutuhan moral boleh berlaku disebabkan ketidaksantunan apabila ia melanggar norma-norma sosial tingkah laku. Norma sosial termasuk pengurusan muka semasa interaksi. Kunci untuk ini adalah bagaimana orang bertindak balas terhadap serangan muka dalam interaksi. Tindak balas ancaman dijangka sebagai balasan ancaman, dan oleh itu penutur mempunyai kepentingan dalam mengekalkan muka pendengar, kerana ini akan meningkatkan kebarangkalian sokongan timbal balik (Goffman, 1967; Brown & Levinson, 1987). Ketidak moralan boleh berlaku apabila seseorang gagal untuk kembalikan kesantunan dengan sopan. Ini dianggap melanggar darjah sosial yang biasa dikenali. Sisi negatif timbal balik adalah bahan bakar spiral konflik, kerana kerja pada pencerobohan telah ditunjukkan. Sebagai contoh, jika seseorang berfikir bahawa dia secara lisan diserang, biasanya mereka merasa wajar untuk membala.

Dari norma sosial dalaman, wujudnya tingkah laku moral. Menurut Tangney et al. (2007, m.346-7) yang dipetik oleh Culpeper (2011), "Mereka terutamanya melibatkan tingkah laku yang mempunyai akibat negatif bagi orang lain dan yang mana terdapat konsensus sosial yang luas bahawa mereka salah. Mereka dikaitkan dengan niat moral, emosi moral dan tingkah laku moral". Contohnya, piawaian moral dianggap melanggar apabila seorang kanak-kanak gagal mengucapkan terima kasih kepada seseorang yang telah memberikannya

hadiyah bernilai. Ibu bapa mungkin berasa marah atau kesakitan (emosi moral), tetapi memutuskan untuk memperbaiki keadaan (hasrat moral), dan mengingatkan anak dengan berbisik kepadanya (tingkah laku moral dan prososial). Moral adalah elemen penting yang dibentuk oleh darjah sosial dan apa yang organisasi sosial dipercayai.

Moral dikaitkan dengan satu set emosi iaitu emosi moral. Haidt (2003, m.855) yang dipetik oleh Culpeper (2011) membahagikan emosi moral negatif kepada dua kumpulan:

1. Emosi "mengutuk orang lain": kemarahan, jijik dan penghinaan.
2. Emosi "sedar diri": memalukan, malu dan rasa bersalah.

Culpeper mencadangkan bahawa pelanggaran norma sosial yang tidak masuk akal lebih cenderung untuk dicetuskan emosi yang mengutuk orang lain, sementara pelanggaran muka lebih cenderung untuk mencetuskan kesedaran diri emosi. Walau bagaimanapun, pelanggaran muka juga boleh melibatkan emosi lain yang mengutuk jika serangan muka dianggap tidak adil.

Dalam kajiannya, menggunakan diari sebagai data untuk mengkaji tentang ketidaksantunan, Culpeper meminta para pemberi maklumat menjelaskan perasaan mereka, dan kemudian dia menganalisis label emosi yang mereka menggunakan. Untuk kategori yang melibatkan kehilangan nilai muka, sebahagian besar daripada label emosi, 70%, tergolong dalam emosi umum kategori "kesedihan", emosi sedar diri, dan mengandungi label seperti malu, dihina, bodoh, sakit hati dan kecewa. Jadi bahagian pertama ramalan itu disokong. Walau bagaimanapun, untuk kategori yang melibatkan hak sosial, "kesedihan" masih penduduk yang paling padat kategori, menyumbang 48.6%.

Walau bagaimanapun, penguasaan kategori ini jauh lebih rendah. Sebaliknya, kita melihat peningkatan dramatik dalam kategori emosi am "kemarahan", yang sekarang menyumbang 27% (untuk peristiwa kerugian muka, ia menyumbang hanya 14.3% daripada label), dan mengandungi label seperti marah dan kesakitan.

Secara keseluruhannya, nampaknya emosi kesedaran diri menguasai peristiwa ketidaksantunan. Walau bagaimanapun, ini adalah benar dimana peristiwa-peristiwa yang melibatkan nilai muka dan paling tidak benar menggundang peristiwa-peristiwa yang melibatkan hak sosial dan di mana "kemarahan" pula satu lagi perasaan yang meningkatkan kepentingan. Hak yang mempunyai lebih banyak kaitan dengan ketidakadilan yang dilakukan yang melibatkan orang lain dan mempunyai implikasi yang lebih lemah untuk diri sendiri.

### **2.3.5 Bentuk Ketidaksantunan Culpeper (2011)**

Sesetengah perkataan dan struktur lebih kerap dirasai sebagai tidak sopan daripada yang lain. Antara berikut adalah semua yang kerap digunakan dalam data Culpeper (2011) dan menghasilkan tindak balas negatif dari sasaran. Tidak perlu dikatakan, menggunakan apa-apa bentuk tertentu tidak menjamin bahawa sasaran akan tersinggung - yang bergantung kepada konteks di mana ia digunakan. Walaupun Culpeper telah mengkategorikan strategi, ia sangat bergantung kepada konteks. Terdapat sembilan kategori berdasarkan data yang dikumpulkannya. Yang pertama adalah (1) penghinaan yang dibahagikan kepada empat sub-strategi, diikuti dengan (2) kritikan yang menegaskan, (3) soalan-

soalan yang mencabar, (4) merendahkan status/maruah, (5) penguatkuasa mesej, (6) diberhentikan, (7) penyenyap, (8) ancaman dan (9) ekspresif negatif. Kurungan persegi memberi petunjuk kepada beberapa ciri struktur strategi dan alternatif yang ditunjukkan dengan *slashes*.

### a) Penghinaan / *Insults*

#### 1. Vokatif digunakan sebagai panggilan negatif /

(*Personalized negative vocatives*)

- ❖ [you] [Fucking/ rotten/ dirty/ fat/ little/ etc.]
- ❖ [moron/ fuck/ plonker/ dickhead/
- ❖ [Berk/ pig/ shit/ bastard/ loser/ liar/etc.] [you]

#### 2. Penegasan digunakan sebagai panggilan negatif /

(*Personalized negative assertions*)

- ❖ [you] [are] [so/such] [a]
- ❖ [Shit/ stink/ thick/ stupid/ bitchy/ bitch/ hypocrite/ disappointment/ gay/ nuts/ nuttier than a fruit cake/hopeless/pathetic/fussy/terrible/fat/ugly/etc.]
- ❖ [you] [can't do] [Anything right/basic arithmetic/etc.]
- ❖ [you] [disgust/make] [me] [Sick/etc.]

#### 3. Rujukan digunakan sebagai panggilan negatif /

(*Personalized negative references*)

- ❖ [your] [little/stinking] [Mouth / act/ arse/ body/ etc.]

#### 4. Rujukan negatif orang ketiga dalam pendengaran sasara /

(*Personalized third-person negative references in the hearing of the target*)

- ❖ [the] [daft] [bimbo]
- ❖ [she's] [nutzo]

### b) Menuding Kritikan / Aduan – (*Pointed criticisms/ complaints*)

- ❖ [that/this/it] [is/was]
- ❖ [absolutely /extraordinarily /unspeakably/etc.]
- ❖ [bad /rubbish /crap /horrible /terrible/etc.]

**c) Ekspresif Negatif (Sumpahan) – (*Negative Expressive (Curses and ill-wishes)*)**

- ❖ [go] [to hell/hang yourself/fuck yourself]
- ❖ [damn/fuck] [you]

**d) Soalan yang tidak menyenangkan dan/atau pra-andaian-  
(*Challenging or unpalatable questions and/or presuppositions*)**

- ❖ Why do you make my life impossible?
- ❖ Which lie are you telling me?
- ❖ What's gone wrong now?
- ❖ You want to argue with me or you want to go to jail?

**e) Merendahhanka maruah/status - (*Condescensions*)**

- ❖ [that] ['s/being] [babyish / childish/etc.]

**f) Penguatkuasaan mesej – (*Message enforcers*)**

- ❖ listen here (as a preface)
- ❖ you got it? (as a tag)
- ❖ read my lips
- ❖ do you understand [me]? (as a tag)

**g) Diberhentikan– (*Dismissals*)**

- ❖ [go] [away]
- ❖ [get] [lost/out]
- ❖ [fuck/piss/shove] [off]

**h) Penyenyap – (*Silencers*)**

- ❖ [shut] [it/your mouth, face/etc.]
- ❖ [shut] [the fuck] up

**i) Ancaman – (*Threats*)**

- ❖ [I'll] [I'm/we're gonna] [smash your face in/beat the shit out of you/box your ears/bust your fucking head off/straighten you out/etc.]  
[if you don't] [X]
- ❖ [X] [before I] [hit you/strangle you]

## **2.4 Apakah itu Rancangan Realiti?**

Definisi rancangan realiti yang dinyatakan oleh Rhett (2004) sebagai satu bentuk rancangan atau program yang memaparkan orang awam di dalam situasi yang luar biasa dan menarik. “*Survivor*” merupakan contoh program realiti tv yang pertama dan disiarkan pada tahun 2000. Manakala Pieto dan Otter (2005) menyatakan realiti merupakan suatu genre yang mendapati kandungan rancangannya yang paling bernilai ialah pemaparan individu yang rela diletakkan dihadapan kamera dengan meletakkan keadaan bersendirian, maruah dan ketenteraman mereka, Ghazali (2016).

Menurut Khalidah (2005), konsep realiti televisyen di Malaysia masih lagi baru dan ianya hanya bermula pada tahun 2003 melalui rancangan Akademi Fantasia yang diterbitkan oleh ASTRO (pengasas realiti televisyen tempatan). Rancangan berkonseptan realiti televisyen ini semakin popular dan menyebabkan beberapa stesen televisyen tempatan yang telah mula menerbitkan rancangan realiti televisyen mereka sendiri disamping menyiarkan rancangan realiti televisyen terbitan luar negara terutamanya dari Amerika Syarikat. Menurut Ibrahim (2004), rancangan realiti televisyen di Malaysia merupakan rancangan yang diimport dari Barat dan banyak pihak yang menganggap bahawa rancangan ‘*Survivor*’ merupakan rancangan realiti televisyen yang pertama di dunia. Namun begitu, menurut beliau rancangan realiti televisyen telah bermula lebih awal lagi iaitu menerusi rancangan ‘*Candid Camera*’ (1960), ‘*Dating Game*’ (1965) dan ‘*An American Family*’ (1973). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa rancangan berkonseptan realiti televisyen telah lama diterbitkan cuma ia mula menjadi popular dan menjadi perhatian masyarakat dunia selepas bermulanya penyiaran rancangan ‘*Survivor*’.

Di Malaysia, rancangan realiti yang berjaya mendapat tempat di hati penonton ialah Akademi Fantasia, Mentor, Malaysia Top Host, Gadis Melayu, *The Apprareantice* di TV3 dan banyak lagi. Manakala, rancangan realiti Tamil pula boleh dikira seperti ‘*Attam 100 Vagai*’, ‘*Nalamudan Valvom*’, ‘*Vaanavil Paadalthiran Potti*’, yang berubah nama kepada ‘*Avatharam Aarambam*’ dan kini dikenali sebagai ‘*Vaanavil Super Star*’, ‘*Rasikka Rusikka*’ dan sebaginya. Siaran rancangan realiti Tamil tempatan di Malaysia adalah terhad dimana bagi setiap sesi rancangan realiti, hanya diberikan slot yang terhad, walaupun rancangan realiti yang berkONSEP sama.

Manakala, di India pula terdapat banyak saluran televisyen yang mempunyai pelbagai variasi rancangan realiti. Ini menyebabkan setiap saluran bertungkus lumus untuk meningkatkan persaingan antara saluran televiyen. Rancangan realiti India merupakan dunia yang sibuk masa terkini di industri televisyen. Rancangan realiti merupakan slogan yang diperkataan oleh penerbit television dan eksukutif saluran. Semuanya hanya bertujuan untuk meningkatkan nilai TRP dan kebanyakan rancangan realiti yang disiarkan rancangan realiti yang lebih kepada tarian, nyayian dan pelakonan. Bagi bersaing dengan salauran televiyen lain, mereka terpaksa import daripada luar Negara, terutamanya USA. Akan tetapi, terdapat beberapa rancangan yang berkualiti rendah. Rancangan realiti India berjaya menyiaran daripada rancangan pertunjukkan bakat kepada tarian drama, pelakonan, rancangan bual bicara, masakkan, *chit-chat* dimana senarai rancangan reality adalah tidak terhingga, (Subramaniam dan Tiwari, 2010). Antara salah satu rancangan realiti “*talk show*” yang popular di India adalah rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### **2.4.1 Rancangan realiti *Solvathellam Unmai***

Rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ialah salah satu rancangan realiti Tamil “*reality talk show*”<sup>1</sup> yang popular di saluran *Zee Thamizh* secara bersiri dan dimuat naik di laman YouTube. Disini perkataan *Solvathellam Unmai* (*சொல்வதெல்லாம் உண்டை*) ini membawa maksud bercakap benar, dimana perkataan *Solvathellam* (*சொல்வதெல்லாம்*) sahaja terdiri daripada gabungan dua perkataan Bahasa Tamil iaitu *Solvathu* (*சொல்வது*) + *ellam* (*எல்லாம்*) adalah Cakap + Semua; manakala perkataan *Unmai* (*உண்டை*) ialah bermaksud benar atau betul. Penjelasan disini adalah bercakap atau berucap benar tentang kesemua masalah yang dihadapi dan dilalui secara umum dengan rela diletakkan dirinya di hadapan kamera untuk mendapatkan pertimbangan atau keadilan yang sewajarnya dikhlayak ramai. Di sini menjadinya persoalan dimana, adakah semua peserta yang terlibat dengan rancangan realiti ini bercakap benar di hadapan kamera?

Jawapanya, sejak bermulanya rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini telah memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah kekeluarga, perselisihan antara suami isteri, berjaya dalam menyelesaikan banyak misteri pembunuhan dan penipuan oleh orang yang mengaku diri sebagai tuhan. Rancangan ini juga membantu dalam mendidik penonton tentang isu-isu yang melanda dalam kalangan masyarakat seperti kamera tersembunyi, penglibatan dalam mengedar wanita muda dan kanak-kanak, membongkarkan cerita gadis-gadis kolej ditipu dan dijadikan sebagai pelacur. Rancangan realiti ini mendapat

---

<sup>1</sup>. <https://www.zeeentertainment.com/in-the-news/zee-tamil-launches-a-new-season-of-solvathellam-unmai/>

sambutan yang amat menggalakkan dan sangat hangat daripada penonton sehingga berjaya merangkumi siaran lebih 1500 episod.

Rancangan realiti *Solvathellam Unmai* digunakan sebagai suatu *platform* penyelesaian masalah bagi orang yang mempunyai masalah dalam rumah tangga, yang ingin dapatkan bantuan penyelesaian dan tidak sama sekali segan untuk berkongsi pengalaman dengan masyarakat umum. Rakaman episod-episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai* tersebut terdapat di laman sesawang YouTube. Berikutan dengan itu, rancangan realiti *Solvathellam Unmai* juga mendapat penghargaan, kepujian, pandangan umum di kalangan orang ramai dan juga perasaan tidak puas hati seperti perasaan marah terhadap rancangan tersebut sehingga sanggup melontarkan komen-komen yang tidak menyenangkan dan kurang sopan. Kenyataan penonton yang menjadi pandangan dan reaksi terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* menjadi tumpuan utama kajian ini.

## **2.5 Komunikasi berasaskan komputer - *Computer Mediated Communication (CMC)***

Dalam era perkembangan teknologi pada awal tahun 1990-an, tujuan utama orang ramai menggunakan komputer pada masa tersebut adalah untuk mempermudahkan proses pemindahan informasi, pemindahan data dan juga pembentukkan perkakasan. Penggunaan email, berbual (*chatting*), melayari laman menjadi sangat popular pada pertenggan tahun 1990-an yang menyebabkan memberikan tumpuan terhadap CMC.

Terdapat banyak definisi CMC. Menurut Santoro (1995), "pada keseluruhannya, CMC dapat merangkumi hampir semua pengguna komputer termasuk aplikasi yang pelbagai seperti program analisis statistik, sistem penginderaan jauh dan program pemodelan kewangan, semuanya sesuai dengan konsep komunikasi manusia" (ms.11). Disember (1997) menyatakan bahawa CMC adalah kaedah berkomunikasi melalui komputer oleh manusia. Ia melibatkan orang yang terlibat dalam konteks tertentu, menggunakan media untuk tujuan yang berbeza. Namun definisi 'klasik' yang lain dicadangkan oleh Herring (1996 m.1), seorang sarjana yang juga telah dikaitkan dengan bidang itu untuk beberapa waktu di mana beliau menerangkan bahawa "CMC adalah komunikasi yang berlaku antara manusia melalui instrumen komputer."

Sementara itu, Locher (2010) mentakrifkan CMC sebagai pertukaran komunikasi antara interaktan menggunakan peranti elektronik iaitu telefon bimbit atau komputer. Herring (2001 p. 621) menyatakan bahawa "satu ciri ciri, terutamanya banyak mod komunikasi CMC berdasarkan teks (contohnya blog, e-mail) adalah mereka bentuk 'interaksi tanpa nama' (tanpa wajah, hodoh)."

Sejak dua puluh tahun yang lalu, CMC telah menarik perhatian pakar bahasa, penyelidik komunikasi dan ahli sosiologi dan agak banyak penyelidikan telah dilakukan pada CMC. Walau bagaimanapun, adalah menarik untuk dicatat bahawa majoriti teks yang diterbitkan di CMC setakat ini tidak menumpukan kepada isu kesantunan atau ketidaksantunan (Locher, 2010).

### **2.5.1 Ketidaksantunan dalam konteks komunikasi berasaskan komputer (CMC)**

Ruang komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dimana dapat dikategorikan sebagai komunikasi berasaskan komputer. Loche (2010) mengatakan bahawa komunikasi berasaskan komputer merupakan sejenis komunikasi atau pertukaran maklumat yang dibantu oleh perisian teknologi seperti komputer. Beliau juga bertambah papan buletin ini amat berguna untuk membezakan komunikasi pemerolehan dan komunikasi bukan pemerolehan. Komunikasi pemerolehan boleh didefinisikan sebagai interaksi sebenar di mana orang berkomunikasi dapat respon secara spontan. Antara komunikasi pemerolehan yang biasa dikenali ialah sembang secara langsung atau persidangan video secara langsung. Sebaliknya, komunikasi bukan pemerolehan merupakan komunikasi yang tidak bersemuka dan tidak dapat menerima balasan serta- merta. Misalnya, pengguna yang menghantar email kepada para penerima juga dikehendaki menunggu beberapa hari untuk menerima balasannya. Oleh yang demikian, komunikasi yang dibincang dalam kajian ini merupakan komunikasi bukan pemerolehan kerana laman *YouTube* ini direka khas untuk hiburan dan dimana penonton *YouTube* yang terlibat dalam pemberian komen sahaja hanya perlu menunggu beberapa jam sahaja untuk menerima balasan daripada penerimanya. Sementara itu, komen di ruangnya akan bertambah sentiasa oleh para penonton lain.

Tambahan pula, Locher (2010) juga mencadangkan komunikasi berasaskan komputer masih berdasarkan teks dan menjadikannya menarik bagi juru bahasa untuk belajar. Seterusnya beliau juga menggariskan beberapa sebab

untuk mengkaji ketidaksantunan dalam komunikasi berasaskan komputer. Pertamanya, komunikasi berasakan komputer juga mengandungi perbincangan daripada norma-norma dalam bentuk teks. Kajian mengenai teks-teks tersebut membolehkan kita untuk mendalamkan lagi pemahaman mengenai apa yang boleh dianggap sebagai ketidaksantunan dalam perkara-perkara tertentu. Keduannya, kadangkala menarik juga untuk mengkaji perbezaan ketidaksantunan dalam kehidupan sebenar dengan ketidaksantunan dalam komunikasi berasaskan komputer.

Dalam erti kata lain, komunikasi berasakan komputer mempunyai beberapa batasan berbanding komunikasi bersemuka. Locher (2010) juga menyarankan bahawa walaupun komunikasi berasakan komputer berasaskan teks, tapi ia masih menjadi dominan, pada masa yang sama ada juga maklumat tertentu yang boleh disampaikan dalam komunikasi bersemuka tidak terdapat pada komunikasi berasakan komputer. Misalnya, dalam komunikasi bersemuka boleh mengukur emosi antara satu sama lain melalui bahasa badan dan ekspresi muka. Di samping itu, prosodi juga memainkan peranan yang besar dalam komunikasi bersemuka sebagai nada dan kelantangan suara seseorang individu boleh menjadi faktor penting dalam tafsiran mesej. Sebagai contoh, Culpeper (2011) membincangkan bagaimana ciri-ciri prosodi seseorang iaitu suara boleh digunakan untuk mengukur emosi. Di samping itu, beliau juga menambah bahawa intonasi boleh memburukkan lagi keadaan ketidaksantunan. Sebagai contoh, satu ancaman yang boleh dipertingkatkan dengan menjerit. Dinamik komunikasi juga adalah berbeza antara dua media. Semasa pengaliran komunikasi bukan pemerolehan terutamanya, kelewatian dalam interaksi boleh menjelaskan aliran perbualan kerana individu akan mempunyai lebih banyak

masa untuk mencerminkan sekali gus mengurangkan kemungkinan bantahan yang spontan.

Beberapa penyelidik juga telah menyatakan bahawa perbezaan di antara dua media mungkin menjelaskan jenis ketidaksantunan yang digunakan dalam interaksi. Sebagai contoh dalam kajian tentang ketidaksantunan dalam komunikasi berasaskan komputer. Angouri dan Tseliga (2010) mendapati bahawa tanda baca tidak teratur dan ejaan yang digunakan oleh pelajar Yunani dan ahli akademik untuk meluahkan emosi mereka. Peserta dalam kajian ini juga menggunakan ejaan tidak lazim dan tanda bacaan seperti penggunaan semua huruf besar atau ulangan tanda baca tertentu seperti '!!!' atau '???' untuk meluahkan perselisihan atau kekecewaan. Mereka berpendapat bahawa fenomena tertentu ini boleh ditafsirkan sebagai pengaruh yang jelas daripada medium interaksi. Penggunaan ejaan yang tidak lazim ini boleh ditafsirkan sebagai penyesuaian oleh peserta untuk meluahkan emosi mereka disebabkan oleh kekurangan isyarat atau paralinguistik seperti prosodi atau ekspresi wajah di komunikasi berasakan komputer.

Dalam kajian lain, Darice (2010) juga mengakui perbezaan antara komunikasi bersemuka dan komunikasi berasakan komputer sebagai media perantaran komunikasi dan mencadangkan bahawa perbezaan ini tidak wajar dibiarkan mengkaji kesantunan atau ketidaksantunan dalam kedua-dua media. Darics (2010) berpendapat komunikasi berasakan komputer itu tidak mempunyai isyarat sosial dan aspek-aspek prosodi yang terdapat dalam komunikasi bersemuka. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, terdapat beberapa petunjuk paralinguistik yang tidak ada dalam komunikasi berasakan

komputer seperti bahasa isyarat badan atau ekspresi wajah. Oleh itu, Darics (2010) menunjukkan bahawa orang berkomunikasi dalam komunikasi berasaskan komputer biasanya menggunakan 'tanda-tanda pampasan' untuk mengurangkan kekurangan sosial isyarat dalam interaksi. Salah satu tanda pampasan yang paling biasa ialah penggunaan '*smiley*' semasa berkomunikasi melalui komunikasi berasakan komputer. Hal ini terutamanya berlaku pada tapak atau aplikasi yang telah dibina dalam *smiley* menyokong, seperti *Facebook* atau *whatsapp*. Menariknya *YouTube* sebagai laman web yang tidak menyokong atau menggunakan penggunaan '*smiley*' atau '*emojis*'. Di samping itu, penggunaan *smiley* yang lebih tradisional seperti ';) ' , ' ;( ' adalah lebih disukai oleh masyarakat. Jadi, boleh mencadangkan bahawa tanda-tanda pampasan yang diterima guna oleh pengguna komunikasi berasakan komputer bergantung kepada media. Darics (2010) juga mencadangkan bahawa penggunaan ejaan yang tidak lazim juga sebagai salah satu tanda pampasan yang digunakan oleh pengguna komunikasi berasakan komputer sebagai strategi mudah suai bagi kekurangan sosial isyarat di komunikasi berasakan komputer.

Pada ruang komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* di *YouTube* kebanyakannya interaksi dalam berbentuk teks. Walaupun pengguna hanya menggunakan untuk menghantar imej, namun kebanyakannya imej biasanya tidak boleh dihantar atau dimuat turun. Tanggapan bahawa komunikasi berasakan komputer adalah berbeza daripada interaksi bersemuka dan ia menjadi salah satu punca berlakunya ketidaksantunan dalam interaksi di laman sosial sepertimana akan dijelaskan dalam bahagian Bab 4.

## **2.6 Kajian Lepas Berasaskan Ketidaksantunan**

Berkenaan komunikasi tanpa bersemuka ini ataupun berasaskan computer terdapat pelbagai kajian telah dijalankan oleh ramai pengkaji. Kajian tentang penggunaan laman sosial terutama *Facebook* semakin ketara dalam kalangan masyarakat masa kini hingga menyebabkan perkembangan penggunaan bahasa yang tidak sopan dalam kalangan pengguna. Shamilah Abdul Halim, (2015) yang mengkaji ‘*strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam Facebook ahli politik*’ mengkaji sembilan jenis strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) dalam 151 komen penonton *Facebook* di akaun *Facebook* seorang ahli politik terkenal Malaysia dan melihat faktor yang mungkin menyumbang kepada ketidaksantunan dalam kalangan pengguna *Facebook*. Dapatan menunjukkan strategi yang paling banyak digunakan oleh pengguna *Facebook* tersebut adalah penghinaan ‘*insult*’ dan turut mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidaksantunan seperti ketiadaan identiti (*anonymity*), kekurangan petunjuk bukan verbal (*non-verbal cues*) dan emosi. Kajian ini dijadikan sebagai salah satu rujukan kerana kerangka teori startegi ketidaksantunan Culpeper (2011) diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kajian mengenalpasti sembilan jenis strategi ketidaksantunan yang diutarakan oleh Culpeper dalam data beliau.

Kajian Murugan.K (2018), tentang Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysiakini yang membincangkan tentang kajian Penggunaan komunikasi menggunakan komputer ataupun ‘computer-mediated communication (CMC)’ terutamanya Facebook menjadi penggerak bagi kajian dengan mengambil sesuatu isu iaitu kenaikan harga petrol yang menjadi bahan perbincangan kajian ini. Teori strategi Ketidaksantunan bahasa Culpeper (1996; 2005) dan Strategi Ketidaksantunan Bahasa Culpeper (2011) untuk menganalisis elemen ketidaksantunan bahasa dalam komen

terhadap harga petrol daripada Facebook. Sebanyak 60 komen dari tahun 2016 dan tahun 2017 telah digunakan sebagai data kajian. Hasil dapatan kajian membincangkan bahawa strategi ketidaksantunan secara langsung dan strategi ketidaksantunan sindiran banyak digunakan oleh pengguna Facebook dalam komen laman sosial Malaysiakini (Versi BM) terhadap isu kenaikan harga petrol. Selain itu, kombinasi strategi ketidaksantunan secara langsung dan sindiran banyak terdapat dalam komen laman sosial Malaysiakini (Versi BM). Kenaikan harga petrol oleh kerajaan Malaysia telah mencetus perasaan tidak puas hati rakyat sehingga wujud ketidaksantunan bahasa dalam komen laman sosial Malaysiakini (Versi BM). Secara ringkasnya, perubahan dalam aspek ekonomi telah menyebabkan rakyat untuk bertindak balas terhadap politik negara.

Sementara itu, topik ketidaksantunan telah menjadi semakin popular sebagai objek penyelidikan linguistik sejak kebelakangan ini. Dalam kajian, '*Impoliteness and threat responses*', oleh penulis Holger Limberg (2009) ini, ketidaksantunan adalah dilihat sebagai satu bentuk sengaja yang mengancam muka dan gangguan yang disebabkan oleh cara lisan dan bukan lisan dan interaktif ditafsirkan dalam konteks tertentu. Pertama, ancaman dianalisis dari perspektif teori untuk mendedahkan fungsi mereka dan digunakan dalam interaksi, dan untuk menunjukkan status mereka dalam model sedia ada ketidaksantunan. Wacana ini, membentuk tingkah laku konflik kemudiannya secara empirik disiasat dari titik penerima pandangan. Untuk tujuan ini, maklum balas kepada ancaman telah mencungkil dan kemudiannya diklasifikasikan untuk mengetahui bagaimana penutur dilihatnya ini “perubahan wajah yang berkencam” (Brown dan Levinson, 1987), dan sama ada jawapan mereka mendedahkan apa-apa kecenderungan mengenai hasil situasi konflik tertentu. Kajian mengenai Dinamik interaksi sosial ini, membolehkan orang untuk menggunakan pelbagai strategi linguistik yang menggalakkan, mengekalkan, atau menyerang muka penerima. Dalam beberapa

kes, penceramah mungkin menggunakan strategi komunikasi yang sengaja mewujudkan konflik sosial dengan penerima, dengan itu menyebabkan ketidakharmonian antara ancaman '*interlocutors*'. Kertas ini cuba untuk menunjukkan bagaimana bentuk ketidaksantunan sengaja boleh menyerang muka, dan bagaimana penutur bertindak balas terhadap tindakan serangan ini.

Buli siber merupakan satu masalah global yang memberi kesan negatif, terutamanya dalam kalangan remaja yang merupakan pengguna media sosial utama. Kajian membincangkan bagaimana unsur-unsur ketidaksantunan dalam berbahasa serta ketidakpatuhan etika media sosial boleh membawa kepada jenayah buli siber di kalangan remaja dimana satu amalan komunikasi melalui teknologi yang bertujuan untuk mengecam, mengganggu, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu mahupun perkongsian gambar atau video yang boleh menjatuhkan imej si mangsa. Untuk mencapai objektif kajian, satu siri temubual serta pemerhatian telah dilakukan selama 12 bulan ke atas 120 orang remaja di Malaysia di mana 324, 362 perkataan telah berjaya dikumpulkan dengan menggunakan kaedah penceritaan. Kajian menjalankan satu analisis bahasa berdasarkan teori ketidaksantunan (Culpeper 1996) dan hasil kajian menunjukkan fenomena ketidaksantunan bahasa yang jelas dalam kalangan remaja di Malaysia, Azianura, H.S & Mohammad Rahim .K. (2019).

Culpeper (2005) dan Goffman (1967: 14) juga mengaitkan ancaman pada muka di mana penutur menyerang kelihatan bertindak pendendam dengan niat menghina secara terbuka. Dalam pandangan Culpeper (2005:38) ketidaksantunan terjadi ketika:-

- (1) Perilaku penutur dalam komunikasi bertujuan menyerang muka dengan sengaja.

- (2) Penutur merasakan aksi yang dimaksudkan menyerang mukanya, atau kombinasi (1) dan (2)

Keadaan semacam itu terjadi kerana wujudnya interaksi dan konflik yang mementingkan diri sendiri dalam sesuatu komunikasi. Seperti mana yang dinyatakan oleh pelapor, dalam kajian ini penonton yang berinteraksi di laman sosial *Youtube* mempunyai niat dan perilaku menyerang muka dengan sengaja dalam komunikasi yang melibatkan tanpa bersemukaan antara satu sama lain oleh penonton.

McEnery (2006) memberitahu, intipati linguistik untuk sumpahan, satu aksi yang berpotensi menjadi tidak santun. Sesetengah tulisan mengambil rangka kerja tidak santun sebagai satu titik permulaan seperti dalam penulisan Lachenicht (1980), Culpeper (1996) dan Bousfield (2008). Culpeper (2009) menyatakan bahawa fungsi-fungsi aksi tidak santun dikenalpasti walaupun ianya bertindih satu sama lain. Tiga jenis fungsi dikenalpasti iaitu memberi kesan, bersifat memaksa dan menghiburkan. Pada mulanya, pengkaji mengkaji konteks situasi tidak santun dalam fungsi hiburan. Kemudian, pengkaji mempersempahkan bagaimana satu susunan kreativiti boleh didapati ketidaksantunan dalam penulisan bahawa ianya bukan sahaja hiburan semata-mata tetapi mempunyai fungsi utama dalam ke paduan sosial. Dalam dimensi yang mungkin menjadi asas dalam model ketidaksantunan yang dicadangkan adalah, ketika ketidaksantunan bertambah, ketidaksantunan juga bertambah secara berperingkat. Ketika strategi ketidaksantunan merewang atau berkembang, kesan tidak santun juga meningkat. Ketidaksantunan pertuturan dapat dikaitkan dengan kekuatan kuasa penutur itu.

Pengkaji mengkaji peraturan dalam konteks umum menunjukkan kaitan antara ketidaksantunan adalah jelas, khususnya dalam aspek penghinaan, penderaan lisan dan

aksi mengugut atau mengancam. Culpeper menyatakan bahawa definisi ketidaksantunan yang terkini menggariskan konsep muka, normal sosial dan hak, niat serta emosi. Norma sosial sebagai ukuran yang berkuasa terdapat kelakuan adalah asas hak sosial. Pengkaji meneliti bahawa hak-hak ini adalah berkaitan dengan moral dan ia adalah ciri-ciri penting dalam ketidaksantunan.

Kajian Argyro Kantara (2010) “*Impoliteness Strategies In House*”, adalah untuk menyiasat strategi ketidaksantunan yang digunakan oleh watak utama dalam siri TV-House. Ketidaksantunan dalam rancangan ini tertumpu ke arah bos, kawan dan rakan sekerja, pelatih dan pesakit, dan maklum balas kepada mereka. Strategi ketidaksantunan ini digunakan dalam konteks yang diberikan, iaitu hospital. Rancangan ini menggunakan rangka ketidaksantunan yang dicadangkan untuk menyiasat bagaimana watak-watak tersebut menikmati populariti yang besar di seluruh dunia walaupun adab antisosial atau tingkah laku kurang santun. Ini telah disiasat oleh pengenalpastian dan analisis utama strategi watak itu ketidaksantunan, dan maklum balas kepada mereka, kedua-duanya terdiri daripada item tatabahasa atau leksikal, tidak mengambil kira peranan prosodi sebagai yang dicadangkan oleh Culpeper, Bousfield dan Wichman (2003).

Selain itu, Culpeper dalam bukunya ‘*Impoliteness: using language to cause offence*’, yang diterbitkan pada tahun 2011, membincangkan tentang bagaimana kerja-kerja tingkah laku kurang sopan berlaku. Persoalan kajian yang dikaji adalah bila bahasa dipertimbangkan sebagai kurang sopan dan adakah bahasa kurang santun hanya digunakan untuk tujuan anti sosial. Malah, objektif pengkaji bukan sekadar mengkaji bentuk dan fungsi tetapi persefahaman orang itu dalam kedua-dua konteks awam dan swasta. Data pengkaji berasaskan data bahasa semula jadi dari penemuan linguistik

pragmatik dan psiko-sosiologi. Data semula jadi merujuk kepada interaksi yang akan berlaku tidak kira sama ada penyelidik itu telah datang kepada tempat kejadian dan meminta atau memperoleh rakaman itu.

Kajian '*Intercultural Impoliteness*' oleh Istvan kecskes (2015), berhujah bahawa ketidaksantunan mungkin kerja yang berbeza dalam interaksi antara budaya dari dalam komunikasi Bahasa Pertama. Kebanyakan penyelidik menganalisis ketidaksantunan dalam satu bahasa seolah-olah bersetuju bahawa tidak ada perbuatan yang sememangnya tidak santun. Keadaan seperti ini bergantung kepada konteks atau tuturan. Beban santun atau tidaksantun daripada tuturan dan ucapan-ucapan mungkin hilang fungsi apabila ketidaksantunan mungkin muncul di tempat yang tidak sepatutnya. Dengan memberi tumpuan kepada makna asal penutur yang kadang-kadang mungkin tidak menyedari ketidaksantunan kerana ia disampaikan secara tersirat atau melalui cara paralinguistik yang berfungsi secara berbeza untuk penutur dengan latar belakang penggunaan bahasa yang berlainan.

Artikel '*Gender and Impoliteness*' oleh Sara Mills (2005), menganalisis hubungan yang kompleks antara jantina dan ketidaksantunan. Daripada menganggap bahawa jantina dan ketidaksantunan adalah entiti konkrit yang dapat dikesan dalam perbualan, pengkaji berpendapat bahawa jantina dan ketidaksantunan adalah unsur-unsur yang dapat dilihat semasa interaksi. Mereka adalah unsur-unsur yang saling berkait erat sebagai *identity gender stereotaipl*. Pengkaji mencabar tanggapan bahawa wanita secara keseluruhannya adalah "bagus" daripada lelaki dalam interaksi, kerana banyak penyelidikan semasa seolah-olah menyerlahkan daya saing interaksi wanita.

Culpeper (2011) dalam laporan akhir<sup>2</sup> penulisan untuk buku '*Impoliteness: Using language to cause offence*' menyatakan bahawa pragmatik adalah satu bidang yang memfokus penggunaan bahasa dalam konteks. Kajian ini memberi model ketidakasantunan yang komprehensif dan juga sistematik. Ini bukan sahaja secara teori tetapi juga dalam bentuk data. Fenomena berkaitan ketidaksantunan dikaji dalam pelbagai bidang.

Artikel "*Impoliteness in culture context,*" oleh Sara Mills (2009), menganalisis cara yang generalisasi tentang ketidaksantunan di peringkat budaya yang sering disokong oleh pengetahuan stereotaip dan ideologi. Kenyataan-kenyataan tentang kemunculan ketidaksantunan dan penurunan kesantunan adalah berdasarkan kepada ideologi pandangan. Sara Mills, berpendapat bahawa pandangan-pandangan daripada kumpulan luar yang bukan pakar bidang Pragmatik mengenai tahap kesantunan adalah sebahagiannya disebabkan oleh penggunaan model ketidaksantunan yang telah dibangunkan untuk menerangkan interaksi di peringkat individu, bukannya model sosial kesantunan. Oleh itu, kita perlu membangunkan model analisis yang lebih secukupnya boleh membuat perubahan dikalangan sesuatu masyarakat.

Kajian '*Impoliteness and Emotional Arguments*', oleh Manfred Keinpointer (2008) merupakan pengenalan kepada penyelidikan ketidaksantunan baru-baru ini. Definisi awal ketidaksantunan diberikan oleh pengkaji dalam jurnal ini. Kemudian emosi memainkan peranan penting berkaitan dengan kesantunan dan ketidaksantunan. Kenyataan ini berikan, diikuti dengan penerangan berdasarkan beberapa sambungan antara perbalahan emosi, kesilapan dan ketidaksantunan. Perbalahan emosi tidak perlu

---

<sup>2</sup> Impoliteness: Using language to cause offence (Final report submitted to the ESRC, November 2009), Jonathan Culpeper.

banyak kesalahan dan yang berkait selalu dirumuskan dalam cara yang kurang santun. Perbalahan itu dipanggil "perbalahan yang merosakkan" dalam kertas ini.

## **2.7 Kajian Lepas Berasaskan Laman Sosial dan Rancangan Realiti**

Sementara itu, Kajian oleh *Wibowo, G.P.* dan *Kuntjara, K.* (2013) tentang *strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen laman bola sepak Indonesia* yang mengkaji strategi ketidaksantunan digunakan dalam komen di laman dan apakah strategi yang kerap digunakan oleh penonton Indonesia. Kajian menggunakan strategi ketidaksantunan Culpeper.J. (2005) untuk mengenalpasti strategi-strategi yang digunakan oleh peminat bola sepak. Hasil dapatan kajian bahawa pada awal kajian peminat Indonesia kebanyakannya menggunakan strategi ketidaksantunan positif untuk meluahkan tingkahlaku negatif dalam komennya. Empat daripada lima strategi ketidaksantunan digunakan dalam pemberian komen di laman bola sepak oleh peminat Indonesia. Walaupun kajian ini memfokuskan strategi ketidaksantunan Culpeper (2005) dalam komen di laman sosial, akan tetapi kajian ini membincangkan interaksi tanpa bersemuka dalam kalangan masyarakat Indonesia dan memfokuskan laman sosial dimana, ia mempunyai persamaan dengan kajian ini. Maka, kajian ini masih lagi dalam lingkungan topik perbincangan dan boleh dijadikan sebagai rujukan tambahan bagi kajian ini.

Jurnal bertajuk '*ketidaksantunan dan hiburan dalam rancangan kuiz televisyen: The Weakest Link*', oleh Culpeper (2005), telah mengenal pasti bahawa ketidaksantunan dikaitkan sebagai contohhiburan televisyen semulajadi yang relevan digunakan untuk memerhati ketidaksantunan dalam pertuturan. Beliau juga telah mengkaji ancaman muka dan ketidaksantunan dalam rancangan kuiz tersebut.

Selain itu, kajian oleh Subramaniam. S dan Himanshu Tiwari (2014) yang bertajuk '*Impact of reality shows on common man and its sustainability*', menyatakan bahawa kajiannya bertujuan untuk memahami kesedaran tentang rancangan realiti dan menganalisa kesan rancangan realiti terhadap penonton lelaki dan perempuan. Kajian dijalankan melalui soal selidik diedarkan melalui *google drive*. Hasil dapatan kajian dinyatakan dalam bentuk kuantitatif dan dapatan kajian akan dikongsi dengan para pengurus televisyen. Kajian disini memfokuskan kepada rancangan realiti yang menjadi tumpuan orang ramai.

Seterusnya, kajian Siti norsyahida dan Nurfarhana, (2016) '*Unsur Humor Dalam Rancangan Televisyen Popular*' membincangkan kesan dan pengaruh masyarakat terhadap rancangan televisyen popular iaitu Maharajalawak Mega 2014. Rancangan ini mengandungi unsur humor, isu kontemporari, pengajaran dan mesej yang cuba disampaikan kepada khalayak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan unsur humor dalam rancangan Maharaja lawak Mega 2014 dan melihat mesej yang disampaikan walaupun dalam bentuk komedi dengan penerapan Teori Pembelajaran (Albert Bandura, 1986). Perkara yang ditekankan dalam kajian ini ialah di samping masyarakat berhibur menonton rancangan televisyen, masyarakat juga memperoleh manfaat daripada rancangan tersebut. Cara pengumpulan data ialah dengan melihat dan mengumpul unsur nasihat dari rakaman rancangan Maharajalawak Mega 2014. Data dianalisis dalam bentuk teks bagi memudahkan penghuraian data. Dapatan kajian mendapati terdapat unsur nasihat dan mesej tertentu dalam setiap penyampaian peserta rancangan tersebut.

*Kajian kes: sejauhmana rancangan realiti televisyen mempengaruhi aspek norma dan nilai dalam kehidupan penonton golongan muda* oleh Ghazali (2016), tentang mengenalpasti sejauh mana rancangan realiti tv mempengaruhi aspek norma dan nilai dalam kalangan penonton golongan muda. Tahap pengaruh ini dikenalpasti dengan berpandukan kepada soalan tema yang dikemukakan dalam kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temubual kumpulan fokus. Para informan telah diagihkan kepada empat kumpulan iaitu dua kumpulan lelaki dan dua kumpulan perempuan. Data yang berbentuk transkripsi perbualan telah diinterpretasi berdasarkan soalan tema yang dikemukakan kepada informan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh yang terbentuk terhadap norma dan nilai kehidupan dalam kalangan penonton terutama golongan muda.

## **2.8 Lain-lain Kajian Lepas**

Makalah bertajuk ‘*ketidaksantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia*’ oleh Azizul dan Vijayaletchumy (2016), mengkaji ketidaksantunan bahasa melayu dalam blog politik di Malaysia dengan mengkategorikan perkataan yang tidak santun dalam blog politik, berpandukan pendekatan Jay, (2000) dan Pinker (2008). Hasil penganalisaan daripada 10 blog politik di Malaysia, terdapat 94 perkataan yang tidak santun dan ianya dibahagikan kepada tujuh kategori dalam kajian ini, iaitu, gelaran kepada individu dan institusi, penyamaan manusia dengan haiwan atau makhluk, anggota badan, sifat dan kelakuan, penyamaan manusia dengan objek, dan keagamaan dan perkauman. Walaupun kajian ini melibatkan ketidaksantunan bahasa dalam blog iaitu laman sosial kajian ini masih lagi relevan untuk tujuan rujukan bagi kajian ini kerana, pengkategorian mengikut ketidaksantunan perkataan yang menjadi tumpuan dalam kajian ini.

Kertas persidangan ‘kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial’, oleh Ainal Akmar Ahmad dan rakan-rakan (2016), menyatakan bahawa kewujudan pelbagai saluran komunikasi menyebabkan masyarakat bebas bersuara tanpa mempedulikan etika dan kesantunan berbahasa. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji penontonan bahasa semasa berkomunikasi dalam kalangan masyarakat yang memberikan reaksi dan maklum balas terhadap penyiaran berita berkaitan kerajaan yang terdapat dilaman sosial. Pendekatan kualitatif diaplikasikan untuk kajian ini dan hasil penelitian didapati bahawa kebanyakkan penonton laman menggunakan kata-kata kasar yang tidak santun apabila memberi komen terhadap sesuatu isu berkaitan kerajaan yang disiarkan dalam laman sosial. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang dilakukan terhadap berita-berita terpilih didapati terdapat banyak kata panggilan, kata gelaran dan ujaran yang tidak santun ditulis oleh pengguna. Konsep penjagaan air muka juga diberi perhatian dalam kajian ini dinyatakan bahawa seseorang pengkritik seharusnya bijak menyampaikan kritikan agar tidak menimbulkan aib dalam konteks terbuka. Walaupun kajian memfokuskan kepada kesantunan bahasa, akan tetapi hasil dapatanya membuktikan bahawa penggunaan bahasa yang tidak santun dalam laman sosial dalam kalangan masyarakat. Ini terbukti bahawa wujudnya ketidaksantunan dalam komunikasi yang berasaskan computer dan masih lagi relevan untuk dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini.

Sementara itu, kajian tentang ‘ketidaksantunan di Sembang Internet’ oleh Sarka Hastrdlova (1997) telah menjalankan berdasarkan isu tentang amalan perbualan dan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam sembang internet. Persoalan kajian pertama adalah bagaimana keadaan tertentu di *Internet chat* menjelaskan teknik perbualan dan strategi dalam medium ini. Persoalan kajian yang kedua adalah bagaimana ketidaksantunan di *Internet chat* berbeza daripada perbualan standard muka

(model of Watts) dan apa yang dianggap sebagai ketidaksantunan. Manakala, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana peserta chat menggunakan linguistik isyarat untuk membawa perbualan ke *Internet chat*. Bagi mencapai matlamat ini, pengkaji memberi tumpuan kepada empat fenomena perbualan analisis dalam persekitaran *Internet chat*. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kuantitatif. Kaedah ini digunakan semasa kumpulan fokus telah digunakan untuk mengenal pasti kekerapan dan peratusan terjadi setiap fenomena yang disiasat. Kaedah kualitatif juga turut diguna. Kaedah ini digunakan semasa meneroka kaedah perbualan dan hubungan interaksi yang kelihatan dalam kalangan peserta *chat*. Kerangka teori yang terdapat dalam kajian ini adalah analisa perbualan, kesantunan dan ketidaksantunan. Kajian ini walaupun membincangkan tentang ketidaksantunan di sembang internet tetapi kerangka teori dan metodologi yang digunakan masih lagi boleh dirujuk untuk tujuan penyelidikan.

## **2.9      Kesimpulan**

Dalam bahagian bab ini, telah membincangkan mengenai kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang akan digunakan untuk sepanjang penyelidikan ini. Tambahan lagi, penerangan tentang rancangan realiti dan juga kajian-kajian lepas yang berasakan ketidaksantunan serta rancangan realiti telah dijelaskan juga. Bab seterusnya, akan membincangkan metodologi kajian yang akan digunakan untuk tujuan kajian ini secara terperinci.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab ini menjelaskan tentang metodologi kajian yang menggariskan dan merumuskan secara terperinci tentang pembentukan penyelidikan ini. Bahagian ini akan merangkumi beberapa sekmen yang penting untuk dibincangkan. Antaranya, kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang akan digunakan untuk tujuan kajian ini, justifikasi pemilihan kerangka teori, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, kaedah penganalisaan data, pengenalan kepada pengkategorian data komen, penggekodan dan proses penterjemahan yang akan terlibat dalam sepanjang tempoh kajian ini.

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian adalah untuk menilai perubahan dalam pengetahuan, kesedaran, kemahiran, sikap, keyakinan dan tingkah laku responden, (Rockwell & Kohn 1989, Davis, 2003). Kajian ini menggunakan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (2011) untuk mengenalpasti kewujudan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti. Kerangka teori Strategi ketidaksantunan adalah berdasarkan sembilan strategi ketidaksantunan yang diutarakan oleh Culpeper dalam kebanyakkannya data beliau. Tambahan lagi, kajian ini juga melihat cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan dalam

penggunaannya. Beberapa kajian pada masa lalu cuba menganalisis ketidaksantunan dalam konteks CMC. Kebanyakkan penyelidikan memberi tumpuan kepada interaksi bersemuka. Malah, terdapat juga, beberapa kajian lepas yang membincangkan teori ketidaksantunan dalam konteks komunikasi berasaskan komputer CMC (Graham, 2007, 2008; Lorenzo-Dus, Blitvich & Bou-Franch, 2011; Neurater-Kessels, 2011). Penemuan mereka telah memberi banyak sumbangan dalam membantu mentafsirkan terutamanya ketidaksantunan dalam komunikasi berasaskan komputer CMC.

Sementara itu, majoriti kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif bagi menghuraikan kedua-dua persoalan kajian ini. Kaedah kualitatif akan diamalkan dan rangka kerja berdasarkan Model ketidaksantunan Culpeper (2011) seperti yang ditunjukkan di bahagian 3.2, untuk menjawap persoalan pertama, iaitu mengenalpasti jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Ia dilakukan dengan bantuan pendekatan kuantitatif bagi mendapatkan kekerapan penggunaan perkataan yang tidak santun dalam komen rancangan realiti. Sementara itu, persoalan kedua pula, akan membincangkan cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan oleh penonton rancangan realiti diruang komen.

### **3.2 Kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011)**

Kerangka teori strategi ketidaksantunan yang diperkembangkan oleh Jonathan Culpeper (2011) akan dirujuk untuk kajian ini. Culpeper mengutarakan strategi ketidaksantunan yang mengandungi sembilan jenis strategi ketidaksantunan dalam data beliau, Shamilah (2015).

<b>Konsep orientasi / Conceptual Orientation</b>	<b>Bil</b>	<b>Strategi ketidaksantunan / Impoliteness Strategic</b>
<b>1. Muka / Face</b>	1.	Penghinaan / <i>Insults</i>
	2.	Menuding Kritikan / Aduan <i>Pointed Criticisms/Complaints</i>
	3.	Ekspresif Negatif <i>Negative Expressive</i>
	4.	Soalan yang tidak menyenangkan dan / atau andaian (Cabaran) <i>Unpalatable Questions and/or Presuppositions</i>
<b>2. Hak Ekuiti / Equity Rights</b>	5.	Merendahkan status/ maruah <i>Condescension's</i>
	6.	Penguatkuasaan mesej <i>Message enforcers</i>
	7.	Diberhentikan <i>Dismissal</i>
	8.	Penyenyap <i>Silencers</i>
	9.	Ancaman <i>Threats</i>

(1) Jadual 3.2.a: Strategi Ketidaksantunan Culpeper.J (2011)

Jadual 3.2.a menunjukkan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang dirumuskan khas yang sentiasa digunakan dalam data beliau. Beliau membahagikan konsep orientasi kepada dua jenis, iaitu muka dan hak ekuiti. Seperti yang dinyatakan dalam 2.6.1, pelanggaran konsep muka boleh menjelaskan status dan keyakinan diri. Berurusan dengan konsep muka/wajah dianggap mencabar kerana semua orang mungkin melihat secara berbeza mengenai nilai positif, (Culpeper, 2011). Sementara itu, hak ekuiti tidak dianggap isu muka. Pelanggaran hak ekuiti menyebabkan gangguan atau kerangsaan sebaliknya mengancam muka, (Spencer-Oatey, 2007). Berdasarkan data Culpeper (2011), formula ketidaksantunan dibahagikan kepada empat (4) strategi untuk muka dan lima (5) strategi untuk hak ekuiti. Bagi setiap strateginya, Culpeper (2011) menyatakan elemen-elemen yang menjelaskan strategi ketidaksantunan seperti dalam Jadual 3.2.b.

	<b>Strategi Ketidaksantunan</b>	<b>Elemen-Elemen yang penting</b>
A	<b>Penghinaan Insults</b>	<p>1. Vokatif digunakan sebagai panggilan negatif (<i>Personalized negative vocatives</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [you] [Fucking/ rotten/ dirty/ fat/ little/ etc.]</li> <li>❖ [moron/ fuck/ plonker/ dickhead/</li> <li>❖ [Berk/ pig/ shit/ bastard/ loser/ liar/etc.]</li> <li>[you]</li> </ul> <p>2. Penegasan digunakan sebagai panggilan negatif (<i>Personalized negative assertions</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [you] [are] [so/such] [a]</li> <li>❖ [shit/ stink/ thick/ stupid/ bitchy/ bitch/ hypocrite/ disappointment/ gay/ nuts/ nuttier than a fruit</li> <li>cake/hopeless/pathetic/fussy/terrible/fat/ugly/etc.]</li> <li>❖ [you] [can't do] [Anything right/basic arithmetic/etc.]</li> <li>❖ [you] [disgust/make] [me] [Sick/etc.]</li> </ul> <p>3. Rujukan digunakan sebagai panggilan negatif (<i>Personalized negative references</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [your] [little/stinking]</li> <li>[Mouth/act/arse/body/etc.]</li> </ul> <p>4. Rujukan negatif orang ketiga dalam pendengaran sasaran (<i>Personalized third-person negative references in the hearing of the target</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [the] [daft] [bimbo]</li> <li>❖ [she's] [nutzo]</li> </ul>
B	<b>Menuding Kritikan / Aduan</b> <b>Pointed criticisms/ complaints</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [<i>that/this/it</i>] [<i>is/was</i>]</li> <li>❖ [<i>absolutely /extraordinarily /unspeakably/etc.</i>]</li> <li>❖ [<i>bad /rubbish /crap /horrible /terrible/etc.</i>]</li> </ul>
C	<b>Ekspresif Negatif (Sumpahan)</b> <b>Negative Expressive (Curses and ill-wishes)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ [<i>go</i>] [<i>to hell/hang yourself/fuck yourself</i>]</li> <li>❖ [<i>damn/fuck</i>] [<i>you</i>]</li> </ul>

	Strategi Ketidaksantunan	Elemen-Elemen yang penting
D	<b>Soalan yang tidak menyenangkan dan / atau pra-andaian</b> <i>Challenging or unpalatable questions and/or presuppositions</i>	❖ <i>Why do you make my life impossible?</i> ❖ <i>Which lie are you telling me?</i> ❖ <i>What's gone wrong now?</i> ❖ <i>You want to argue with me or you want to go to jail?</i>
E	<b>Perendahan martabat</b> <i>Condescensions</i>	❖ <i>[that] ['s/being] [babyish / childish/etc.]</i>
F	<b>Penguatkuasaan mendengar mesej</b> <i>Message enforcers</i>	❖ <i>listen here (as a preface)</i> ❖ <i>you got it? (as a tag)</i> ❖ <i>read my lips</i> ❖ <i>do you understand [me]? (as a tag)</i>
G	<b>Perpisahan</b> <i>Dismissals</i>	❖ <i>[go] [away]</i> ❖ <i>[get] [lost/out]</i> ❖ <i>[fuck/piss/shove] [off]</i>
H	<b>Penyenyap</b> <i>Silencers</i>	❖ <i>[shut] [it/your mouth, face/etc.]</i> ❖ <i>[shut] [the fuck] up</i>
I	<b>Ancaman</b> <i>Threats</i>	❖ <i>[I'll] [I'm/we're gonna] [smash your face in/beat the shit out of you/box your ears/bust your fucking head off/straighten you out/etc.] [if you don't] [X]</i> ❖ <i>[X] [before I] [hit you/strangle you]</i>

(2) Jadual 3.2.b: Jenis Strategi Ketidaksantunan dan Elemen-elemen yang penting

### 3.2.1 Penghinaan (*Insults*)

Daripada jadual 3.2.b, konsep muka dibahagikan kepada Penghinaan (*Insults*), Menuding Kritikan / Aduan (*Pointed Criticisms/ Complaints*), Ekspresif Negatif (*Negative Expressive*) dan Soalan yang tidak menyenangkan (*Unpalatable Questions*). Strategi penghinaan sendiri dibahagikan kepada empat (4) sub-kategori iaitu (i) vokatif digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative vocatives*), (ii) penegasan digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative assertions*), (iii) rujukan digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative references* dan yang keempat (v) rujukan negatif orang ketiga dalam pendengaran sasaran (*personalized third-person negative references in the hearing of the target*).

Antara keempat-empat sub-kategori, vokatif digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative vocatives*) yang terdiri daripada nama panggilan seperti [**you Fucking/ rotten/ dirty/ fat/ little/ etc**]. Sementara itu, penegasan digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative assertion*) yang menyatakan pernyataan negatif terhadap seseorang tanpa sokongan atau bukti. Seperti [**you are so stupid / you are such a hypocrite**]. Manakala, rujukan digunakan sebagai panggilan negatif (*personalized negative references*) merupakan rujukan atau pernyataan yang menghina seseorang seperti [**your little stinking mouth**]. Akhirnya, sub-kategori penghinaan adalah rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran (*personalized third-person negative references in the hearing of the target*) seperti [**she's nutzo**].

### **3.2.2 Menuding Kritikan atau Aduan (*Pointed Criticisms / Complaints*)**

Seterusnya, strategi yang kedua adalah strategi menuding kritikan atau aduan (*pointed criticisms / complaints*) yang digunakan untuk menyerang muka pendengar. Contohnya, [**this is absolutely rubbish**].

### **3.2.3 Ekspresif Negatif (*Negative Expressive*)**

Strategi ketiga adalah ekspresif negatif (*negative expressive*) yang digunakan untuk sumpahan dan pendapat yang buruk untuk menyerang muka pendengar seperti [**go to hell**].

### **3.2.4 Soalan yang Tidak Menyenangkan atau Andaian**

*(Unpalatable Questions and/or Presupposition)*

Strategi yang akhir sekali dibawa konsep muka ialah soalan yang tidak menyenangkan atau andaian (*unpalatable questions and/or presupposition*) yang digunakan untuk menyerang muka pendengar. Soalan seperti [**which lie are you telling me?**].

### **3.2.5 Merendahkan Status / Maruah (*Condescensions*)**

Konsep orientasi kedua mengikut strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) adalah hak ekuiti. Ia mengandungi lima (5) strategi ketidaksantunan. Yang pertama ialah (*condescensions*) iaitu merendahkan status / maruah.

Strategi ini digunakan apabila penutur menunjukkan kebesaran kuasa terhadap pendengar. Contohnya, **[that's childish]**.

### **3.2.6 Penguatkuasaan Mesej (*Message Enforcers*)**

Kedua, penguatkuasaan mesej iaitu (*message enforcers*) ialah penutur memberikan penekanan terhadap apa yang diucapkan adalah untuk mengganggu pendengar. Seperti **[you got it?]** atau **[Do you understand me?]**.

### **3.2.7 Diberhentikan (*Dismissal*)**

Seterusnya, strategi diberhentikan iaitu (*dismissal*). Strategi ini digunakan untuk pendengar terus senyap atau mendiamkan diri atau berhenti bercakap atau bertengkar/berhujah dengan secara tidak santun seperti **[go away]** atau **[get lost]**.

### **3.2.8 Penyeyap (*Silencers*)**

Strategi yang keempat adalah Penyeyap iaitu (*silencers*). Strategi ini lebih kurang sama dengan diberhentikan terutamanya membuat seseorang itu berdiam atau berhenti cakap. Seperti **[shut your mouth]** atau **[shut the fuck up]**.

### **3.2.9 Ancaman (*Threats*)**

Strategi yang terakhir dalam hak ekuiti adalah ancaman iaitu (*threats*). Strategi ini digunakan untuk menakutkan dan menganggu; sebagai contoh **[I'm**

**[gonna smash your head]** atau **[I'm gonna box your ears]**. Seperti mana yang dijelaskan dalam jadual 3.2.b, ini adalah penjelasan strategi ketidaksantunan dan elemen-elemen yang penting ini yang digunakan oleh Culpeper (2011).

### 3.3 Justifikasi Pemilihan Kerangka Teori

Kerangka strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang lebih memfokuskan kepada interaksi bersemuka. Walaupun kajian ini tidak melibatkan interaksi sesama muka atau perbualan manusia tetapi data komen yang melibatkan teks yang dipetik daripada laman sosial yang mempunyai penggunaan yang banyak dalam kalangan masyarakat yang menjadi rujukan orang yang ketiga dalam sasarananya. Seperti mana, penonton yang setia terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* meninggalkan pelbagai ragam komen yang mengandungi penggunaan perkataan-perkataan yang dikategorikan sepetimana Culpeper dinyatakan dalam teorinya seperti jadual 3.2.b diatas.

Melainkan, strategi ketidaksantunan (2005) bukan seperti teori Culpeper tahun (2011). Antaranya, ketidaksantunan langsung yang menunjukkan kekuasaan daripada pendengar, ketidaksantunan positif direka untuk merosakkan muka positif penerima, ketidaksantunan negatif direka untuk merosakkan muka negatif penerima, kesantunan mock, atau olok-olok dan akhirnya, tahan kesantunan lebih kepada ucapan yang gagal mendapat balasan. Teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang dipilih untuk tujuan memudahkan penganalisaan kajian dengan tepat dan terperinci kerana kajian ini lebih berasaskan kepada teks berbanding dengan interaksi bersemuka. Hasil dapatan kajian akan dihuraikan dalam bab 4, dimana penganalisaan dijalankan dengan

menggunakan sembilan jenis strategi ketidaksantunan serta elemen-elemen yang penting diutarakan oleh Culpeper (2011).

### **3.4 Peserta**

Pengumpulan data dilakukan berdasarkan persampelan yang bertujuan. Ini bermakna walaupun peserta adalah antara pengguna *youtube*, hanya mereka yang membuat komen pada ruang komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang menyebabkan ketidakpuasan atau ketidaksantunan dianggap sebagai peserta dan komen mereka dianalisis. Peserta atau penonton bercampuran jantina di antara perempuan dan lelaki, di mana berdasarkan profil mereka, kebanyakannya adalah lelaki. Walau bagaimanapun, sukar untuk menentukan bilangan jantina yang tepat kerana sesetengah daripada mereka tidak memaparkan maklumat tentang jantina mereka dan menggunakan nama samaran yang tidak menggambarkan jantina mereka.

Identiti jantina berdasarkan pada nama yang diberikan oleh peserta dan juga dari jantina yang ditunjukkan dalam profile mereka. Walau bagaimanapun, sukar untuk menentukan jantina kerana responden boleh mencipta akaun palsu sementara laman sosial hanya memerlukan orang untuk memberi e-mel mereka semasa mendaftar. Ini difahami kerana sesetengah orang memilih untuk tidak dikenali untuk merasa kurang bertanggungjawab atau berisiko untuk apa yang mereka tulis. Selain itu, kumpulan umur tidak dapat dikenalpasti daripada laman sosial ini.

Mengenai komen para peserta, beberapa di antara mereka mengulas lebih daripada sekali, namun ia tidak diambil kira kerana kajian ini memberi tumpuan kepada komen, bukan peserta. Hanya ahli yang memberikan komen dianggap sebagai

responden, dan hanya komen yang mengandungi strategi ketidaksantuan Culpeper (2011) dianggap sebagai data.

### **3.5 Instrumen kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji ketidaksantunan dalam komen laman soaial. Untuk mencapai objektif kajian ini, data komen yang diberikan oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dikumpul daripada laman *Youtube*. Semua orang awam mempunyai kebebasan untuk melayari rancangan realiti ini laman sosial. Maka, disini sedia maklum bahawa, komen yang diberikan dilaman sosial adalah lebih kepada peserta yang terlibat dengan rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, pengacara mahupun penganjur, bukanlah terhadap penonton yang membuat komen di laman sosial.

Untuk kajian ini, komen oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang diambil daripada *Youtube* khususnya penonton India. Rancangan realiti ini merupakan salah satu rancangan Tamil “*Tamil Reality Talk Show*” secara bersiri di saluran *Zee Thamizh*, di Negara India. Peserta yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai* adalah kebanyakannya terdiri daripada pasangan suami isteri yang mempunyai masalah selepas perkahwinan atau ahli-ahli keluarga yang mempunyai masalah kekeluargaan, yang sedia berkongsi masalah dan pengalaman secara umum di hadapan kamera, walaupun perkara tersebut sepatutnya perlu disegani untuk dikongsi di khalayak ramai.

Komen yang dinyatakan oleh penonton diruang komen tiada mempunyai had dimana komennya akan bertambah dari semasa ke semasa. Maka, data komen dikumpul bagi tahun terkini iaitu dari bulan Januari hingga bulan Disember bagi tahun 2015 dari


laman *Youtube*. Di sini sedia dimaklumkan bahawa, oleh kerana tidak semua episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dimuat naik bagi tahun yang terkini di laman *YouTubedan* ia tidak mencukupi untuk menjalankan sesuatu kajian, maka hanyakomen bagi episod tahun 2015 sahaja yang dimuat-naik sepenuhnya di laman tersebut itu,di kumpulkan bagi tujuan kajian ini, di mana hanya data komen yang mengandungi unsur-unsur ketidaksantunan bahasa sahaja yang dipilih dan diekstrak untuk penganalisaan kajian ini.

TAHUN 2015				
DATA KOMEN PENONTON				
Bil	Bulan	Jumlah Episod RRSU	Jumlah Episod yang dipilih untuk Komen	Jumlah Komen
1	Januari	E001 - E019	E1 / E5 / E9 / E13 / E17	1078
2	Februari	E020 - E037	E21 / E25 / E29 / E33 / E37	358
3	Mac	E038 - E054	E41 / E45 / E49 / E53	397
4	April	E055 - E070	E57 / E61 / E65 / E69	308
5	Mei	E071 - E090	E73 / E77 / E81 / E85 / E89	465
6	Jun	E091 - E105	E93 / E97 / E101 / E105	245
7	Julai	E106 - E122	E109 / E113 / E117 / E121	139
8	Ogos	E123 - E141	E125 / E129 / E133 / E137 / E141	387
9	September	E142 - E158	E145 / E149 / E153 / E157	136
10	Oktober	E159 - E178	E161 / E165 / E169 / E173 / E177	149
11	November	E179 - E192	E181 / E185 / E189	147
12	Disember	E193 - E211	E193 / E197 / E201 / E205 / E209	205
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>211</b>	<b>53</b>	<b>4014</b>

(3) Jadual 3.5.1: Senarai data komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* daripada episod-episod yang dipilih untuk kajian tahun 2015

Jumlah episode yang dikumpul adalah sebanyak 211 dan dikumpul hanya untuk tahun 2015. Tetapi, hanya setiap episod keempat sahaja dipilih bagi tujuan kajian ini. Maka, jumlah episod yang dikumpul daripada jumlah keseluruhan adalah 53 episod bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Jadual menunjukkan bahawa sebanyak 53 episod

dipilih untuk pengumpulan komen bagi tujuan penganalisaan dan penterjemahan kajian ini. Sebanyak 4014 komen didapati dalam 53 episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang dipilih. Kebanyakan komen adalah dalam tulisan Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan *Romanized* Tamil. Penganalisaan data akan dibuat dalam bahasa Tamil dan penterjemahkan dalam Bahasa Melayu adalah untuk tujuan penerangan.



(4) Jadual 3.5.2: Contoh permukaan data komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*

*Unmai*

Gambar 3.4.2 menunjukkan contoh permukaan data komen yang dicetak daripada salah satu episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Gambar melabelkan beberapa petak nombor yang menjelaskan bahagian-bahagian yang penting bagi kajian ini. Label No. 1 menunjukkan tarikh, bulan dan tahun bagi setiap episod rancangan

realiti *Solvathellam Unmai*. Manakala, No. 2 pula, mewakili jumlah komen yang terkumpul bagi hanya episod tersebut sahaja. No. 3 adalah gambaran yang menunjukkan nama atau identiti penonton-penonton yang memberikan komen bagi episod tersebut. Seperti yang dinyatakan di 3.4, penonton rancangan ini mempunyai identiti yang tidak benar atau identiti yang disukainya. Identiti ini mungkin benar atau palsu kerana merahsiakan nama sebenarnya dengan menggunakan nama samaran semasa memberikan komen. Akhirnya, Label No. 4 mewakili komen yang dinyatakan oleh para penonton di ruang komen yang didapati mempunyai penggunaan perkataan-perkataan ketidaksantunan seperti dalam jadual 3.2.b ditunjukkan.

### **3.6 Pengumpulan Data**

Selain itu, pengumpulan data hanya akan dilakukan terhadap data yang mempunyai ketidaksantunan bahasa sahaja akan diekstrak daripada 53 episod yang dipilih.


Pada mulanya, data dikumpul atau dicetak daripada laman YouTube dimana, komen-komen penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dikumpul dan pastikan data yang dikumpul dan disimpan dengan selamat.

Selepas itu, mengkaji isi kandungan komen-komen dengan membaca setiap komen dan memahami tentang komen yang dinayatakan oleh setiap penonton. Semasa membaca komen-komen tersebut melalui proses mengenalpasti ketidaksantunan bahasa yang didapati dalam komen-komen tersebut dan melabelkan data komen tersebut supaya mudah difahami oleh pengkaji.

Seterusnya, hasil daripada mengenalpastian data yang tidak santun itu akan membuat penterjemahan kepada Bahasa Melayu daripada bahasa asal sama ada Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Tamil bagi tujuan menerangkan isi kandungan komen tersebut. Penterjemahan ini bertujuan supaya senang untuk dibaca dan difahami oleh pengkaji-pengkaji masa akan datang.

Data yang mempunyai ketidaksantunan bahasa sahaja akan diterjemahkan dan dianalisa mengikut kerangka teori ketidaksantunan Culpeper (2011). Penganalisaan data akan dijalankan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil.

Akhir sekali, bahagian membuat keputusan dan kesimpulan untuk kajian ini. Hasil dapatan kajian daripada penganalisaan akan dijelaskan dan dihuraikan secara terperinci dan teliti mengikut Teori Strategi Ketidaksantunan Culpeper (2011). Secara keseluruhan penyelidikan ini disudahi dengan kesimpulan keseluruhan kajian ini.




(5) Jadual 3.6.1: Proses pengumpulan data komen rancangan realiti  
*Solvathellam Unmai* dan penganalisaan data

### **3.7 Kaedah Penganalisaan Data**

Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang kaedah penganalisaan data yang menjelaskan cara penganalisaan komen berdasarkan kaedah kualitatif yang berbentuk deskriptif dan akan menerangkan secara terperinci tentang hasil dapatan kajian dalam bab 4. Jadual 3.7.a di bawah ini, menunjukkan kaedah penganalisaan contoh kekerapan jenis-jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* mengikut strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang akan menjawab persoalan kajian pertama.

<b>Bil</b>	<b>Jenis-jenis Strategi Ketidaksantunan</b>	<b>kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>1</b>	Menghina	<b>39</b>	<b>44</b>
<b>2</b>	Menunjukkan Kritikan / aduan	<b>12</b>	<b>14</b>
<b>3</b>	Ekspresif Negatif	<b>12</b>	<b>14</b>
<b>4</b>	Soalan yang mencabar	<b>14</b>	<b>16</b>
<b>5</b>	Merendahkan status/maruah	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>6</b>	Penguatkuasaan mesej	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>7</b>	Diberhentikan	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>8</b>	Penyenyap	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>9</b>	Ancaman	<b>11</b>	<b>13</b>
<b><i>Jumlah keseluruhan</i></b>		<b>88</b>	<b>100</b>

(6) Jadual 3.7.a: Contoh kekerapan jenis-jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*



(7) Carta palang 3.7.b: Peratus (%) dan kekerapan jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*

Carta palang 3.7.b, menunjukkan contoh peratus (%) dan kekerapan jenis-jenis strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Terdapat Sembilan (9) jenis strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) seperti yang nyatakan dalam carta palang. Strategi menghina mencatat kekerapan yang tinggi dalam kajian rintis ini. Iaitu, sebanyak 39 komen dan peratusnya sebanyak 44%. Dalam komen yang dinyatakan oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dikenalpasti strategi soalan-soalan yang mencabar dan andaian yang mencatat kekerapan sebanyak 14 komen iaitu sebanyak 16%. Sementara itu, strategi menunjukkan kritikan atau aduan dan strategi ekspresif negatif masing-masing mencatat kekerapan sebanyak 12 komen dalam penggunaan oleh para pengguna dan peratusnya iaitu sebanyak 14%. Akhir sekali, strategi mengancam atau ancaman yang

digunakan dalam komen rancangan realiti untuk tujuan menakutkan orang ketiga dalam situasinya mencatat sebanyak 11 komen dan ia menunjukkan peratusan sebanyak 13%.

Dalam carta palang tersebut, terdapat juga beberapa strategi ketidaksantunan yang tidak mencatatkan sebarang angka dalam penggunaan komen oleh para penonton. Antaranya, strategi merendahkan status/ maruah, strategi penguatkuasaan mesej, strategi diberhentikan dan akhirnya strategi penyenyap. Kesemua strategi ini tidak mencatatkan sebarang angka semasa menjalankan kajian rintis. Hasil dapatan kajian sebenarakan dihuraikan secara terperinci dengan menggunakan elemen-elemen penting berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantuan Culpeper (2011) dalam bab 4. Semantara itu, antara beberapa contoh strategi ketidaksantunan daripada hasil dapatan kajian rintis dihuraikan berdasarkan teori strategi ketidaksantuan Culpeper (2011) seperti dibawah.

### **3.7.1 Strategi Soalan yang Mencabar / Soalan Tidak Menyenangkan**

Strategi soalan yang mencabar atau soalan tidak menyenangkan ini berbentuk soalan yang menjadi sasaran untuk menyerang mangsa. Penonton rancangan realiti dikategorikan dalam golongan interaksi tanpa bersemuka, maka mereka membuat komen dirujuk kepada orang yang telibat dalam rancangan realiti tersebut. Sebagai contohnya:-

*E5:C133:KC: after get humiliated in front camera, they still wanna live*

*together??? OMG wake up people...*

Selepas memalukan mereka depan kamera, mereka masih lagi nak hidup bersama??? YTK sedar la wahai manusia...

Penonton menyatakan komen dalam bentuk soalan yang mencabarkan perasaan seseorang terutamanya komennya ditujukan kepada peserta yang terlibat dalam rancangan realiti. Walaupun komennya berbunyi seperti menyokong peserta tetapi, ia masih menjadi sasaran untuk menyerang mangsa dengan menggunakan tanda soalan diakhir ayat tersebut.

### 3.7.2 Strategi Ancaman

Strategi ancaman ini digunakan untuk menakutkan atau menyakitkan seseorang dalam sasaran. Begitu juga dalam hasil dapatan kajian ini, ramai penonton memberikan suatu situasi yang menakutkan dalam gaya menyampaian komen bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai*iini. Salah satu komen yang menunjukkan strategi mengancam seperti dibawah.

**E13:C151:OO: *I want to kill anapoorani and arasu. They are not logic and the wife of arasu is strong***

Saya mahu bunuh anapoorani dan arasu. Mereka tidak logik dan isteri arasu kekal kuat

Strategi ketidaksantunan ancaman ini merupakan salah satu cara untuk melepaskan geram atau kemarahan yang maksimum oleh penonton terhadap peserta rancangan realiti *Solvathellam Unmai*ahupun orang-orang yang terlibat dengan rancangan realiti tersebut. Mereka menggunakan perkataan-perkataan **kill** yang bermakna bunuh dalam komen dirujuk kepada orang ketiga yang terlibat dalam rancangan realiti. Perkataan **kill** tergolong dalam elemen penting strategi ketidaksantunan Culpeper (2011).

Bagi persoalan kajian kedua pula, perbincangan akan diteruskan dengan menjelaskan cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan dalam penggunaannya. Untuk bahagian ini, kajian akan menumpukan kepada cara ketidaksantunan yang terdapat dalam komen direalisasikan dengan beberapa kategori yang akan dikenalpasti dan akan menghubungkaikan dengan teori Ketidaksantunan Culpeper (2011).

### 3.8 Proses Penterjemahan

Bahagian proses penterjemahan akan dijalankan hanya terhadap komen-komen yang mengandungi ketidaksantunan bahasa sahaja. Bahasa asal iaitu Bahasa Tamil akan diterjemahkan kepada bahasa Melayu bagi tujuan keterangan dan pemahaman isi kandungan komen tersebut.

Proses penterjemahan akan diaplikasikan dalam dua tahap. Yang pertama, bagi Bahasa Inggeris proses penterjemahan akan dilakukan secara langsung. Iaitu dari teks asal (BI) secara langsung kepada teks sebenar (BM) yang dimaksudkan. Contohnya:

E13:C151:OO: *I want to kill anapoorani and arasu. They are not logic and*


*the wife of arasu is strong* ←———— Teks asal

Saya nak bunuh anapoorani dan arasu. Mereka tidak logik dan

isteri arasu kuat bersemangat ←———— penterjemahan sebenar

Sementara itu, untuk Bahasa Tamil pula, akan menggunakan dua tahap proses penterjemahan. Iaitu daripada teks asal (BT) kepada penterjemahan terus (*direct*

*translation*) mengikut perkataan demi perkataan dalam (BM). Akhirnya diterjemahkan kepada ayat yang sebenar mengikut struktur tatabahasa yang betul. Struktur tatabahasa daripada SOK (Subjek Objek Kata Kerja – Bahasa Tamil) kepada SKO (Subjek Kata Kerja Objek – Bahasa Melayu), Moganah.V, (2017). Contoh dibawah menunjukkan tahap proses penterjemahan Bahasa Tamil, *Romanize*.



**E1:C4:RK:** *Intha selvi ponna seruppala adikanum*

Ini selvi perempuan slipar pukul

Kena pukul budak Selvi ini dengan slipar

### 3.9 Pengkategorian Data

Sampel kajian ini, melibatkan penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* daripada laman Youtube. Peserta perempuan dan lelaki terutamanya orang India yang meninggalkan komen selepas menonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Berbanding dengan kajian yang berdasarkan interaksi bersemuka, kajian ini memfokuskan kepada interaksi berteks. Oleh kerana itu, kebanyakan komen yang dinyatakan di laman sosial bertujuan supaya penonton lain mahupun penganjur rancangan realiti sendiri membacanya dan membalias kepada komennya. Antara komen-komen rancangan realiti yang ditinggalkan oleh penonton diklasifikasikan seperti berikut:-

1. Menggunakan kata-kata kasar,
2. Menghina dan marah mangsa atau pengacara,
3. Memberikan nasihat atau pandangan umum,
4. Memuji dan berterima kasih,
5. Isu keagamaan,
6. Bersimpati dan sebagainya.

Disini sedia maklum bahawa, latar belakang atau maklumat peribadi peminat atau penonton seperti nama, umur, jantina tidak diketahui dan kemungkinan peminat rancangan ini menggunakan maklumat palsu dalam laman sosial. Oleh sebab itu, untuk tujuan kajian hanya jumlah komen yang dicatatkan sahaja difokuskan. Maka, kesemua maklumat peribadi peminat, peserta, penonton dan pengajur rancangan realiti *Solvathellam Unmaiakan* dirahsiakan bagi tujuan penyelidikan dan keselamatan pihak tertentu.

### **3.10 Pengekodan**

Kajian ini mempunyai penggunaan kod-kod yang menyatakan data komen. Pengekodan adalah singkatan perkataan atau simbol-simbol yang digunakan dalam kajian untuk bertujuan mengelakkan pengulangan kata yang sama dan panjang. Penerangan bagi kod-kod tersebut yang digunakan bagi tujuan kajian ini dijelaskan seperti di bawah.

RRSU:E153:07:VS	
<b>RRSU</b>	Singkatan bagi Rancangan Realiti <i>Solvathellam Unmai</i>
<b>E153</b>	E ialah singkatan bagi Episod manakala, nombor menunjukkan episod yang ke 153
<b>C7</b>	Nombor ini ialah komen yang ke berapa bagi episode tersebut.
<b>VS</b>	
<b>AD</b>	Nama penonton yang berkomen di laman YouTube. Singkatan bagi setiap nama akan berubah.
<b>EM</b>	
<b>PC</b>	
<b>BT</b>	Bahasa Tamil
<b>BI</b>	Bahasa Inggeris
<b>BM</b>	Bahasa Melayu

(8) Jadual 3.10.1: Pengekodan yang digunakan dalam proses penganalisaan komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*

**SU** ialah singkatan bagi perkataan *Solvathellam Unmai*. Manakala, **E153** - E mewakili singkatan bagi episod dan nombor mewakili episod yang ke berapa, contohnya episod yang ke-153. Manakala, **C7** pulamewakili komen yang ke-7 dalam episod tersebut. Akhirnya, huruf **VS:AD:EM:PC** seperti yang dinyatakan dalam jadual dia atas adalah singkatan nama-nama penonton yang memberi komen bagi episod tersebut. Manakala, **BT**, **BM**, **BI** masing-masing terdiri daripada Bahasa Tamil, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengekodan seperti ini meringankan pengkaji semasa mengendalikan menganalisis data.

### 3.11 Isu Etika

Data komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang digunakan untuk penyelidikan dalam kajian ini merupakan data yang diambil daripada laman sosial *YouTube*, yang boleh dilayari dan digunakan untuk tujuan hiburan oleh orang awam.

Malah, data komen tersebut dipetik secara percuma untuk tujuan kajian. Segala identiti-identiti peserta atau penonton dan perkara saluran rancangan realiti dirahsiakan bagi tujuan keselamatan. Oleh itu, kajian ini tidak mengandungi sebarang isu etika dari segi undang-undang, perlembagaan, sensitiviti perkauman dan keagamaan, atau mana-mana hal lain yang berkaitan.

### **3.12 Bahan- bahan Lain**

Walaupun komen merupakan sumber utama bagi kajian ini, namun terdapat juga rujukan – rujukan lain yang turut dirujuk untuk menjelaskan definisi dan sorotan kajian lepas. Sumber ini dirujuk daripada Perpustakaan Universiti Malaya seperti buku, jurnal, majalah, kamus dan ilmiah daripada hasil penulisan sarjana-sarjana Bahasa Dan Linguistik serta nota kuliah.

### **3.13 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan secara keseluruhan tentang metodologi kajian yang menggunakan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) bagi mencapai objektif kajian ini. Persoalan kajian yang akan membincangkan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Tambahan pula, proses pengumpulan data juga dijelaskan secara terperinci. Lima langkah yang dibincangkan bagi menganalisis data menjadi garis panduan bagi kajian ini. Bab seterusnya akan menjelaskan penganalisaan data dan hasil dapatan kajian berdasarkan kerangka teori ketidaksantunan Culpeper (2011) yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

## BAB 4

### HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang hasil dapatan dan perbincangan tentang kajian. Penganalisaan kajian ini, dijalankan berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Hasil dapatan kajian akan dibincangkan dan dijelaskan secara mendalam dalam bahagian ini berdasarkan dua (2) bentuk persoalan kajian seperti berikut:-

Persoalan 1. **Apakah strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*?**

Persoalan 2. **Bagaimakah strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan?**

Sebelum melanjutkan perbincangan hasil dapatan kajian ini, di sini perlu menyatakan apakah yang sebenarnya terkandung dalam isu komen-komen yang dilontarkan oleh pengguna bagi menunjukkan kemarahan dan ketidakpuashatian terhadap sesuatu isu di ruang laman sosial bagi setiap episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Seperti mana yang dijelaskan dalam bab tiga (*rujuk: 3.9 pengkategorian data*), bahagian ini akan menjelaskan lebih lanjut tentang isi kandungan komen yang ditinggalkan oleh penonton rancangan realiti ini.

#### **4.1 Isi Kandungan Komen Rancangan Realiti *Solvathellam Unmai***

Sebelum mendalami isi kandungan komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini, di sini sedia maklum bahawa daripada hasil dapatan kajian mencatat keputusan kebanyakkan komen di lama sosial *Youtube* terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* adalah dalam berbahasa Inggeris berbandingan dengan Bahasa Tamil atau *romanize* Tamil. Penonton menggunakan lebih banyak Bahasa Inggeris untuk menunjukkan perasaan terhadap rancangan tersebut. Ini bermakna, mereka mencari perkataan-perkataan yang tidaksantun dalam Bahasa Inggeris lebih cepat, pantas dan banyak berbanding dengan Bahasa Tamil.

Dalam hal ini juga, kita disedia maklum bahawa tahap pendidikan atau latarbelakang para penonton yang memberikan komen ialah orang yang berpendidikan atau professional dan yang paling penting ialah orang yang mempunyai berpengetahuan asa dalam pendidikan iaitu tahu membaca dan menulis sama ada dalam Bahasa Tamil ataupun Bahasa Inggeris. Maka, mereka selepas menonton rancangan realiti ini, mereka menunjukkan reaksi terhadap peserta-peserta yang terlibat dengan rancangan tersebut dengan begitu pantas di ruang komen. Mereka juga daripada golongan yang berpengetahuan tentang teknologi dan mampu melayari laman sosial mengikut perkembangan ere globalisasi ini. Satu lagi perkara yang perlu diberikan tumpuan adalah jumlah penonton yang memberikan sokongan yang setia terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* adalah daripada seluruh Negara yang tiada mempunyai rekod yang tetap.

Tidak kira jantina atau umur, orang tua maupun yang muda, kesemua tahap masyarakat yang melibatkan diri dalam aktiviti memberikan komen terhadap rancangan realiti adalah disebabkan meraka mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini, terutamanya dalam hal membincangkan isu-isu yang kekeluargaan dikhlayak ramai berdepan dengan kamera. Kebanyakkann komen yang ditinggalkan di laman sosial adalah bertujuan supaya penonton lain atau pengajur rancangan realiti tersebut sendiri membaca komen-komen tersebut dan memberi balasan kepada komen tersebut.

Antara komen yang di tinggalkan oleh peminat rancangan realiti, yang digelar sebagai penonton setia adalah dalam pelbagai jenis isi kandungan, seperti menghina dan marah terhadap peserta rancangan realiti bagi episod tertentu atau pengacara rancangan yang menjadi juri/pengadil bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Sesetengah penonton memberikan khidmat nasihat kepada mangsa atau menulis sahaja apa yang difikirkan sebagai pandangan mereka secara umum. Selain itu, menggunakan kata-kata kasar atau kata kesat (*taboo words*) dalam komen masing-masing oleh penonton. Disamping itu, memuji atas jasa baik pengajur dan berterima kasih kepada pengajur dan ada yang bersimpati terhadap keadaan mangsa terutamanya masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dan kesian terhadap anak-anak sehingga sudi memberikan pertolongan kepada kanak-kanak yang memerlukan bantuan dari segi pendidikan maupun perhatian. Ada penonton yang bercakap pasal mangsa rancangan realiti yang tidak bertanggjawab dan terdapat juga memalukan mereka dengan menggunakan perkataan yang kurang sopan. Selain itu, penonton dalam komennya, berpandang rendah terhadap pengacara rancangan realiti dan juga mangsa dan meletakkan mereka pada tahap rendah dengan menggunakan gelaran nama binatang seperti anjing, babi dan

monyet. Terdapat juga, penonton yang membandingkan pengacara, cara seseorang penyampaian rancangan realiti tersebut dengan pengacara lain.

Disamping itu, terdapat juga penonton yang menyokong dan sambut komen sebelumnya oleh penonton lain dengan memberikan komen dan ada yang memberi komen tentang agama dan isu-isu keagamaan serta membanggakan agama masing-masing dalam komennya. Disini, penonton tidak lupa untuk membincangkan tentang masalah dowri atau wang perantaran antara keluarga, saling kutuk-mengutuk dan menghina antara kalangan mereka. Selain daripada itu, mereka juga menunjukkan perasaan marah terhadap tingkahlaku dan perwatakan mangsa dan memberikan komen tanpa tiada keperimanusian serta membuat perlis perbuatan mereka, bersumpah mangsa rancangan walaupun perempuan atau lelaki dengan kata-kata yang tajam. Terdapat juga, penonton yang membela hak seseorang yang sepatutnya memiliki atau diberi dalam sesuatu situasi, menyokong dan berterima kasih terhadap rancangan realiti serta menggalakkan lagi untuk menggadakan rancangan pada masa yang akan datang. Malah, ada yang membangkang atau menunjukkan bantahan terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Ada penonton yang menunjukkan perasaan gembira apabila melihat orang lain bersusah/ dalam kemiskinan/ bermasalah dan meletakkan mereka pada tahap yang paling rendah terutamanya golongan wanita/isteri. Yang penting dalam komen ini, penonton juga membincangkan tentang punca-punca yang menyebabkan wujudnya masalah kekeluargaan antara pasangan, dan akhir sekali, terdapat segelintir kumpulan yang mengutuk dan menyalahkan bercinta pada usia muda dan dikategorikan sebagai perbuatan yang mengatal dan sebagainya.

Oleh yang sedemikian, latar belakang atau maklumat peribadi penonton dirahsiakan dan kajian hanya memfokuskan kepada ketidaksantunan yang terdapat dalam komen yang digunakan oleh penonton sahaja. Walaupun kajian ini,

memfokuskan kepada ketidaksantunan dalam komen, akan tetapi isi kandungan yang dibincangkan disini amat memainkan peranan penting bagi kajian ini, samaada komen yang ditinggalkan oleh penonton menentukan ketidaksantun ataupun tidak. Justeru itu, bahagian ini akan menjurus kepada perkembangan bahagian kedua kajian ini.


Seperti yang dijelaskan pada awal kajian ini, bahagian pertama akan membincangkan tentang persoalan kajian pertama iaitu, strategi-strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan bahagian kedua pula akan membincangkan secara terperinci tentang persoalan kajian kedua iaitu,cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan.

#### **4.2 Strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai***

Bahagian ini akan menjawap persoalan kajian pertama seperti yang dinyatakan dalam 4.2. Daripada Jumlah 53 episod data yang dipilih, hanya 38 episod sahaja didapati mempunyai penggunaan bahasa yang tidaksantun oleh penonton rancangan realiti *Sollavathellam Unmai*. Manakala, daripada 4014 komen yang tercatat bagi jumlah episod tersebut, sebanyak 225 komen dikenalpasti mempunyai unsur-unsur strategi ketidaksantunan. Seperti yang dinyatakan dalam persoalan kajian pertama, Jadual 4.2.a menunjukkan peratus (%) dan kekerapan bagi strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* hasil daripada dapatan kajianini. Jadual menunjukkan dengan Sembilan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011), kekerapan dan peratusan daripada hasil dapatan paling tinggi kepada yang paling rendah.

Bil	Jenis-jenis Strategi Ketidaksantunan	Kekerapan	Peratus (%)
1	Ancaman	68	30
2	Menghina	63	28
3	Soalan yang Mencabar	28	12
4	Merendahkan Status	19	8
5	Ekspresif Negatif	18	8
6	Menunjukkan Kritikan / Aduan	16	7
7	Diberhentikan	9	4
8	Penyenyap	4	2
9	Penguatkuasaan Mesej	0	0
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>225</b>	<b>100</b>

(9) Jadual 4.2.a: Peratus (%) dan Kekerapan strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*



(10) Carta Palang 4.2.b: Peratus (%) dan kekerapan bagi strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*

Carta Palang 4.2.b, menunjukkan peratusan dan kekerapan bagi strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Menerusi carta pengaji dapat dilihat bahawa strategi ancaman adalah paling kerap digunakan oleh pengguna dalam data komen iaitu mencatat sebanyak 68 komen iaitu sebanyak 30%. Strategi yang kedua paling kerap diguna dalam komen rancangan realiti oleh penonton ialah strategi menghina iaitu sebanyak 63 komen menunjukkan 28% dan diikuti oleh strategi soalan mencabar mencatat tempat ketiga penggunaannya sebanyak 28 komen oleh penonton sebagai pelontaran perasaan terhadap peserta rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini dan peratusnya adalah 12%.

Sebanyak 19 komen didapati penggunaan strategi merendahkan status dan 18 komen didapati menpunyai strategi ekspresif negatif bagi meluahkan perasaan negatif dalam komen bagi episod rancangan realiti tersebut. Strategi merendahkan status dan ekspresif negatif mencatat peratus yang sama iaitu 8%. Seterusnya, strategi kritikan atau aduan mencatat kekerapan sebanyak 16 komen iaitu 7%. Berbanding dengan, kekerapan bagi strategi diberhentikan mencatat sebanyak 9 komen iaitu bersamaan dengan 4% dan strategi penyenyap pulamencatat kekerapan dan peratus sebanyak 4 komen iaitu bersamaan dengan 2%.

Akhir sekali, hasil dapatan menunjukkan hanya strategi penguatkuasaan mesej sahaja tidak ada penggunaannya dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Secara keseluruhan, didapati sebanyak 225 komen yang dikenalpasti penggunaan strategi ketidaksantunan yang dikembangkan oleh Culpeper (2011) pada ruang komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### **4.3 Dapatan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (2011) yang Digunakan Dalam Komen Rancangan Realiti *Solvathellam Unmai***

Bahagian seterusnya, membincangkan tentang hasil dapatan daripada proses penganalisaan data komen, iaitu menjelaskan secara mendalam tentang strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang digunakan oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* semasa memberikan komen di laman sosial. Culpeper mengutarkan sembilan strategi ketidaksantunan, iaitu strategi menghina (*Insults*), diikuti kritikan atau aduan (*pointed criticisms/complaints*), ekspresif negatif (*negative expressive*), soalan yang mencabar atau andaian (*unpalatable questions and/or presuppositions*), merendahkan status (*condescension's*), penguatkuasaan mesej (*message enforcers*), diberhentikan (*dismissal*), penyenyap (*silencers*) dan ancaman (*threats*). Tetapi, untuk bahagian ini hanya membincangkan tentang strategi-strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang dikenalpasti dalam penganalisaan data kajian sahaja akan diuraikan dan dijelaskan secara terpirinci.

Data komen berdasarkan episod-episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang dipilih. Kebanyakan komen yang terdapat dalam sesetengah episod rancangan realiti mencatat lebih banyak penggunaan startegi ketidaksantunan bandingkan dengan episod-episod lain mempunyai kekurangan atau tidak ada penggunaan, terutamanya strategi penguatkuasaan mesej tidak dapat dikenalpasti mahupun tiada penggunaan dalam data komen yang dianalisis untuk kajian ini.

Manakala, penganalisaan data pula hanya merangkumi data komen dimana para penonton yang menonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan yang memberikan komen terhadap watak-watak atau peserta-peserta yang terlibat dengan rancangan realiti

tersebut. Maka, secara tidak langsungnya komen mereka membuat rujukan kepada orang ketiga (Kata Ganti Nama orang ketiga) yang menjadi tumpuan atau kepentingan kajian ini. Kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) lebih kepada data komunikasi yang berasaskan bersemuka berbanding dengan kajian ini mengutamakan data berasaskan bentuk teks (komunikasi berasaskan komputer). Walaupun, kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) ini dikembangkan dengan anggapan bahawa interaksi itu adalah bersemukaan antara satu sama lain. Tetapi, kerangka teori ini masih lagi boleh digunakan dalam kajian ini, kerana teks komen adalah seperti *hybrid* yang mempunyai gabungan antara pertuturan dan penulisan (lisan dan tulisan).

#### **4.3.1 Strategi Ketidaksantunan 1: Menghina**

Strategi menghina merupakan strategi ketidaksantunan yang menunjukkan penggunaan yang banyak dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* oleh penonton di laman sosial hiburan *Youtube*. Strategi ini berdasarkan konseptual orientasi muka dan ia digunakan untuk menyerang muka seseorang dalam interaksi bersemuka. Sementara itu, kajian ini memfokuskan interaksi berasaskan komputer dimana komen menjadi data utama kajian. Seperti yang diterangkan diatas komen yang dinyatakan oleh penonton membuat rujukan kepada orang ketiga iaitu watak-watak atau peserta-peserta yang terlibat dengan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dan konteks teks seperti komen ini dikategorikan sebagai *hybrid* yang mempunyai gabungan antara pertuturan dan penulisan (lisan dan tulisan). Maka, berdasarkan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011), hasil dapatan kajian mencatatkan dapatan bagi sub-kategori rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran daripada strategi penghinaan. Sedangkan strategi penghinaan dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu,

vokatif digunakan sebagai panggilan negatif, penegasan digunakan sebagai panggilan negatif, rujukan digunakan sebagai panggilan negatif dan akhirnya rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran.

Oleh kerana itu, dapatan kajian hanya menjelaskan strategi ketidaksantunan yang dikenal pasti sahaja dijelaskan pada bahagian ini, maka, sub-kategori terakhir bagi strategi penghinaan iaitu rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran yang melibatkan orang ketiga dalam sasaran. Contoh, daripada Culpeper seperti “*dia gila*” (*she’s nutzo*). Bahagian seterusnya akan menjelaskan hasil dapatan kajian ini yang berdasarkan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

<b>Strategi Menghina</b>	<b>kekerapan</b>
<i>Kategori 1- panggilan negatif vokatif</i>	<i>tiada</i>
<i>Kategori 2 - panggilan negatif penegasan</i>	<i>tiada</i>
<i>Kategori 3 - panggilan negatif rujukan negatif</i>	<i>tiada</i>
<b>Kategori 4 - Rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran</b>	<b>63</b>

(11) Jadual 4.3.1.a: sub-kategori bagi strategi ketidaksantunan penghinaan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

Jadual 4.3.1.a, menunjukkan sub-kategori bagi strategi ketidaksantunan penghinaan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Seperti yang dinyatakan rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran, rujukan tersebut ditujukan kepada para peserta atau orang yang terlibat dengan pembentukan rancangan realiti tersebut. Perbuatan berkomen menunjukkan pandangan atau perasaan penontonapa yang mereka melihat dan merasi semasa

menonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* tersebut dan terus melontarkan perasaan dalam bentukkomen di laman sosial. Perbuatan mereka hanya semata-mata menjatuhkan air muka orang ketiga yang berada dalam rakaman rancangan realiti dan tidak mempedulikannya dengan hanya meletakkan pendapat dan pandangan sahaja untuk perhatian orang lain di laman *Youtube*.

Seperti yang sedia maklum, setiap episod mempunyai perbezaan dalam topik perbincangan yang perlu dibincangkan. Oleh keran itu, kajian hanya memfokuskan kepada episod yang bertemakan masalah keluarga selepas perkahwinan sahaja. Masalah selepas perkahwinan adalah kebanyakannya timbul akibat daripada perselisihan fahaman antara pasangan. Jadi, tujuan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini adalah untuk menyelesaikan masalah yang timbul antara mereka serta mendapatkan sambutan yang hangat untuk memperkuatkan atau meningkatkan lagi penarafan TRP rancangan realiti ini. Hasil dapatan kajiansub-kategori rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran yang terkandung dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dibincangkan seperti berikut.

#### **4.3.1.1. Rujukan Negatif Orang Ketiga Dalam Sasaran**

Kategori rujukan negatif orang ketiga dalam sasaran dikalsifikan oleh Culpeper (2011) dalam data beliau seperti “dia gila” (*she's nutzo*). Strategi ini, melibatkan orang ketiga dalam rujukan negatif dimana komen penonton dirujuk kepada orang-orang yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Contoh dapatan yang dipetik daripada laman *Youtube* boleh dilihat dalam dalam contoh 1.

### **Contoh 1: Rujukan Negatif Orang Ketiga Dalam Sasaran**

E9:C2:FN: *That man is real jentalmen...unmaya kathalikirathula boys mattum tan unmaya irukkitanga... she is real bitch...*

Itu lelaki adalah sebenar lelaki sebenarnya yang cinta budak lelaki hanya sebenar ada...

dia adalah sebenar jalang...dia seorang lelaki yang sejati. Hanya budak lelaki yang akan bercinta sejati.... dia seorang jalang....

E13:C213:SM: *anna is prostitute..... Everyone know she is bastard*

*Anna ialah sorang pelacur. Semua orang tahu bahawa dia seorang bajingan.*

E25:C49:MQ: *Tat host is I crazy lady n the Is support her are idiots! Shiiit!!!*

Pengacara itu adalah perempuan gila pertama dan penyokong pertama dia adalah bodoh! Pengotor!

E73:C23:II: *she is a bitch*

Dia seorang perempuan jalang

E201:C5:AA: *she is a prostitute.*

Dia seorang pelacur

Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan strategi rujukan negatif orang ketiga dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dapat dikesan seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 1. Penonton menghina peserta yang terlibat dalam rancangan realiti dengan menggunakan perkataan-perkataan seperti *she is real bitch, anna is prostitute, crazy lady* dan *she is a prostitute*. Dengan

jelasnya di sini, bahawa penonton berpandang rendah dan menghina mereka atas perbuatan seseorang wanita itu dengan menyatakan dia sebagai seorang '*jalang*', '*gila*' dan '*pelacur*' dalam komen yang dinyatakan. Perbuatan yang buruk dan perwatakan yang kurang sopan mangsa rancangan realiti terutamanya seseorang perempuan seperti ini menjadi punca utama untuk penonton melontarkan perasaan marah terhadap perempuan yang melibatkan dirinya dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Perkataan menghina seperti ini, jelas motifnya dan mengancam muka seseorang secara langsung.

Di samping itu, pada pendapat para penonton terhadap perempuan tersebut, mereka akan diasingkan dalam kalangan masyarakat dan diberikan gelaran-gelaran panggilan seperti *bitch*, *crazy lady*, *prostitute*, jika lau mereka terlibat dalam perbuatan tidak baik, bersumbang haram, menipu seorang lelaki atas nama cinta, mahupun membela hak wanita lain. Di sini jelasnya dapat dilihat bahawa, penggunaan perkataan-perkataan yang tidaksantun seperti yang diutarakan oleh Culpeper (2011) dalam teorinya, semasa membina ayat dalam sesuatu bahasa terutamanya dalam Bahasa Inggeris. Maka, boleh disimpulkan bahawa Bahasa Inggeris mudah menjadi bahasa yang tidaksantun dalam penggunaannya terutamanya dalam komunikasi berasaskan komputer /laman sosial.

#### **4.3.2 Strategi Ketidaksantunan 2: Menunjukkan Kritikan / aduan**

Strategi ketidaksantunan yang seterusnya adalah strategi kritikan atau aduan. Strategi ini digunakan untuk mengkritik atau membuat aduan yang menunjukkan ketidakpuashatian terhadap sasaran atau sesuatu perlakuan. Contoh-contoh strategi ini adalah seperti *[that/this/it] [is/was] [absolutely /extraordinarily /unspeakably/etc.] [bad] /rubbish /crap /horrible /terrible/etc.*. Contoh 2, menunjukkan komen yang menggunakan strategi menunjukkan kritikan atau aduan dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### **Contoh 2 – Menunjukkan Kritikan / Aduan**

E1:C1:ST: *What kind of crap is this?*

Apa ke benda ini?

E5:C39:RK: *mla bad*

mla buruk

E5:C104:SF: *Holy crap! Good going Zee. Jeeyo.*

Mengarut! Perjalanan yang lancer Zee. Jeeyo

E5: C128: PP: *horrible.*

mengerikan

E13:C222:UK: *bad judge*

*Hakim yang buruk*

E13:C288:KR: *OMG... This is really horrible... Mediaaaaaaaaaaaaa.....*

Ini memang Mediaaaaaaaaaaaaa..... yang teruk

E17:C17:RP: *Plz.let them stop bad liquor.*

Tolong bagi mereka berhenti tabiat buruk arak itu.

E33:C24:P: *Lakshmi, you are poor in acting in drama, but **bad** judge and law*

Lakshmi awak ini tidak berapa pandai untuk berdrama, tapi  
buruk keputusan dan undang-undang

E45:C262:MS: **BAD JUDGEMENT**

Penghakiman yang buruk

E61:C25:AR: *too **bad** that girl.*

Teruk sangat budak perempuan itu.

Hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa perkataan **bad** digunakan dalam kebanyakkannya dalam komentar bagi mengkritik seseorang atau sesuatu isu yang dibincangkan dalam rancangan realiti tersebut. Penonton memberikan komentar berdasarkan perkara atau isu yang dipertikaikan atau mangsa-mangsa rancangan realiti ini, dengan mengkritik menggunakan perkataan **bad** yang membawa maksud buruk. Seperti ahli politik yang buruk (*mla bad*) yang menunjukkan perbuatan ahli politik yang tidak baik menyebabkan sebagai seorang penonton, mereka menunjukkan perasaan ketidakpuasan terhadap beliau dan memberikan komentar dengan cara mengkritik atau memburukkan perbuatan beliau walaupun, beliau seorang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat.

Disamping itu, pengacara rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dilantik sebagai hakim dan keputusan hakim atau penyelesaian/kesudahan sesuatu isu masalah rumah tangga yang tidak dapat diterima oleh penonton dan ia ditunjukkan dalam episod-episod rancangan realiti menyebabkan menggunakan perkataan buruk seperti **BAD JUDGEMENT** bagi merendahkan tahap rancangan realiti tersebut. Dari awal lagi, dalam komentar rancangan realiti *Solvathellam*

*Unmai* mengkategorikan kaum wanita sebagai kaum yang dipandang rendah pada tahapnya sehingga mereka dicaci, dihina, dan dimarah dengan menggunakan perkataan-perkataan yang kurang sopan. Dalam bahagian ini, mereka dikritik sebagai perempuan buruk seperti yang terdapat dalam lampiran komen E, *very bad girl*, *too bad that girl* dan *very very bad Lady*. Pengkritikan terhadap seseorang dengan menggunakan perkataan yang merendahkan tahap mereka dikategorikan sebagai ketidaksantunan.

Sementara itu, perkataan *horrible* dalam komen penonton diambil kira sebagai tidak santun. Ia merupakan pendapat atau perasaan yang tidak dapat dibayangkan kerana perilaku buruk yang dimiliki oleh manusia. Sifat perwatakan manusia yang dikatakan sebagai dahsyat atau mengerikan kerana mereka melakukan perbuatan yang tidak dapat terima oleh masyarakat. Kesemua komen ini digolongkan sebagai tidak santun dari segi penggunaan bahasa.

#### 4.3.3 Strategi Ketidaksantunan 3: Ekspresif negatif (Sumpahan)

Strategi ekspresif negatif digunakan untuk menyumpah atau perkataan menyakitkan hati terhadap seseorang dalam sasaran dalam bentuk perluahan perasaan marah atau ketidakpuashatian. Komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* juga turut mencatat komen-komen yang tergolong dalam strategi ekspresif negatif. Contohnya, *[go] [to hell/hang yourself/fuck yourself]* *[damn/fuck] [you]* yang disarankan oleh Culpeper (2011). Contoh 3, disenaraikan dengan komen-komen yang mengandungi strategi ekspresif negatif/sumpahan sebagai dapatan kajian.

### **Contoh 3 - Ekspresif negatif (Sumpahan)**

E1:C45:SK: *JUDGE FUCKS CHANGE THE JUDGE*

*Hakim FUCKS tukar pengadil (pengacara)*

E5:C118:KG: *fuck laxmy*

*Fuck Laxmy*

E9:C123:VC: *Wrong judgment. Fuck u zee tv*

Penghakiman yang salah. Fuck awak Zee tv

E13:C169:NW: *mayiru! Waste my 49 mnts time! Fuck*

Sia-sia! Bazir saje 49 minit! *fuck*

E13:C233:CS: *worst baster.... Must hang him... she is bitch...*

Bajingan yang teruk.... mesti gantung dia... dia pula seorang jalang

E13:C261:VS: *fuckkkkkkkkk fuckkkkkkkkk dia fuck awak*

E105:C7:GR: *Excuse me ... Divya's mother & Father pls u r self commit*

*suicide.... idiots u r unfit to live as human....*

Maafkan saya... ibu bapa kepada si Divya ini tolong bunuh diri sendiri... kamu berdua ini tidak layak untuk hidup sebagai manusia

E105:C30:RM: *Wat kind of mother she is!!! go to hell.*

Apa jenis ibu dia itu!!!masuk neraka

Contoh 3, menunjukkan komen-komen yang tidak santun kerap digunakan oleh penonton dalam kebiasaan pemberian komen bagi episod-episod rancangan realiti ini. Penggunaan empat patah kata “four-letter-word;*FUCK*” dikategorikan sebagai tidak santun dari segi bahasa yang digunakan.

Tetapi, ia digunakan untuk menyumpah saluran TV, pengacara dan penganjur rancangan realiti (media) yang berusaha untuk menyelesaikan masalah yang diselaputi dalam kalangan masyarakat. Komen (E5:C118:KG: *fuck laxmy*) dan (E9:C123:VC: *wrong judgment. Fuck u zee tv*) menjelaskan penyataan di atas bahawa penonton sengaja menggunakan perkataan seperti itu.

Disamping itu, teknik penggunaan perkataan bersumpah dalam komen juga turut boleh dilihat dalam banyak komen rancangan realiti ini. Dalam komen berikut (E5:C174:S, E13:C159:DD, E13:C233:CS, E13:C350:RM, E13:C109:JP) boleh dilihat penggunaan perkataan gantung dia/si bodoh/depan orang ramai (*hang [his self/him/these idiots/in front of public]*) merupakan strategi tidak santun dimana penonton menyumpah mangsa rancangan dan menggunakan perkataan yang menyakitkan hati mereka terutamanya dalam komen di laman sosial. Tetapi, hakikatnya tiada sesiapa pun atau orang biasa mempunyai hak atau kuasa untuk mengarahkan seseorang untuk dibunuhan/gantung diri sendiri seperti dalam komen E105:C7:GR: *...pls u r self commit suicide...* kecuali orang yang mempunyai kuasa iaitu hakim sahaja memiliki hak untuk menjatuhkan hukuman seperti gantung dan sebaginya. Komen seperti ini dikategorikan sebagai strategi tidaksantun kerana masyarakat biasa tidak mempunyai hak untuk membunuhan ataupun memberi hukuman bunuh selagi mereka bersalah dari segi undang-undang.

#### **4.3.4 Strategi Ketidaksantunan 4: Soalan yang mencabar**

Seterusnya, strategi soalan yang mencabar atau soalan tidak menyenangkan. Berbanding dengan strategi yang lain, strategi ini berbentuk

soalan yang menjadi sasaran untuk menyerang mangsa. Terdapat segelintir penonton yang memberi komennya berdasarkan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dalam bentuk soalan dengan harapan soalan tersebut dijawab. Contohnya seperti *Why do you make my life impossible?, Which lie are you telling me?, What's gone wrong now?, You want to argue with me or you want to go to jail?.* Contoh 4, menunjukkan contoh-contoh komen yang digunakan dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*” mewakili strategi soalan yang mencabar.

#### **Contoh 4 - Soalan yang mencabar**

E1:C1:ST: After *what had happened* you still expect the younger sist to live with her husband?

Selepas sekian yang berlaku, awak masih lagi mengharapkan adik bongsu awak nak hidup bersama suami dia?

E5:C7:SM: *u so ichy uh before marriage have sex?*

*Awak begitu gatal sangat ke, sebelum kahwin mengadakan hubungan?*

E13:C69:MK: ஒரு தனிப்பட்டகுடும்ப பிரச்சனையை பொது இடத்தில் அனைவர் முன்னிலையிலும் வைத்துபேசி அசிங்கப்படுத்தி விட்டு பிறகு என்ன முகத்தோடு மனைவியுடன் வாழ முடியும்???

Suatu persendirian keluarga masalah awam tempa semua berdepan berbincangkan memalukan lepas itu macam mana boleh bersemuka isteri hidup bersama????

Masalah yang berlaku dalam keluarga persendirian dibincangkan secara umum dan memalukan mereka, selepas itu macam mana dia boleh bersemuka dan hidup bersama???

E13:C85:SV: *how much salary they paid for the artist for this shooting?*

*Berapa banyak gaji mereka bayaruntuk artis itu bagi rakaman ini?*

E25:C10:SS: *why must u indian people always get married to your own relative... easy to get is it....????*

*Mengapa semenstinya orang india selalu kahwin antara saudara-mara sendiri... senang nak dapat jodoh kan???*

E25:C17:BS: *Jus check Solvathellam Unmai conducted by Nirmala Madam how she speaks to men.....?????????????*

Cuba tengok Solvathellam Unmai yang dijalankan oleh pn. Nirmala... cara dia bercakap dengan seorang lelaki... ?????

E25:C36:VV: கண்ணு லட்சமி பொண்ணுகள் கணவனை கொல்லும் வார்த்தைகள் மட்டும் ஆண்கள் தாங்கிக்கொள்ள வேண்டுமா?

Sayang letchumy, wanita-wanita suaminya, Bunuh perkataan hanya laki-laki perlu tahan?

Sayang letchumy, perlukah semua lelaki bertahap dengan perangai isteri yang menggunakan perkataan-perkataan seperti membunuh mereka.

E69:C148>NN: அ/ பாவிகளா அவளால இனிமே பாச்சி  
*நஸ்வா* வாலமுடிமா

Wahai pendosa dia selepas ini belajar baik hidup bolehkah?

Wahai manusia yang berdosa, selepas ini bolehkah dia belajar bersungguh-sungguh dan hidup berbahagia?

E73:C112:AN: *are you BLIND???*

Adakah awak buta???

Soalan yang dikemukakan semasa memberi komen sebenarnya mereka melalui apa yang diperkatakan dalam rakaman rancangan realiti. Soalan dinyatakan berdasarkan isu-isu yang dibincangkan dalam rakaman rancangan realiti. Komen E1:C1:ST, E13:C69:MK, E25:C8:RS, E25:C8:RS, E69:C148:NN adalah berdasarkan isu yang membincangkan masalah kekeluargaan secara umum dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, walaupun ia merupakan isu sensitif yang perlu dibincangkan dalam keadaan tertutup. Motif rancangan realiti *Solvathellam Unmai* bukannya bertujuan untuk memalukan sesiapa pun melalui rancangan ini tetapi ia menjadi satu pentas untuk penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pasangan keluarga. Justeru, realitinya rancangan realiti ini hanya memfokuskan kepada golongan yang sedia berkongsi masalah dan membicarakan isu-isu sensitif secara umum di sisi media. Perbuatan ini menyebabkan rancangan realiti tersebut menjatuhkan maruah atau imej seseorang yang sudi untuk membincangkan masalahnya. Selain itu, perkara tersebut menjadi bahan gosip dalam kalangan masyarakat sekeliling mahupun merosakkan masa depan mereka selama-lama sehingga tiada harapan untuk hidup senang-menyenang antara satu sama lain. Jadi, komen yang berbentuk dalam soalan mencabar sememangnya menunjukkan ketidaksantunan dalam sesuatu keadaan yang diperkatakan dan mengancam muka secara terus dengan perbuatan sedemikian.

Selain itu, penonton juga sindir-menyindir dalam komen yang dikemukakan terhadap mangsa rancangan realiti. Contohnya, E5:C7:SM: *u so ichy uhh before*

*marriage have sex?* Soalan ini ditujukan kepada seorang perempuan yang mengadakan hubungan seksual dengan lelaki sebelum berkahwin. Soalan tersebut tidak santun kerana sasarannya ditujukan kepada perempuan tersebut yang memalukan keluarga dengan perbuatan yang tidak bermoral. Soalan yang mencabar yang terakhir iaitu komen E73:C112:AN memperkecilkan seseorang itu dengan perkataan *BLIND???*. Komen seperti ini sememangnya dikatogerikan tidak santun, dimana penonton menggunakan perkataan buta dalam komennya dengan memperkecilkan kebolehan dan keupayaan seseorang.

#### **4.3.5 Strategi Ketidaksantunan 5 : Merendahkan Status**

Hasil dapatan seterusnya membincangkan strategi ketidaksantunan merendahkan martabat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Strategi ini lebih kurang sama seperti strategi menghina. Contoh strategi merendahkan martabat yang digunakan dalam data Culpeper adalah *[that] [s/being] [babyish / childish/etc]*. Contoh 5, menunjukkan strategi merendahkan martabat daripada hasil analisis data komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

##### **Conoth 5 - Merendahkan Status**

E9: C25:CR: *hay hay which police inspector is talking polite in chennai*

*ms.bose? U still baby u have to learn lots, so waste ur  
commnets, lukshimi.*

Hay hay polis insepktor yang mana cakap baik di *Chennai*  
*pn.bose? awak masih lagi kanak-kanak, awak perlu belajar*  
*banyak lagi, jadi, komen awak sia-sia aje, Lakshimi.*

E145:C10:SD: at the vrry 1st sight I saw this boy fishy and *felt bit girlish*

Dari awal lagi budak ini berkelihatan suspek dan perasaan seperti sifat keperempuanan

Situasinya, pengacara yang membela seorang polis yang kurang sopan dalam perbualan dengan seorang perempuan, maka penonton yang marah memberikan komen bahawa pengacara rancangan realiti masih lagi kanak-kanak dan perlu belajar banyak lagi tentang dunia di luar sana dengan menggunakan komen ‘...*U still baby*’. Dalam ayat komen ini, jelas kelihatan strategi merendahkan martabat seseorang dari segi ilmu pengetahuan mereka. Penonton letakkan pengacara rancangan pada tahap tidak mempunyai pengetahuan semasa dan ini menyebabkan puncanya penonton menggunakan perkataans seperti dalam komen E9: C25:CR.

Manakala dalam komen lain pula, penonton menyatakan dalam komen dengan merendahkan martabat seorang budak lelakinya bahawa dia berkelihatan keperempuanan seperti ‘...*felt bit girlish*’. Jadi disni jelas sangat bahawa penonton tidak hormat atau peduli tentang komennya yang akan menyakitkan hati seseorang, tetapi hanya mementingkan maklumat dalam komen sahaja. Penggunaan perkataan seperti ini, jelas sangat bahawa penonton yang memberikan komen sengaja meletakan komen dan merendahkan martabatnya depan orang ramai.

#### **4.3.5.1 Penggunaan ‘Shame/Shame On You’ Sebagai Strategi**

##### **Merendahkan Status**

Kajian Shamilah, (2015) didapati dalam hasil dapatan kajian menyatakan bahawa perkataan *shame/shame on you* diambil kira sebagai salah satu strategi

ketidaksantunan yang meletakkan dibawah strategi merendahkan martabat seseorang. Strategi ini adalah untuk bertujuan untuk menunjukkan kebesaran kuasa terhadap orang lain. Dalam hasil dapatan kajian ini juga terdapat hasil yang sama seperti penggunaan *shame/shame on you* dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Contoh 6, menunjukkan dapatan daripada data kajian seperti berikut.

### **Contoh 6 - Penggunaan ‘Shame/Shame On You’ Sebagai Strategi**

#### **Merendahkan Status**

E9:C169:SQ: *shame on women's freedom*

Memalukan kebebasan wanita

E13:C282:LS: *SHAME ON THEM.*

Malu pada mereka

E13:C424:RK: *We should be ashamed of our society not the host....*

Kita mesti malu pada masyarakat kita bukan pada pengacara...

E21:C22:M: *Women are out to get the property - what a shame*

Perempuan yang keluar untuk mendapatkan harta - memalukan

E45:C44:TV: *THESE ANIMALS ARE SHAMELESS AND EXPLOITING THE ECONOMICALLY DEPENDENT WIFE.*

Binatang ini tidak mengerti malu dan mengeksplotasi ekonomi bergantung kepada isteri...

E45:C221:PS: *Priya is a shameless creature. She is not a good lady.*

Priya seorang mahluk yang tidak mengerti malu. Dia bukan perempuan yang baik

E61:C22:DK: *She is mental. Alukaye varela. She is not right. Shame on her*

Dia seorang mental. Tak menangis. Dia itu tak betul. Malu pada dia.

E65:C1:VA: *Shameful*. . how can that woman stay with that man after her daughter is being abused..worst episode

Sungguh memalukan... macam mana perempuan itu masih lagi tinggal bersama lelaki itu selepas anak dia kena didera... episod yang teruk

E85:E88:M: *What a shame!*

Sungguh memalukan!!

E101:C50:VS: *Shameless girl*

Perempuan tak erti malu

E101:C73:PS: *He must be in jail shame on him and her*

Dia mesti letak dalam penjara memalukan mereka berdua

Penggunaan strategi *shame/shame on you* dalam komen rancangan realiti ini yang dinyatakan oleh penonton, sebagai orang ketiga yang berada diluar situasi realiti tersebut sememangnya tidak dapat dihadkan. Maka, dari segi pendapat dan pandangan mereka, sesuatu perkara atau masalah yang dibincangkan dalam rancangan realiti secara umum memalukan kaum perempuan mahupun lelaki. Jadi, di sini mereka yang duduk di luar (orang ketiga) menunjukkan kebesaran kuasa dengan merendahkan martabat seseorang yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dengan cara ‘*shame on you*’ sehingga mereka berasa bermalu depan orang ramai.

#### **4.3.6 Strategi Ketidaksantunan 6: Diberhentikan**

Seterusnya, hasil dapatan membincangkan tentang strategi ketidaksantunan diberhentikan yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Strategi ini digunakan untuk penerima/pendengar menggelakkan atau membuat bersurai daripada sesuatu perbualan atau hujahan dengan cara tidak santun. Sebagai contoh, *[go] [away] [get] [lost/out]* *[fuck/piss/shove] [off]* adalah kata-kata diberhentikan yang digunakan dalam data Culpeper (2011). Contoh 7, menunjukkan komen yang mempunyai penggunaan strategi diberhentikan atau membuat bersurai dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### **Contoh 7 – Diberhentikan**

E9:C139:RR: *its worst ever judgment by host and even near to Nirmala*

*Periyasamy what she will do if the guy done the same mistake  
what the girl committed. Get lost LR*

Ia merupakan keputusan yang sangat teruk oleh pengacara dan *Nirmala Periyasamy* apa yang akan buat kalau lelaki itu membuat kesilapan yang sama... apa yang budak perempuan lakukan... berambus LR

E17:C111:LM: *Dont let that bastard again into that girl's life. Dont ruin the girl's life again. Chase him away.*

Jangan bagi bajingan ini terlibat lagi dalam kehidupan budak itu. Jangan hancurkan kehidupan perempuan sekali lagi. Halau dia keluar

E25:C15:SF: *Eanda loosu pakkigala naalu suvar kulle paesi mudikavaendiya visayatthe .. chaikk i hate . Solvathellam Unmai program fuck off.*

Gila ker ape, empat dinding dalam berbincang perlu perkara... chaikk saya benci. Solvathellam Unmai Rancangan fuck off perbuatan yang tak masuk akal... perkara yang perlu dibincangkan dalam keadaan tertutup... chaikk saya benci rancangan Solvathellam Unmai fuck off

E25:C21:BS: *get lost u lakshmi dirty bitch*

Berambus awak lakshimi pengotor jalang

E25:C70:LN: *GET OUT LAKSHMY !! USELESS HOST!*

Berambus lakshmy!! Pengacara yang tak boleh guna!

E25:C85:UV: *MENTAL LAKSHMI U ITSELF PLEASE GET OUT OF THE SHOW*

Awak ini sakit mental lakshmi, awak tolong keluar dari rancangan ini...

E65:C30:MS: *f... off.... send him to soudhi.....we human beings not a shit animals....*

f.... off.... hantar dia ke Saudi.... kita semua manusia bukan tahi binatang...

Dalam komen-komen ini, terdapat penggunaan perkataan *Get lost/ GET OUT* yang digunakan secara langsung terhadap pengacara rancangan realiti ini. Akan tetapi, pengacara ini merupakan orang tengah bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang memainkan peranan penting dalam perbualan antara peserta yang menampilkkan diri dihadapan untuk mendapatkan penyelesaian bagi

sesuatu masalah. Jadi, cara ini dipertimbangkan sebagai kasar atau tidak santun untuk membuat seseorang itu bersurai/keluar daripada rancangan tersebut.

Manakala, perkataan *Chase him away* juga turut digunakan dalam komen oleh pengguna. Sama seperti membuat bersurai atau keluar dengan cara yang tidak santun, tetapi di sini komennya dirujuk kepada peserta atau mangsa yang terlibat dalam rancangan serta merosakkan atau menghancurkan kehidupan seorang perempuan. Jadi, kemarahan itu ditunjukkan dalam bentuk tidak santun dengan cara menghalau seseorang itu.

Selain itu, perkataan *fuck off* dalam komen ini, sebagai satu cara menunjukkan kemarahan terhadap orang lain atas perbuatan yang tidak menyenangkan. Perbuatan ini melibatkan konsep muka yang dinyatakan oleh Culpeper (2011) dimana balasan seperti ini bertujuan untuk mengancam atau merosakkan muka secara keseluruhan. Dalam komen, yang pertama digunakan terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* tersebut kerana isu-isu sensitif sepatutnya dibincangkan dalam keadaan tertutup, tetapi di sini dibicarakan secara umum. Manakala, yang kedua pula terhadap mangsa atau peserta rancangan yang berkelakuan buruk. Jadi, penonton menggunakan strategi membuat bersurai atau keluar dalam komen rancangan realiti ini secara tidaksantun.

#### 4.3.7 Strategi Ketidaksantunan 7 : Penyenap

Sama seperti strategi diberhentikan, tetapi strategi ketidaksantunan membuat senyap khas untuk membuat seseorang itu tutup atau berhenti daripada

bercakap. Dalam hasil dapatan, terdapat komen-komen yang menunjukkan penggunaan strategi membuat senyap secara tidak santun. Contoh yang diutarakan oleh Culpeper (2011) adalah *[shut] [it/your mouth, face/etc.] [shut] [the fuck] up*. Contoh 8, menunjukkan strategi yang dimiliki oleh komen-komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

### **Contoh 8 – Penyenyan**

E9:C11:VK: *moodu*

Tutup

Diam.

E9:C21:IT: *shut-up idiot. Are you doing the same f....?*

Diam bodoh. Adakah awak buat yang sama f....?

E41:C32:JS: *she s not good , her judgment is not fair for that guy.... tell her to shut the fuck up*

Dia ialah tidak baik, penghakiman yang dia bagi untuk dia tidak adil.... suruh dia diam fuck up

E49:C19:SS: *Shutup...*

Diam....

Penggunaan perkataan *Shutup/shut the fuck up* dalam komen ini, kebanyakannya berkompen semasa, samada peserta menjelaskan masalah-masalah yang dihadapi ataupun didapati pengacara memberi komen atau balasan kepada peserta tersebut. Di mana komen ini bertujuan untuk menyerang muka dengan menunjukkan perasaan emosi yang tidak dapat dikawal oleh penonton terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini.

#### **4.3.8 Strategi Ketidaksantunan 8 : Ancaman**

Strategi yang terakhir disarankan oleh Culpeper (2011) adalah strategi ketidaksantunan ancaman yang akan dibincangkan dalam akhir bahagian ini. Strategi ini mencatat angka kekerapan yang kedua paling banyak dalam hasil dapatan kajian ini. Strategi ini digunakan untuk menakutkan atau menyakitkan seseorang dalam sasaran. Begitu juga dalam hasil dapatan analisis bagi kajian ini, ramai penonton memberikan suatu situasi yang menakutkan dalam gaya menyampaian komen bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Antara contoh strategi yang dinyatakan oleh Culpeper (2011), *[I'll] [I'm/we're gonna]* *[smash your face in/beat the shit out of you/box your ears/bust your fucking head off/straighten you out/etc.]* *[if you don't] [X], [X] [before I] [hit you/strangle you]*. Contoh 9, menunjukkan hasil dapatan kajian strategi ancaman bagi kajian ini.

#### **Contoh 9 – Ancaman**

E1:C4:RK: *Intha selvi ponna seruppala adikanum*

Ini selvi perempuan slipar pukul

Pukul budak Selvi ini dengan slipar

E5:C147:NS: *antha nayaadici kolla venum,,*

Itu anjing pukul mati mahu

Pukul anjing itu sampai mati

E5:C180:J: *if I see him... I'll kill that coward! Spermless spineless bastard!*

Kalau saya temgok dia... saya akan bunuh pengecut itu!

Spermless tiada tulang belakang bastard!

E9:C53:MM: *at the same time nana iruntha ivala konduruve*

Pada yang sama masa saya kalau dia bunuh

Pada masa yang sama saya akan bunuh dia

E9:C173:DJ: *Sariya judgement pannininga laxmi madam.... Indha madhiri ponna serupa kalati adikanum. Ipdi oru husband ava lfe le miss panra.... Fool*

Betul penghakiman bagi laxmi puan.... ini macam perempuan kasut tanggal pukul. macam ini satu suami dia kehidupan terlepas.... bodoh

Betul penghakiman Puan Laxmi... Perempuan macam ini kena pukul dengan kasut. Dia melepaskan suami macam ini dalam kehidupan dia... bodoh.

E9:C174:AR: *செருப்பகலட்டி அடிக்கனும்*

Kasut guna pukul kena

Kena pukul dengan kasut...

E13:C41:NB: *Bitches...serupale adikanum... manam ketta nayunga*

Jalang.... kasut pukul... maruah tiada anjing

Jalang... pukul dengan kasut... anjing yang tidak bermaruah

E13:C60:NK: *pour asid on the lady face see the bastard want her or not this fellow is womaniser*

Simbah asid atas muka perempuan itu dan tengok kalau bastard itu nak terima dia ke tak, orang ini kaki perempuan

E13:C151:OO: *I want to kill anapoorani and arasu. They are not logic and the wife of arasu is strong*

Saya mahu bunuh anapoorani dan arasu. Mereka tidak logik dan isteri arasu kekal kuat

E13:C190:SH: *inha naya engatavathu pathaa serupalaye adiga*

Pukul anjing ini dengan kasut jika tengok di mana-mana

E13:C296:JM: *Feel like smacking his face. That stupid smile.*

Rasa macam nak pukul muka dia. Senyuman yang bodoh.

E13:C348:TS: *These two selfish people should be stoned to death.*

Mereka dua yang mementingkan diri sendiri ini perlu dilontarkan  
batu sehingga mati

E29:C97:AK: *kill the guy*

Bunuh lelaki itu

Strategi ketidaksantunan ancaman ini merupakan salah satu cara untuk melepaskan geram atau kemarahan yang maksimum oleh penonton terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* mahupun orang-orang yang terlibat dengan rancangan realiti tersebut. Mereka menggunakan perkataan-perkataan seperti *kill/smacking his face* dalam pemberian komen untuk menakutkan mangsa yang terlibat dalam rancangan realiti yang diutarakan oleh Culpeper (2011). Ini adalah kerana, pada pendapat penonton mangsa tersebut melakukan sesuatu yang tidak boleh dimaafkan. Jadi, kemarahan tersebut ditunjukkan dalam bentuk tulisan di ruang komen rancangan realiti di laman sosial.

Perkataan bunuh (*kill*) dalam komen yang digunakan atau ditujukan kepada mangsa yang melakukan perbuatan yang kurang sopan sehingga menyebabkan berlakunya percanggahan dalam keluarga antara pasangan. Selain itu, terdapat juga antara pasangan suami atau isteri yang mempunyai hubungan sulit dengan orang luar/kekasih, walaupun sudah berkahwin dan mempunyai anak-anak. Budaya India Tamil terutamanya perempuan yang sudah

berumahtangga, mestilah berpegang kepada adat dan budaya, walaupun menempuh pelbagai masalah dalam kehidupan. Tetapi, dalam situasi-situasi dalam episod yang dibicarakan mempunyai masalah-masalah sebegini. Seperti sedia maklum, tujuan rancangan realiti ini sememangnya menyelesaikan masalah sebesar manapun demi kebaikan keluarga tersebut. Tetapi, terdapat juga isu antara pasangan yang tidak dapat diselesaikan kerana tiada persefahaman antara meraka dan keutamaan diberikan keutamaan kepada orang ketiga atau hubungan sulit oleh pasangan. Ada komen yang menyebabkan penonton sendiri meletakkan dirinya dalam situasi tersebut dan meluahkan perasaan yang tidak puashati dengan menggunakan perkataan-perkataan yang mengancam atau menakutkan seperti *I want to kill.../ if I see him... I'll kill.../ nana iruntha ivala konduruve.*

Budaya Masyarakat India akan berpandang rendah terhadap seseorang yang melakukan perbuatan yang menjijikan dan memalukan. Perbuatan seperti mengadakan hubungan dengan kekasih sebelum berkahwin atau hubungan selepas berkahwin oleh seseorang akan dirujuk kepada binatang yang menjijikan perbuatannya. Contohnya, septianjing liar yang berkeliaran tanpa pengawal. Komen E5:C147:NS, E13:C41:NB, E13:C190:SH menunjukkan penggunaan perkataan “*naya*” yang bermaksud anjing terhadap orang yang melakukan perbuatan seperti di atas. Penonton menghina mereka terutamanya kaum wanita dengan menggunakan nama panggilan seperti anjing atas perbuatan mereka yang memalukan kaum, keluarga dan masyarakat.

#### **4.3.9 Dapatan Baru Strategi Ketidaksantunan - *Gesture-Verbal***

##### **Meludah (*Spitting*)**

Terdapat beberapa komen yang mengandungi strategi ketidaksantunan yang tidak termasuk dalam strategi Ketidaksantunan Culpeper (2011). Ini diklasifikasikan sebagai dapatan baru kajian. Walaubagaimanapun, Culpeper dalam bukunya *Impoliteness: Using Language to Cause Offence* (m/s 136) membincangkan dan senaraikan beberapa simbol *gestural* (bukan lisan) yang dikategorikan tidak santun tetapi ia jarang wujud dalam data Culpeper seperti berikut:-

- I. Meludah (*Spitting*)**
- II.** Menjelirkan lidah kepada seseorang (*sticking one's tongue at somebody*)
- III.** Menunjukkan seseorang dua jari (atau 1 jari) simbol (*giving someone a two fingered (or a one fingered) gesture*)
- IV.** Menggolekkan mata (*rolling one's eyes*)
- V.** Melihat atau menatap dengan cara yang tidak menyenangkan (*leering*)*dan*
- VI.** Sikap tidak peduli (*turning one's back on someone*)

Beliau menyatakan kesemua strategi ini boleh di terima sebagai *conventionalised non-verbal visual* perlakuan yang tidak santun. Berkenaan pernyataan tersebut, kajian ini mencatatkan dapatan baru yang digunakan oleh penonton dalam komen, iaitu strategi meludah (*spitting*). Contoh 10, menunjukkan senarai dapatan baru dalam kajian yang terdapat penggunaan strategi meludah dalam komen rancangan realiti.

### **Contoh 10 - Strategi Meludah**

E13:C18:C: *go to hell you orange saree and the orange shirt husd. Such a stone heart. Waste fellas!! Thuu!!*

Mampus awak saree oren dan suami yang berbaju oren. Memang batu hati. Tak berguna!!! *Thuu!!!* (meludah)

E13:C426:LB: *see at 39:15 that poramboku giving signal by eyes to that bitch...thu..*

Tengok pada masa 39.15 bajingan itu memberi isyarat mata pada jalang itu... thu... (meludah)

E9:C67:ST: *chi...chi..chiiii,,, kudumbamaada ithu?? thuuuff*

Cis... cis... cis... keluarga ‘ke ini?? Thu (meludah)

Cis... cis... cis... ini kekeluarga? (meludah)

Sesetengah perkataan yang tidaksantun dan kesat tidak disenaraikan kerana ia tidak wujud dalam data Culpeper (2011) dan beliau juga menyatakan bahawa simbol *gestural* (bukan lisan) dipertimbangkan sebagai biadap atau kasar. Contohnya, meludah. Akan tetapi, dalam kajian ini, komen-komen di atas menunjukkan penggunaan perkataan seperti [*Thuu!!/ thu../thuuuff.. ↗*] yang terdapat dalam komen sebagai perlakuan meludah yang bertujuan untuk menunjukkan perasaan marah terhadap mangsa-mangsa yang melibatkan diri dalam rancangan realiti tersebut. Tambahan pula, ia sebagai suatu strategi mereplikasikan cara atau perbuatan manusia yang mengandingi perasaan yang berpandang rendah terhadap mereka yang melakukan perbuatan yang memalukan dengan menuliskan perkataan seperti [*Thuu!!/ thu../thuuuff.. ↗*] dalam komennya. Culpeper tidak mengkategorikan simbol *gestural* (bukan

lisan) ini dalam formula ketidaksantunan dan beliau hanya memfokuskan ketidaksantunan secara lisan sahaja. Oleh sedemikian, dalam kajian ini meludah dikategorikan sebagai salah satu strategi ketidaksantunan tanda isyarat (bukan lisan) dan ia merupakan hasil dapatan baru bagi kajian ini.

#### **4.3.10 Dapatan Baru Strategi Ketidaksantunan - Kata Seru**

Selain daripada simbol *gestural* (bukan lisan), terdapat juga kategori yang lain digunakan dalam komen iaitu kata seru. Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perasaan seseorang dalam sesuatu situasi tertentu.

*Cis/cih* adalah perkataan yang digunakan untuk menyatakan perasaan marah, benci dan jijik. Contoh 11, membincangkan hasil dapatan kajian penggunaan kata seru dalam komen rancangan realiti untuk melontarkan perasaan mereka dalam bentuk tulisan seperti *Chi/ chaikk*.

#### **Contoh 11 – Kata Seru**

E9:C154:SE: *nee ellam oru ponna di chiethuku nee en di love pana mariu love na enna nu theriuma di uanku...very bad girl.....*

Awak semua seorang perempuan ke chi mengapa awak kenapa bercinta Cinta tahu apa Faham tak. Awak.... sangat teruk perempuan.....

Adakah awak ini seorang perempuan... chis mengapa awak semua bercinta... awak faham taka pa itu cinta... teruk sangat perempuan....

E13:C159:DD: *Nacamah ponavane nee ellam oru ambaleeee... poi  
tugumathi savuda... porigi naaayee... kamunathi chi...  
tuppukatthavane... ethuku ma unaku anthe valge ennumum...  
tugi podu ma nee... ungge pasakale valathu alaekku ne nalla  
erupe...*

Tak berguna awak semua seorang lelaki... pergi gantung  
mati... bajingan... anjing... tak berguna chis, Tak  
bertanggungjawab.... kenapalah awak itukehidupan....buang  
awak... awak anak besarkan awak baik akan...  
Tak berguna... awak ini seorang lelaki ke... pergi gantung diri  
awak bajingan; anjing... tak berguna chis... tak  
bertanggungjawab... kenapa awak nak sangat kehidupan itu...  
buang saja... awak besarkan anak-anak awak itu... mesti hidup  
berbahagia...

E25:C15:SF: *eanda loosu pakkigala naalu suvar kulle paesi mudika vaendiya  
visayathe .. chaikk i hate . Solvathellam Unmai program fuck off*  
Apa gila empat dinding dalam berbincang perlu perkara...chaikk  
saya benci. Solvathellam Unmai Rancangan *fuck off* perbuatan  
yang tak masuk akal... perkara yang perlu dibincangkan dalam  
keadaan tertutup... chaikk saya benci rancangan Solvathellam  
Unmai *fuck off*

E9:C67:ST: *chi...chi..chiiii,,, kudumbamaada ithu?? thuuuff*  
Cis... cis... cis... keluarga 'ke ini?? Thu (meludah)  
Cis... cis... cis... inike keluarga? (meludah)

E9:C110:BF: *PONNA ITHU?????????????CHIIIIIII ,,,,,,,,,,,WEN I WAS*  
STUDYING IN COLLAGE ALL OTHER STATE GIRLS ARE

TOLD LIKE THIS TAMIL GIRLS ALWAYS FIRE NOBODY  
CANT TOUCH THAT MUCH VERY GD CHARACTER ,BUT  
NOW CHII

E9:C154:JJ: *enna koduma idhellam...chi*

Apa kesusahan ini semua... chi

Apakah kesudahan ini semua...chis

E17:C14:MS: *cha enna kooduma pa pavam papa*

Cha apadera ; kesian budak

Chis dera betul awak ini, kesian budak

E13:C62:HB: *chi vekaama ila unaku ellam enna da pechu ....*

Chi malu takde awak semua apa lah cakap.....

Cis! Tak malu ke awak semua ini? Entah apa nak cakap....

Satu lagi dapatan kajian yang dicatatkan disini, ialah strategi kata seru sebagai ketidaksantunan bahasa yang digunakan oleh masyarakat India, terutamanya dalam interaksi yang melibatkan tanpa bersemuka. Strategi ini merupakan salah satu teknik atau cara mereplikasikan perbuatan manusia yang mengandungi penunjukkan perasaan menjijikan atau memalukan dalam bentuk tulisan seperti, [**Chi/ cha/ CHIIIIIIII/ chi...chi..chiiiii,,, chaikk]**. Perkatan seperti *Cis* ini tiada dalam penggunaan yang ketara, melainkan dalam bahasa Tamil, perkataan *Cis* mempunyai maksud yang tersendiri. Perkataan *Cis* tidak boleh diabaikan atau dipisahkan daripada budaya kaum India, sedangkan ia dikategorikan sebagai penunjukkan perasaan jijik antara satu sama lain dalam kalangan manusia. Pada masa yang sama, kaum lain seperti kaum Melayu juga menggunakan dalam saban harian perkataan itu, tetapi penggunaanya agak kurang dan kajian ini memetik komen-komen yang mempunyai penggunaan perkataan yang

mengambarkan sesuatu perbuatan yang membawa maskud tersiratnya tidaksantun atau tidak sopan.

Secara kesimpulannya, strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen racangan realiti *Solvathellam Unmai* dijelaskan berdasarkan kerangka teori Culpeper (2011). Kesemua strategi ketidaksantunan didapati dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, tetapi strategi penguatkuasaan mesej pula tidak didapat mengenalpasti ataupun tiada penggunaan dalam analisis kajian ini. Manakala, pada masa yang sama terdapat dua strategi baru dikenalpasti dalam kajian ini. Iaitu, strategi meludah dan strategi kata seru. Strategi ini merupakan salah satu cara mereplikasikan perbuatan manusia yang mengandungi penunjukkan perasaan menjijikan atau memalukan dalam bentuk tulisan. Contohnya, strategi meludah [**Thuu!// thu../thuuuff**] dan kata seru [**Chi/ cha/ CHIIIIIIIII/ chi..chi..chiiiii,,, chaikk**]. Bahagian seterusnya, akan membincangkan persoalan kajian yang kedua, dimana kedua-dua persoalan kajian ini saling berkait antara satu sama lain.

#### **4.4 Bagaimakah Strategi Ketidaksantunan Direalisasikan Dalam Komen Rancangan Realiti *Solvathellam Unmai*?**

Persoalan pertama mempunyai kesinambungan dengan persoalan kedua, dimana bahagian kedua ini akan menjelaskan cara strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan. Bermaksud, bagaimakah strategi ketidaksantunan yang diaplikasikan dalam komen rancangan realiti dengan menunjukkan penggunaan bahasa yang tidaksantun untuk kemarahan dan ketidakpuashatian terhadap sesuatu isu yang dibincangkan di laman sosial. Oleh yang sedemikian, isi kandungan komen rancangan realiti *Solvathellam*

*Unmai* memainkan peranan penting dalam membentuk strategi ketidaksantunan seperti yang bincangan dalam Teori Culpeper.

Kesemua isu kandungan komen ini, dapat disenaraikan semasa membuat analisa data kajian rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini (rujuk 4.1). Latar belakang atau maklumat peribadi penonton dalam kajian ini akan dirahsiakan dan kerana tujuan kajian ini adalah hanya memfokuskan kepada strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen sahaja. Kandungan sesuatu komen memainkan peranan dalam menentukan sama ada komen yang diberikan itu dipertengahkan kesantunan bahasa atau tidak. Akan tetapi, Kebanyakkann komen rancangan realiti yang terdapat di laman sosial menggunakan bahasa yang tidaksantun untuk meluahkan perasaan masing-masing. Justeru itu, bahagian seterusnya akan membincangkan cara strategi ketidaksantunan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan dalam kajian ini.

#### **4.4.1 Bentuk Soalan**

Sesetengah komen yang ditujukan oleh penonton terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* adalah dalam bentuk soalan yang mengharapkan balasan daripada orang yang ditujukan, pengajur saluran TV ataupun orang yang sambut komen yang sebelumnya. Hasil dapatan kajian menjelaskan dengan contoh-contoh strategi soalan yang cabar yang terdapat dalam komen rancangan realiti ini (rujuk 4.3.4). Penonton yang menggunakan strategi ini semata-mata untuk menjatuhkan air muka terutamanya pihak ketiga iaitu saluran TV yang menganjurkan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Contoh 1 dapat menjelaskan keadaan ini.

## **Contoh 1 - Bentuk Soalan**

E5:C133:KC: *after get humiliated in front camera, they still wanna live*

*togather????*

Selepas menghina depan kamera, mereka masih lagi nak hidup bersama?

E13:C5:AK: *Can't they perform the counseling in a private envroment? God you guys are monsters publicizing this for TRP rating.*

Tak boleh ke mereka mengadakan satu sesi kaunseling dalam keadaan tertutup? Ya Tuhan! kamu semua ini macam raksasa, publisitikan ini untuk meningkatkan TRP.

Soalan-soalan seperti di atas, sememangnya jelas ditujukan kepada penganjur rancangan realiti tersebut dan mewujudkan perasaan kurang selesa. Akan tetapi, kebanyakan komen yang berbentuk soalan sebegini tiada jawapan yang diterima daripada pihak yang berkenaan. Malah, terdapat balasan daripada penonton lain dalam bentuk sokongan atau sambutan sahaja. Terdapat sesetengah orang yang memberikan komen bagi sebahagian episod, tidak tahu tentang isu yang dibincangkan atau meletakkan sahaja komen berbentuk soalan tanpa tujuan atau soalanya ditujukan kepada peserta yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unma* tersebut dengan tujuan menghina mereka.

Jelasnya di sini, bahawa komen-komen dalam bentuk soalan sebegini mempunyai penggunaan bahasa yang tidaksantun dan bermotifkan mengancam air muka orang ketiga. Cara bentuk soalan ini tergolong dibawah strategi ketidaksantunan soalan yang mencabar merupakan salah satu cara yang digunakan untuk merealisasikan

strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### 4.4.2 Rujukan

Manakala, bahagian seterusnya, terdapat kebanyakkan komen yang menggunakan cara rujukan, iaitu dalam komennya mereka merujuk manusia kepada binatang. Dalam hasil dapatan, dikenal pasti bahawa peserta-peserta yang terlibat dalam reancangan realiti dirujuk sebagai binatang dalam komen oleh penonton masing-masing. Rujukan sebagai binatang seperti ini bertujuan untuk menghina dan mengancam air muka peserta yang telibat dengan rancangan realiti secara langsung.

Di sini, walaupun peserta yang terlibat dalam rancangan realiti itu ialah lelaki atau perempuan, mereka masih lagi merupakan manusia yang mempunyai akal untuk berfikir tetapi atas perbuatan mereka menyebabkan, penonton rancangan tersebut meletakan peserta-peserta tersebut di bawah golongan binatang. Antaranya contoh binatang yang digunakan untuk rujukan dalam komen adalah seperti *seekor anjing/anjing liar*. Perbuatan penonton seperti ini jelas bahawa meletakkan peserta yang terlibat dengan rancangan realiti pada tahap yang rendah dan menghina kaum manusia sesama sekali. Selain itu, binatang seperti *babi* juga digunakan untuk menghina dan menjijikan perbuatan manusia terumanya yang terlibat dengan rancangan realiti ini.

Seterusnya, dalam budaya kaum India peribahasa yang menggambarkan perumpamaan kombinasi monyet dengan burung nuri sering diperkatakan. Bermakna, burung nuri adalah salah satu jenis burung yang cantik dengan berbulu warna-warni. Manakala, monyet pula dengan perwatakannya yang nakal, hodoh dan tidak menghargai

sesuatu benda yang dimilikinya. Sama seperti kombinasi monyet dan burung nuri, seorang gadis yang anggun dan cantik kelihatannya dirujuk kepada burung nuri, manakala seorang lelaki yang berkulit gelap dan kasar perwatakan dirujuk kepada seekor monyet. Cara merujuk seperti ini semata-mata untuk menghina peserta-peserta yang terlibat dalam rancangan realiti tersebut. Cara rujukan ini merupakan salah satu strategi yang menunjukkan penghinaan terhadap seseorang manusia dengan meletakkan orang ketiga pada tahap rendah, menyamakan perwatakan mereka dengan binatang dan menjijikan perbuatan.

### **Contoh 2 – Rujukan**

E13:C3:SS: இரண்டு நாய்களையும் எங்கு பார்த்தாலும்  
செருப்பால் அடியுங்கள்  
Dua anjing mana jumpa pun guna slipar  
pukul  
kalau jumpa mereka dimana-mana, pukul sahaja gunakan slipar

E13:C142:JM: *hang gilo ke apo? Babi sial... lahanat.*

*Awak gila ke apa? Babi sial... lahanat.*

E13:C397:NV: *The irresponsible selfish pigs don't need advice.*

Tidak perlu bagi nasihat kepada babi yang tidak bertanggjawab yang mementingkan diri sendiri.

E17:C98:K: *yuck this ugly monkey guy disgusting feel bad for the girl*

Yuck lelaki yang macam monyet hodoh ini membuat menjijik dan merasa buruk pada budak perempuan itu

E29:C15:VS: *kiliyai valaththu kuranku kaigela koduththeddinkale*

Nurinya bela monyet tangan dah bagi

Ibarat bela burung nuri bagi di tangan monyet

Komen-komen dalam contoh 2, menunjukkan contoh binatang yang digunakan dalam komen sebagai rujukan dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Tambahan lagi, rujukan ini diklasifikasikan sebagai kumpulan makna oleh Jay (2000) dan Pinker (2008) yang menjelaskan bahawa perkataan yang digunakan untuk membentuk ungkapan makian didapati dalam laman yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai dominan. Kajian Azizul dan Vijayaletchumy (2016), didapati dapatan kajiannya menyamakan manusia dengan haiwan atau dengan makhluk yang tidak baik yang menyatakan bahawa hal ini merupakan ketidaksantunan bahasa yang digunakan dalam blog politik di Malaysia. Maka, jelasnya disini rujukan kepada benda tidak hidup atau binatang sememangnya merupakan salah satu teknik menghina kaum manusia yang dirujuk kepada orang ketiga dalam situasinya.

#### **4.4.3 Persepsi Orang Awam**

Apabila rancangan realiti *Solvathellam Unmai* membincangkan isu kekeluargaan secara umum, maka di situ terdapatnya persepsi atau tanggapan yang tidak baik daripada orang awam terhadap peserta yang terlibat dalam rancangan realiti tersebut. Secara keseluruhan dalam hasil dapatan kajian ini didapati bahawa, ramai yang memberi komen menggunakan perkataan makian dan menghina secara meluas yang ditujukan kepada golongan peserta (lelaki dan perempuan). Pada persepsi orang awam, apa yang sepatutnya dimiliki oleh kedua-dua orang (lelaki dan perempuan) ini tidak berkelihatan dalam rancangan realiti ini. Isu kekeluargaan seperti ini perlunya dibicarakan dalam keadaan tertutup dan jika seorang isteri mempunyai masalah dengan si suami atau si isteri tidak selesa dengan perangai suami, maka, di situ bermulanya

perselisihan fahaman antara pasangan sehingga menyebabkan dirujuk kepada orang ketiga atau diheret ke pentas seperti rancangan realiti. Ini menunjukkan bahawa mereka kehilangan maruah diri kerana masalah keluarga sendiri dibincangkan depan orang ramai. Seorang perempuan perlunya mempunyai maruah diri dan berpegangan kuat kepada agama dan budaya. Manakala, seorang lelaki perlu bertanggungjawab terhadap keluarganya. Ketidaksantunan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini direalisasikan dalam strategi ketidaksantunan menghina, dimana penonton menghina perbuatan para peserta yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Contoh 3 menjelaskan keadaan tersebut.

### **Contoh 3 – Persepsi Orang Awam**

E13:C3:SS: இரண்டு நாய்களையும் எங்கு பார்த்தாலும்  
செருப்பால் அடியுங்கள்

Dua anjing mana jumpa pun guna slipar pukul kalau jumpa  
mereka dimana-mana, pukul sahaja gunakan slipar

E45:C239:LB: *he shuld be hanged..*

Dia sepatunya kena gantung

E65:C8:ST: *kill him*

Bunuh dia

E13:C261:VS: *fuckkkkkkkk him*

Fuckkkkkkkk dia

E9:C202:NA: *பச்சதேவடிய*

Hijau pelacur (taboo)

Betul-betul pelacur!

E69:C121:RS: *cutt off his Pe\*\*\* bastard !*

Potong dia punya \*\*\*\*\* bajingan!

E197:C104:HA: ഇവ ജാമൻലേ അക്കനുമ് ആസിട്ടേ.

Dia alat simbah asid

Kena simbah asid pada alat sulit dia

E45:C84:NS: *this man needs to be shot to death*

Lelaki ini kena tembak mati

#### 4.4.4 Cadangan Dalam Bentuk Hukuman

Penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang memberikan pelbagai jenis komen selepas menonton rancangan ini, dalam bentuk cadangan hukuman. Di mana, komen cadangan yang berbentuk hukuman ini, sebenarnya mengandungi unsur perasaan marah terhadap peserta yang terlibat dalam rancangan realiti terutamanya melibatkan dirinya dalam perbuatan yang tidak baik. Strategi ketidaksantunan direalisasikan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dengan memberikan cadangan dalam bentuk hukuman dan menyatakan jenis-jenis hukuman yang perlu diberikan, walaupun peserta rancangan tersebut secara sukarelanya menampilkan diri untuk meluahkan perasaan dan pengalaman yang dialaminya bagi mendapatkan hak masing-masing di depan kamera rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini.

Kesemua jenis cadangan dalam bentuk hukuman yang dinyatakan di bahagian ruang komen ini adalah bertujuan untuk menakutkan dan mengugut para peserta tersebut dengan menggunakan perkataan seperti ‘bunuh’. Komen-komen yang mengandungi cadangan dalam bentuk hukuman yang dinyatakan oleh penonton dalam komennya dalam contoh 4.

#### **Contoh 4 – Cadangan Dalam Bentuk Hukuman**

E9:C116:AR: இவளை கல்லை வீசி கொல்ல வேண்டும். இதுகான் இஸ்லாத்தில் தண்டனை...

Dia ini batu buang bunuh mahu. Inilah Islam hukuman...

Kena bunuh dia guna baling batu. Inilah hukuman Islam.

E9:C174:AR: செறுப்பகலட்டி அடிக்கனும்

Slipar buka pukul

Kena pukul dengan slipar

E13:C60:NK: *pour asid on the lady face see the bastard want her or not this fellow is womaniser*

Simbah asid pada muka perempuan, tengok bajian itu mahu perempuan itu atau lelaki ini seorang kaki perempuan

E13:C303:RA: *antha bloodyku poisonkoduthu close pannanum ithunga kenjitu irukuthunga*

Itu penjahat racun bagi tutup kena buat yang ini meminta tengah

Bagi racun dan bunuh penjahat itu.... dia orang tengah bermanja pula

E45:C78:VB: *Bloody bitch she is !!! Arrest her*

Dia seorang jalang yang jahat! Gari dia

E45:C84:NS: *this man needs to be shot to death*

Lelaki ini kena tembak mati

E45:C239:LB: *he shuld be hanged..*

Dia sepatunya kena gantung

E49:C29:BS: *inttha mathiri aangala soudikku anuppi talaiyavettanum*

Ini macam lelaki Saudi ke hantar kepala potong

Lelaki macam ini kena hantar ke Saudi untuk potong kepala

E69:C121:RS: *cutt off his Pe\*\*\* bastard !*

Potong dia punya \*\*\*\* bajingan!

E101:C40:NK: *இந்த மாதிரியான வேசய நெருப்புவச்சி*

*கொள்ளனும்.*

Ini macam pelacur api letak bunuh kena

kena bunuh bakar api pelacur macam dia ini

E197:C104:HA: *இவ ஜாமன்லே ஊக்கனும் ஆசிட்டே.*

Dia alat simbah asid

Kena simbah asid pada alat sulit dia

Memukul seseorang dengan menggunakan selipar, membunuh baling batu sampai mati mengikut agama Islam, simbah asid, bagi racun, hantar ke penjara, hukum gantung, hukuman pancung kepala seperti di Saudi, potong alat sulit lelaki dan membakar di tempat awam adalah jenis-jenis hukuman yang dinyatakan dalam komen oleh para penonton. Setiap manusia mempunyai hak masing-masing dan kebebasan dalam melakukan aktiviti social yang tidak bercangah dengan undang-undang. Akan tetapi, terdapat juga sebahagian masyarakat yang menentang terhadap aktiviti-aktiviti tersebut dengan propagandakan di laman sosial. Ia menunjukkan kuasa terhadap orang lain bagi menindas mereka. Isu-isu yang dibincangkan dalam rancangan realiti memberi impak kepada orang awam sehingga mereka menilai dirinya sebagai pengadil dan memberikan hukuman seperti yang dinyatakan dalam komen. Cadangan dalam bentuk hukuman seperti mengugut atau mengancam ini boleh dilihat di bahagian bab 4, strategi ketidaksantunan ancaman yang dibincang secara jelas dan luas. Rentetan cadangan ini

menjurus kepada membuat mengancam kehidupan seseorang secara langsung dalam komennya di laman sosial.

#### **4.4.5 Sepatah Kata**

Selain daripada itu, penonton juga menggunakan bahasa yang tidaksantun seperti sepatah kata untuk menunjukkan perasaan marah yang dinyatakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* dilaman sosial. Komen yang ditujukan tersebut semata-mata untuk menghina mangsa yang terlibat dalam rancangan tersebut. Sebagai contoh, cerita bodoh, hakim yang buruk, bunuh dia dan sebagainya menjadi unsur kemarahan dalam komen.

#### **Contoh 5 - Sepatah Kata**

E21:C37:S: *Stupid story*

Cerita bodoh

E45:C262:MS: *BAD JUDGEMENT*

Penghakiman yang buruk

E49:C19:SS: *Shutup...*

diam

E65:C8:ST: *kill him*

Bunuh dia

E69:C48:SP: *poriki basted ...*

bajingan

E77:C46:FR: *Stupid kids!*

Kanak-kanak yang bodoh

E101:C43:T: *Bloodly bitch*

Jalang yang jahat

E101:C50:VS: *Shameless girl*

Perempuan yang tak malu

E101:C61:NN: *serupala adinge*□□

Slipar guna pukul

Pukul dengan slipar

E101:C138:HS: *kill her.....*

Bunuh dia

Penonton secara terus terang menghina mangsa atau peserta yang melibatkan dirinya dalam rancangan realiti tersebut dengan hanya menggunakan sepatah kata sahaja yang membawa unsur ketidaksantunan bahasa dalam penggunaannya. Bukan kata malas untuk menulis komen yang penuh atau panjang, tetapi komen sepatah kata begini cukup jelas apabila membaca komen tersebut ia meluahkan perasaan penonton yang marah, menghina atau mengancam terhadap orang ketiga (yang terlibat dalam rancangan realiti).

#### **4.4.6 Penekanan, Penggulangan dan Penghilangan**

Ketidaksantunan bahasa juga boleh dilihat dalam gaya atau cara bahasa yang digunakan dalam komen oleh penonton. Antara gaya bahasa yang diguna untuk menyampai komen adalah memberi penekanan dalam sesuatu perkataan, pengulangan perkataan yang sama dan penghilangan sebahagian perkataan dalam sebahagian komen juga didapati dalam hasil dapatan analisa kajian ini. Antara contoh-contoh komen yang digunakan oleh para penonton adalah seperti berikut.

## **Contoh 6 - Penekanan, Penggulangan dan Penghilangan**

E13:C261:VS: *fuckkkkkkkkk him*

Fuckkkkkkkkk dia

E13:C288:KR: *OMG... This is really horrible... Mediaaaaaaaaaaaa.....*

Ini memang Mediaaaaaaaaaaaa..... yang teruk

E25:C49:MQ: *Tat host is 1 crazy lady n the Is support her are idiots! Shiiit!!!*

Pengacara itu seorang perempuan gila dan penyokong dia

adalah seorang yang bodoh! *Shiiit!!!*

E9:C198:R: *BITCH BITCH BITCH*

Jalang Jalang Jalang

E9:C136:HH: *othval punda podi valiya vasa nai naipundapunda*

*punda*

XXXXXXXXXX pergi keluar                    *anjing*                    *anjing punda*  
*punda punda*

Pergilah anjing (taboo words)

E13:C247:MS: *stupid show... poor people's used by tv shows for their TRP rating... F\*\*K*

Rancangan bodoh... meningkatkan TRP dengan menggunakan orang miskin..*F\*\*K*

E13:C407:MB: *Stupid men...who does not think of his own child..for him only his vapati need.*fu\*k* idiot men arasu*

E65:C30:MS: *f... off.... send him to soudhi..... we human beings not a shit animals....*

f... Off... hantar dia ke Saudi. Kita manusia bukan macam binatang....

E69:C121:RS: *cutt off his Pe\*\*\* bastard !*

Potong dia punya \*\*\*\*\* bajingan!

E109:C81:NN: *thu.. what a Fu\_king decision....*

thu... keputusan yang fu\_king

E129:C79:YK: *Antha kena f\*\*\*k nadurotla vaci suttu kllanum*

Itu bodoh f\*\*k tengah jalan letak tembak bunuh

Tembak bunuh si bodoh itu di tengah jalan

Penggunaan penekanan dalam sesuatu perkataan atau bahasa adalah untuk menunjukkan kepentingan terhadap tujuan komen itu disampaikannya. Sebagai contohnya, perkataan yang digunakan dalam komen E13:C261:VS, E13:C288:KR, E25:C49:MQ menunjukkan bertapa buruknya sesuatu perkara atau sifat manusia dengan cara menggunakan rentetan atau rantaian perkataan yang panjang seperti dalam komen yang ditunjukkan [*fuckkkkkkk him/horrible... Mediaaaaaaaaaaaa/ Shiiit!!!*].

Tambahan lagi, penggunaan pengulangan kata yang sama dalam komen ini menunjukkan bahawa mereka menyatakan kemarahan yang berkali ganda terhadap seseorang. Sesuatu kata atau bahasa berulang ini merupakan bahasa yang “digunakan semata-mata untuk mengulang sesuatu perkataan atau ayat bagi tujuan hendak menguatkan maksudnya” yang dinyatakan oleh Zainal Abidin, (2002) dalam kajiannya. Komen E9:C198:R dan E9:C136:HH menunjukkan cara pengulangan kata yang digunakan dalam komen rancangan realiti ini seperti [*BITCH BITCH BITCH/punda punda punda*].

Selain itu, penghilangan atau pengguguran sebahagian perkataan dalam komen menunjukkan perkataan tersebut tidak lengkap penggunaannya. Seperti [*F\*\*K/fu\*k/f...*  
*off..../Pe\*\*\*/Fu\_king*] merupakan perkataan-perkataan yang tergolong dalam “*four-letter-word*” yang sensitif dari segi penggunaan dalam perbualan mahupun tulisan. Jadi, penonton yang menggunakan perkataan seperti ini dalam komen lebih gemar menggunakan simbol [ \*\* / \_ / ...] sebagai penggantian, walaupun motifnya tetap menghina atau memarahi seseorang yang ditujukan. Ini adalah cara-cara menunjukkan penggunaan bahasa yang tidaksantun dalam komen oleh penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang dibincangkan dalam strategi ketidaksantunan penghinaan.

#### 4.4.7 Kata Kasar/Kesat

Kata kasar atau kata kesat dikenali sebagai (*taboo words*) boleh dilihat dalam penggunaan harian masyarakat India terutamanya yang berlatarbelakang kurangnya ilmu pendidikan ataupun orang yang tinggal di kawasan pedalaman. Mereka menggunakan perkataan seperti ini semata-matanya untuk menyakitkan hati seseorang semasa perbualan. Walaupun motifnya sama, tetapi perkataan kata-kata kesat ini juga digunakan dalam kalangan masyarakat yang berpendidikan. Perbuatan ini sangat jelas bahawa mereka sedia/rela menggunakan kata kesat untuk memarah seseorang dan meletakkan mereka pada taraf yang rendah. Dapatan kajian daripada komen-komen yang dikaji, mereka menggunakan kata-kata kesat untuk menunjukkan kebesaran kuasa terhadap seseorang dengan tujuan menghina atau menyakitkan hati. Antara komen yang dinyatakan oleh penonton seperti yang di bawah.

## **Contoh 7 - Kata Kasar/Kesat**

E9:C23:KK: *moonjiyum mogara pundaiyumparu thevidiyunu eluthi othiruku...*

Muka (taboo)tengok (taboo)tulis tambal

Nampak muka sudah tahu, dia ini seorang pelacur!

E9:C81:IF: *jd jd ada thevdiya payya olunga pundaya mudikitu poda*

(taboo) tutup pergilah

Diamlah engkau!

E9:C94:SR: *enna kodumaii da pa oatha pundamalluuu*

Apa deraan ini (taboo)

Dahsyat betul!

E9:C136:HH: *othval punda podi valiya vasa nai nai pundapundapunda*

(taboo)pergi keluar(taboo) anjing anjing (taboo)

Keluarlah engkau si anjing!

E9:C202:NA: *உச்சத்தெழுவு*

Hijau pelacur (taboo)

Betul-betul pelacur!

E13:C42:SK: *tamilanoda kalasaratha kedutha arasu pundamavaney unna*

*engayavathu patha seruppadi thanda*

*Tamil punya adat dan buadaya rosakan arasu (taboo)awak*

*mana-mana tengok slipar pukul mesti...*

*Arasu sudah merosakkan budaya Tamil.... XXXX kalau jumpa*

*awak dimana-mana mesti kena pukul guna slipar..*

E17:C19:BV: *Dey pundamavane kiladu pee pundai*

awak (taboo) tua tahi (taboo)

Awak orang tua; tahi....

E89:C55:AN: *is bitch ur family name krishna kumar thevidiya???*

Adakah nama keluarga bajingan Krishna kumar (taboo)???

Kata-kata kesat seperti ini sebenarnya sukar untuk diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Walaupun diterjamahkan kepadanya kata-kata tersebut ia akan kehilangan atau berubah maksud yang sebenar. Jadi, di sini dalam penterjemahan digantikan dengan perkataan (taboo) dengan perkataan kesat. Strategi penghinaan seperti menggunakan kata kasar/kesat merupakan salah satu cara yang digunakan untuk merealisasikan strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

#### 4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhan, bab ini telah membincangkan secara keseluruhan hasil dapatan analisa kajian ini. Persoalan kajian pertama menjelaskan hasil dapatan yang menunjukkan kekerapan dan peratus penggunaan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Persoalan ini dijawab berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Manakala, persoalan kedua pula membincangkan tentang cara merealisasikan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* secara terperinci. Terdapat lapan bentuk cara yang dibincangkan dalam bahagian kedua. Bab seterusnya akan membincangkan kesimpulan bagi keseluruhan penyelidikan ini secara terperinci, masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian dan juga cadangan tajuk yang akan boleh diikuti dalam aspek lain.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Kajian ini mengenai ketidaksantunan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, dimana objektif kajian ini adalah untuk mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Data utama kajian ini adalah komen daripada sebuah rancangan realiti iaitu “*Reality talk show*” yang bertajuk *Solvathellam Unmai*. Hasil dapatan kajian diterangkan melalui pendekatan diskriptif, dimana menghuraikan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpaper (2011). Sementara itu, bab pertama kajian ini membincangkan tentang pengenalan kepada penyelidikan kajian ini. Manakala, bab seterusnya masing-masing membincangkan tinjauan kajian lepas, metodologi kajian dan hasil dapatan kajian. Akhir sekali, bab yang kelima ini, membincangkan secara keseluruhan mengenai penyelidikan ini.

#### **5.1 Hasil Kajian**

Data kajian komen bagi rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang berlatarbelakang komunikasi berasaskan computer iaitu melibatkan interaksi tanpa sesama muka ataupun secara bertulis di laman sosial. Jadi, data yang dipilih untuk dikaji berdasarkan kerangka teori yang ditetapkan dimana, hanya komen yang mempunyai

penggunaan bahasa yang ketidaksantun sahaja akan dipetik untuk tujuan analisa kajian. Daripada analisis kajian, didapati tidak semua penonton yang menonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini, memberikan komen bagi setiap episod. Akan tetapi, komen yang diberikan oleh sesetengah penonton rancangan realiti ini di laman *YouTube*, mewujudkan impak yang negatif dalam kalangan masyarakat. Sesuatu rancangan realiti itu, akan mendapat sambutan yang hangat daripada penonton atau peminat setia hasil daripada persembahan secara keseluruhan rancangan tersebut atau sambutan yang menggalakkan daripada sesetengah golongan masyarakat dalam bentuk sokongan yang berbentuk komen diruang laman sosial tersebut.

Di sini, pengkaji mengkategorikan komen-komen yang dinyatakan oleh penonton bagi setiap episod rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Kebanyakkannya komen didapati mempunyai struktur ayat yang kurang santun dimana mereka menghina dan menunjukkan perasaan marah terhadap peserta yang terlibat mahupun rancangan realiti *Solvathellam Unmai* tersebut. Tambahan pula, penonton memberikan komen dalam bentuk kata-kata kasar atau kata kesat (*taboo words*), ada yang memberikan khidmat nasihat kepada mangsa, memuji atas jasa baik penganjur dan bersimpati terhadap keadaan peserta. Sementara itu, ada juga penonton yang sudi memberikan pertolongan kepada yang memerlukan bantuan dari segi bantuan pendidikan dan kewangan. Terdapat juga penonton yang berpandang rendah terhadap peserta rancangan realiti ini sehingga menggunakan gelaran nama binatang seperti anjing liar, babi dan monyet yang menjatuhkan air muka pembaca.

Selain itu, penonton juga menyokong dan sambut komen sebelumnya dengan memberikan komen balasan, membincangkan tentang masalah dowri atau wang, bersumpah mangsa rancangan dengan kata-kata yang tajam, membela hak seseorang,

menyokong dan berterima kasih terhadap rancangan reality. Malanaka, ada yang membangkang atau menunjukkan bantahan terhadap rancangan realiti tersebut dan membincangkan tentang punca-punca yang menyebabkan wujudnya masalah kekeluargaan dan akhir sekali, masalah cinta pada usia muda. Ini adalah serba sedikit isi kandungan komen yang ditinggalkan dan dinyatakan oleh penonton di laman sosial.

Seperti yang dibincangkan pada awal kajian, tujuan utama kajian ini adalah setiap orang hak untuk mendapatkan layanan yang adil dan saksama walaupun peserta yang terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*, pengacara rancangan, pengajur mahupun penonton setia bagi rancangan realiti tersebut. Apabila hak ekuiti seseorang itu dirampas atau dicabul, maka terdapat segelintir golongan yang akan bersuara untuknya. Justeru itu, objektif kajian ini adalah mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

Secara keseluruhan objektif utama kajian, mengkaji strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* berjaya dicapai berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab 4. Kedua-dua persoalan kajian dijawap secara terperinci dalam bab sebelumnya berdasarkan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris dalam komen adalah lebih banyak berbanding dengan komen Bahasa Tamil yang kurang dalam penggunaan bagi setiap episod. Maka, penganalisaan kajian turut dijalankan keatas komen yang berbahasa Inggeris terutamanya komen yang mempunyai penggunaan bahaya yang tidak santun.

## 5.2 Hasil Dapatan Persoalan Kajian Pertama

Persoalan kajian pertama membincangkan tentang strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmaidimana*, strategi menghina mencatat penggunaan yang agak banyak dalam komen kajian ini berbanding dengan strategi-strategi yang lain. Hasil dapatan kajian menunjukkan strategi menghina sesama manusia secara berluas di laman media bertujuan untuk menjatuhkan air muka seseorang. Dalam hasil dapatan kajian, terdapat penggunaan perkataan “*bitch*” (jalang) yang paling banyak (71 kali) dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* bagi menghina seseorang perempuan. Manakala, perkataan “*bastard*” (bajingan) pula perkataan yang agak tinggi (50 kali) dalam penggunaan dalam komen bagi menghina seseorang lelaki. Mereka menggunakan kedua-dua perkataan tersebut semata-mata untuk menghina atau untuk marah mereka yang berkelakuan tidak baik serta sudi berkongsi masalah keluarga secara umum.

Disamping itu, perkataan “*stupid*” (bodoh) yang jatuh pada tempat ketiga (47 kali) penggunaannya dalam komen bagi menghina seseorang yang digunakan oleh para penonton. Dapatan kajian ini sama seperti kajian Shamilah (2015) dimana dalam hasil dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan perkataan “*stupid*” yang kerap untuk menghina mangsa dalam komennya. Pada masa yang sama, dapatan kajian menjelaskan bahawa penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* tidak menggunakan kesemua strategi ketidaksantunan yang diutarakan Culpeper (2011). Dalam penganalisaan kajian ini, strategi pengkuatkuasaan mesej tidak dapat dikenalpasti dalam kajian ini maka, dalam bahagian hasil dapatan tiada ruang untuk strategi ini. Manakala bahagian selanjutnya dibincangkan dengan strategi kritikan atau aduan, strategi ekspresif negatif atau sumpahan, strategi soalan yang mencabar, strategi merendahkan martabat, strategi

perpisan, strategi membuat senyap dan akhir sekali strategi ancamam yang digunakan oleh penonton dalam komen masing-masing mencatat kekerapan sebanyak 68 komen. Mereka menggunakan strategi ini untuk mengancam atau menakutkan mangsa yang terlibat dalam rancangan realiti ini dengan memberikan hukuman bunuh, gantung sampai mati, baling batu sampai mati, simpah asid, bakar di tempat awam, memukul guna slipar dan sebagainya. Disini sangat jelas dan terbukti bahawa, kajian ini berjaya menganalisis secara terperinci tentang komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* mempunyai penggunaan strategi ketidaksantunan Culpeper (2011).

Tambahan pula, strategi *Gestural-Verbal* (bukan lisan) iaitu strategi meludah merupakan salah satu hasil dapatan baru dalam kajian ini. Strategi meludah ini digunakan bagi meluahkan perasaan menjijikan dan ketidakpuashatian terhadap mangsa dalam komen rancangan realiti ini. Sebagai contohnya, [**Thuu!!/ thu../thuuuff.. ǤΠ**] adalah hasil penggunaan reaksi meludah dalam bentuk tulisan dalam dapatan kajian. Strategi meludah ini tidak dikategorikan dalam strategi ketidaksantunan Culpeper kerana ini bukan strategi lisan dan ianya tidak wujud dalam data beliau. Maka, kajian ini mencatat ia sebagai salah satu strategi *Gesture-Verbal* (bukan lisan) yang baru dalam dapatan dan dikategorikan dalam strategi ketidaksantunan.

Sementara itu, kata seru digunakan sebagai salah satu strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen bagi menyatakan perasaan seseorang dalam suatu situasi tertentu. [**Chi/ cha/ CHIIIHHHHH/ chi...chi..chiiiii,, chaikk**] adalah perkataan yang tergolong sebagai kata seru dan ia digunakan untuk menyatakan perasaan marah, benci dan menjijik terhadap seseorang. Hasil dapatan baru kajian ini mengkategorikan strategi penggunaan kata seru dikategorikan dalam strategi *Gesture-Verbal* (bukan lisan) dimana sama seperti startegi meludah, kedua-dua strategi ini merupakan salah satu cara

mereplikasikan perbuatan manusia yang mengandungi penunjukkan perasaan menjijikan atau memalukan dalam bentuk tulisan.

### **5.3 Hasil Dapatan Persoalan Kajian Kedua**

Di samping itu, persoalan kajian kedua pula membincangkan cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan. Berpandukan dengan isi kandungan komen penonton yang dianasis, dibahagikan kepada lapan (8) jenis bentuk yang digunakan unruk merealisasikan strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen di laman sosial. Antaranya :-

- I. bentuk soalan
- II. rujukan
- III. persepsi orang awam
- IV. cadangan dalam bentuk hukuman
- V. sepatah kata
- VI. penekanan, penggulangan dan penghilangan dan
- VII. kata kasar/ bahasa kesat.

Bentuk-bentuk ini, diklasifikasikan hasil daripada penganalisaan data komen yang menjelaskan isi kandungannya. Seperti yang dibincangkan dalam bab 4 hasil dapatan kajian, isi kandungan memainkan peranan penting dimana strategi ketidaksantunan diaplikasikan berdasarkan bentuk yang dinyatakan dalam komen oleh penonton. Bentuk-bentuk ini digunakan untuk merealisasikan komen yang ditujukan dalam laman sosial. Setiap bentuk ini, mempunyai cara yang tersendiri dalam merealisasikannya. Tujuan utama penonton meninggalkan komen adalah untuk menjatuhkan air muka yang disasarkan terutamanya peserta yang terlibat dengan

rancangan realiti, pengacara, pengajur atau saluran TV yang menganjurkan rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini.

Daripada hasil dapatan kajian ini, cara strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* direalisasikan melalui bentuk soalan. Bentuk-bentuk soalan ini kebanyakannya dalam bentuk pertanyaan yang ditujukan kepada pengajur rancangan realiti ini, kerana rancangan ini membincangkan sesuatu isu atau perkara secara umum untuk perhatian mata dunia. Penonton yang meninggalkan komen dalam bentuk soalan ini, mengharapkan balasan daripada pihak yang bertanggungjawab terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Bentuk soalan yang dilontarkan dalam ruang komen kebanyakannya membela hak peserta-peserta yang terlibat dengan rancangan realiti ini, kerana mereka mendedahkan dan meluahkan perasaan yang terpendam dalam hati. Isu seperti isu kekeluargaan dibincangkan didepan kamera secara umum yang sepatutnya dibincangkan hal-hal tersebut dalam keadaan tertutup.

Di samping itu, penonton menggunakan bentuk rujukan bagi merealisasikan komen-komen rancangan realiti ini. Penonton meletakkan manusia pada tahap yang sangat rendah sehingga penonton memanggil peserta-peserta tersebut dengan nama binatang seperti **anjing, babi** dan **monyet**. Penonton melihat peserta rancangan realiti tersebut sebegitu kerana mereka mempunyai tingkah laku dan sifat seperti binatang dalam kehidupan. Maka, bentuk rujukan yang digunakan dalam komen semata-matanya untuk menghina orang-orang yang terlibat dengan rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

Selain itu, penonton juga menggunakan bentuk persepsi orang awam dimana, dalam komen tanggapan atau pendapat orang awam terhadap rancangan realiti *Solvathellam Unmai* memberi keutamaan. Sebagai orang awam, penonton memberikan pendapat mereka dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* bagi setiap episode tanpa mengalah. Sementara itu, bentuk persepsi orang awam memainkan peranan penting dalam pemberian komen dengan tujuan utamanya adalah untuk menjatuhkan air muka pembaca mahupun peserta.

Antaranya, persepsi orang awam adalah bahawa seorang perempuan harus memiliki kesucian dan kemulian diri sendiri dalam kehidupan. Manakala, seorang lelaki mestilah dihormati di khalayak ramai dan menghormati seorang perempuan apabila dia digelar sebagai isteri kepadanya. Sebaliknya, penonton memberikan gelaran dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Mereka tidak menghormati antara sesama manusia dan penonton pula memberikan gelaran “*bitch*” (jalang) dan “*bastard*” (bajingan).

Tambahan lagi, strategi ketidaksantunan dalam komen rancangan realiti direalisasikan melalui bentuk cadangan hukuman yang diaplikasikan oleh para penonton. Komen yang berbentuk cadangan human ini, kebanyakannya meletakkan jenis-jenis hukuman yang sepatunnya diberikan kepada peserta-peserta terlibat dalam rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Antara jenis-jenis hukuman yang dinyatakan oleh penonton seperti hukum gantung diri, baling batu sampai mati, membakar depan orang awam, memotong alat sulit lelaki, simbah asid di muka, memukul mereka di tempat awam dengan menggunakan selipar, dipenjarakan dan sebagainya untuk menunjukkan perasaan ketidakpuashatian dan kemarahan oleh penonton terhadap peserta mahupun penganjur rancangan realiti *Solvathellam Unmai* ini. Ia merupakan

bentuk cadangan human yang dinyatakan bagi merealisasikan strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai*.

Di samping itu, terdapat juga komen-komen yang ditinggalkan oleh penonton tidak panjang dan lebar atau berputar belit dalam meluahkan perasaan marah atau memberikan pendapat. Hanya sepatah kata sahaja yang digunakan dalam komennya. Penonton berterus terang kepada perkara yang ingin dinyatakan dalam komen dengan hanya menggunakan sepatah kata. Seperti bodoh, bunuh dia, diam, *bitch* dan *basted* adalah antara komen yang ditinggalkan oleh penonton dan ia sememangnya memberikan impak dalam proses komunikasi yang tidak memfokuskan interaksi sesame muka.

Penonton juga menggunakan strategi atau cara penekanan, pengulangan dan penghilangan dalam sesuatu perkataan semasa menghasilkan atau menyatakan dalam komen. Bentuk-bentuk ini dikenalpasti dalam beberapa komen penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* untuk merealisasikan strategi ketidaksantunan. Contohnya, [*fuckkkkkkk him/ horrible... Mediaaaaaaaaaaaa/ Shiiit!!!*], [*BITCH BITCH BITCH/ punda punda punda*], [*F\*\*K/fu\*k/f... off.../Pe\*\*\*/Fu\_king*] adalah antara golongan kata yang digunakan dalam komen.

Akhirnya, bentuk kata kasar atau bahasa kesat yang digunakan dalam komen rancangan realiti *Solvathellam Unmai* yang ketara dalam komen boleh dikenalpasti dalam penganalisaan kajian ini. Penonton menggunakan kata-kata kasar semata-matanya untuk menyakitkan hati seseorang dalam perbualan ataupun menunjukkan kebesaran kuasa terhadap seseorang dalam sasarannya. Bagi kajian ini, penggunaan kata-kata kasar yang banyak terdapat dalam Bahasa Tamil oleh penonton dalam

komennya. Kata-kata ini sememangnya tiada maksud jika diterjemahkan kepada Bahasa Melayu dan membawa maksud yang tiada kaitan dengan topiknya. Maka, kata-kata kasar ini dinyatakan dalam simbol [XXXXXX] semasa menjalankan terjemah bagi tujuan penerangan.

Dengan itu, jelasnya bahawa kelapan bentuk ini merupakan cara yang digunakan untuk merealisasikan strategi ketidaksantunan yang terdapat dalam komen oleh penonton di laman sosial.

#### **5.4 Implikasi kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen di sebuah laman sosial. Jadi, keutamaan yang diberikan dalam kajian ini adalah hanya untuk komen-komen yang mempunyai ketidaksantunan sahaja. Disini, komen yang dinyatakan oleh penonton tidak mempedulikan mana-mana pihak (pihak ketiga) yang terlibat dengan rancangan realiti *Solvathellam Unmai*. Oleh kerana itu, penggunaan bahasa dalam komen yang tidaksantun melampau sehingga tiada kawalan. Dalam hal itu, latar belakang penonton yang meninggalkan komen tidak dapat dikenal atau nama samaran dan mereka tidak bersemuka antara satu sama lain dalam situasi ini. Maka, tahap ketidaksantunan lebih tinggi kerana penonton terlibat secara langsung dalam pemberian komen, mempunyai kekurangan kawalan diri “*self control*”. Dari sudut pandangan lain, penonton memperatikkan hak sosial dalam kehidupan dan berupaya untuk berfikir tentang sesuatu secara kritik.

Keadaan ini perlu diberi perhatian dimana, yang pertama penggunaan bahasa yang tidaksantun di laman sosial perlu ditanggani. Ini kerana, kemuliaan dan taraf

sesuatu bahasa tidak diberikan nilai atau penghormatan di laman sosial. Yang kedua penonton atau masyarakat yang menunjukkan perasaan atau pendapat di ruang komen perlunya diberikan perhatian daripada pihak yang bertanggungjawab dan ini akan menimbulkan kepercayaan dalam kalangan masyarakat bahawa pendapat mereka juga turut diberi keutamaan oleh pihak berkenaan. Yang ketiga, peserta yang meninggalkan komen tanpa alamat penuh iaitu tiada nama atau latar belakang perlunya meletakkan maklumat yang benar tentang diri serta menampilkan diri jika ingin bertemu dengan tentang sesuatu isu demi kesejaterahan sesama manusia.

### **5.5 Limitasi kajian**

Laman sosial adalah sesuatu media yang boleh senantiasa dikunjungi oleh peminat dan maklumat atau komen bagi setiap isu bertambah atau berubah pada masa ke semasa. Maka, data komen yang digunakan daripada laman sosial *YouTube* sentiasa bertambah dan tiada had kawalan. Jadi, maklumat data akan berubah dilaman sosial berbanding dengan data yang dipilih untuk tujuan kajian. Manakala, bagi instrumen kajian pula pengkaji tidak boleh mengadakan sesi temubual dengan peserta atau penonton rancangan realiti *Solvathellam Unmai* untuk tujuan penyelidikan kerana latarbelakang peserta mahupun penonton yang terlibat dalam rancangan realiti ini tidak dikenali dan juga dirahsiakan sebarang maklumat bagi tujuan menjaga etika penyelidikan.

Tambahan pula, kajian yang melibatkan kerangka teori strategi ketidaksantunan (2011) yang agak kurang dalam bahasa melayu dan ia menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan kajian-kajian lepas untuk dijadikan sebagai rujukan bagi kajian ini. Selain itu, dalam bahagian penterjemah dan penganalisaan, melibatkan sedikit masalah untuk

menterjemahkan kata kesat Bahasa Tamil kepada Bahasa Melayu dan ia menjadi satu cabaran dan sukar untuk diterjemahkan untuk tujuan penganalisaan dan penjelasan.

## 5.6 Cadangan Kajian

Kajian-kajian lepas yang pengkaji rujuk kebanyakannya berpandukan kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2005). Akan tetapi, terdapat juga kajian oleh Shamilah (2015) yang mengkaji strategi ketidaksantunan dalam komen laman sosial iaitu *Facebook*. Kini, banyak laman sosial yang terdapat dalam penggunaan harian untuk tujuan berkomunikasi. Antaranya *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Wechat* dan *Telegram* merupakan bentuk-bentuk komunikasi yang melibatkan telefon dalam era globalisasi kini. Ia merupakan media komunikasi yang menyampaikan maklumat dengan cepat dan pantas serta dimiliki oleh semua orang.

Di samping itu, Komen adalah salah satu struktur elemen yang penting dan membolehkan sesuatu isu atau rancangan itu menggekalkan TRP dikalangan masyarakat serta mendapatkan sambutan yang menggalakkan sepanjang masa, walaupun ia mempunyai impak yang positif atau negatif. Maka, cadangan disini mengkaji strategi ketidaksantunan Culpeper (2005) atau (2011) yang terdapat dalam komen ataupun status laman sosial seperti *Twitter*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Wechat* dan *Telegram*. Kajian yang melibatkan laman sosial *Youtube* ini kurang menjalankan penyelidikan. Tambahan lagi, kajian boleh dijalankan ke atas peserta yang terlibat dengan pemberian komen di laman sosial dan ia membolehkan mendapatkan faktor utama yang menjadi menghasilkan ketidaksantunan dalam bahasa.

Bahasa Tamil merupakan sesuatu bahasa yang unik untuk dikaji berbandingkan dengan bahasa lain, ia mempunyai struktur ayat yang berbeza, tatabahasa dan pemahaman dan maksud tersurat dan tersirat yang dimiliknya. Maka, cadangan kajian dijalankan dalam bidang pragmatik samada kesantunan bahasa mahupun ketidaksantunan, perlakuan pertuturan, maksim dan sebagainya untuk mengisi jurang kajian dalam bidang linguistik. Kajian seperti ini akan menyumbangkan kepada lebih banyak penyelidikan pada masa akan datang yang melibatkan Bahasa Tamil ataupun bahasa komunikasi yang lain.

### **5.7 Kesimpulan Kajian**

Akhir kata, kajian ini mengisi jurang kajian dari segi dua kategori iaitu kerangka teori strategi ketidaksantunan Culpeper (2011) dan juga laman sosial dimana mengutamakan struktur komen dalam kajian ini. Bab ini dapat dijadikan panduan dan memberi ilham kepada para pengkaji masa akan datang atau pihak yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung serta dijadikan sebagai panduan atau rujukan dalam penyelidikan masing-masing sebaik mungkin pada masa kelak.

## SUMBER RUJUKAN

- Ainal, A.A, Nasihah, A.Y. & Noor, A.M. (2016). Kertas Persidangan: 'kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial'. Kedah: UUM CAS.
- Anitha , X. (2017). *Strategi ketidak santunan bahasa juri dalam rancangan realiti*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Angouri, J. , & Tseliga, T. (2010). "You Have No Idea What You are Talking About!" from e-disagreement to e-impoliteness in two online for a Journal of Politeness Research. *Language, Behavior, Culture*, 6(1), 57-82.
- Argyro,K. (2010). Impoliteness Strategies In House: *Lodz Papers in Pragmatics*, 6(2), 305–339.
- Azizul, I. & Vijayaletchumy, S. (2016). Ketidak santunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia. <http://www.mahawangsa.upm.edu.my/>
- Azianura, H.S & Mohammad Rahim, K . (2019). Buli Siber: *Ketidak santunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*. Jurnal Sains Sosial dan Kemanusian. 16(6), 1-16, ISSN: 1823-884x.
- Culpeper,J. (2015). Impoliteness Strategies. In: Interdisciplinary studies in pragmatics, culture and society. *Perspectives in Pragmatics, Philosophy & Psychology*, Springer, 421-445.
- Culpeper, J., Bousfield,D. & Wichmann, A. (2003). Impoliteness revisited: *With special reference to dynamic and prosodic aspects*. Journal of Pragmatics 35, 1545-1579.
- Culpeper,J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: 'The Weakest Link'. Journal of Politeness Research, 1(1), 35-72.
- Culpeper, J. (1996). *Towards an Anatomy of Impoliteness*. Journal of Pragmatics, 25(3), 349–367.
- Culpeper,J. (2011). *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. Cambridge: Cambridge University press.

Culpeper,J. (2005). Impoliteness and Entertainment in Television Quiz Show: The Weakest Link. *Journal of Politeness Research. Language, Behaviour*, Culpeper,J. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: 'The Weakest Link'. *Journal of Politeness Research*, 1(1), 35-72.

Culpeper,J., Bousfield, D. & Wichman, A. (2003). Impoliteness Revisited: with special reference to dynamic and prosodic aspects. *Journal of Pragmatics*, 35, 1545-1580. From [http://dx.doi.org/10.1016/S0378-2166\(02\)00118-2](http://dx.doi.org/10.1016/S0378-2166(02)00118-2).

Culpeper,J. (2005) Impoliteness and Entertainment in Television Quiz Show: The Weakest Link. *Journal of Politeness Research. Language, Behaviour, Culture*. 1(1), 35–72. doi: 10.1515/jplr.2005.1.1.35.

Darics, E. (2010). Relational work in synchronous text-based CMC of virtual teams. In Taiwo, R. (Ed.), *Handbook of research on discourse behavior and digital communication: Language structure and social interaction*, (pp. 830-851). Pennsylvania: IGI Global.

Ghazali, M.A. (2016). Kajian Kes: Sejauhmana Rancangan Realiti Tv Mempengaruhi Aspek Norma dan Nilai dalam Kehidupan Penonton Golongan Muda. Fakulti Pengurusan & Muamalah.

Goffman, E. (1967). *Interaction ritual: Essays on face-to-face behavior*. New York: Anchor Books.

Hazim Hakkush Muarich Al-Dilaimy, and Abed, K. (2015). *A Pragmatic Analysis of Impolite Interruptions of Selected Debates in the Opposite Direction of Al-Jazeera Channel*. American Journal of Educational Research, 3(12), 1570-1578. doi :10.12691/education-3-12-14.

Hutchby, I. (2008). Participants' orientations to interruptions, rudeness and other impolite acts in talk-in-interaction. *Journal of Politeness Research. Language, Behaviour, Culture*. 4(2), 221–241, from 10.1515/JPLR.2008.011.

Kecskes, I. (2015). 'Intercultural Impoliteness'. *Journal of pragmatics*. The State University of New York.

Kienpointner,M. (2008). Impoliteness and emotional arguments. **Journal of Politeness Research. Language, Behaviour, Culture**, 4(2), 243–26. doi :10.1515/JPLR.2008.012.

Komalavaani, S. (2018). Strategi ketidaksantunan dalam panggilan palsu. (Disertasi Ijazah Sarjana Linguistik). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Limberg, H. (July,2009). *Impoliteness and threat responses*. Journal of Pragmatics, 1376-1394, from <http://dx.doi.org/10.1016/j.pragma.2009.02.003>.

Locher, M. A. (2010). *Introduction: Politeness and impoliteness in computer-mediated communication*. Journal of politeness research: Language, behavior, culture, from <https://www.researchgate.net/publication/308897394>, 6(1), 1-5.

Mills, S. (2005). *Gender and Impoliteness*. Journal of Politeness Research, 1(2), 263–280. doi: 10.1515/jplr.2005.1.2.263.

Mills, S. (2009). *Impoliteness in cultural context*. Journal of Pragmatics, 41,1047-1060. doi :<http://dx.doi.org/10.1016/j.pragma.2008.10.014>.

Moganah,V. (2017). *Ketidakpatuhan maksim dalam rancangan radio kalakal kaalai*. (Disertasi ijazah sarjana Linguistik). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Murugan, K. (2018). Strategi ketidaksantunan bahasa dalam komen Malaysia kini (Disertasi ijazah sarjana Linguistik). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nuria,D. (2009). *You're barking mad, I'm out: Impoliteness and broadcast talk*. Journal of Politeness Research. Language, Behaviour, Culture, 5(2), 159–187. doi: 10.1515/JPLR.2009.010.

Sa'adiah, M. (2015). *Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Komunikasi, 31(2), 231-246.

Shamilah, H., (2015), *Impoliteness strategies used in a politician's Facebook*. Disertasi ijazah sarjana Bah. Inggeris Bhs Kedua. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Siti Norsyahida, R. & Nurfarhana, R., (2016). *Unsur Humor Dalam Rancangan Televisyen Popular*, Universiti Putra Malaysia: Jurnal Kesidang, 1, 154 -172

Subramaniam,S. , Himanshu, T. ,(2014), *Impact of reality shows on common man and its sustainability*, Asian Journal of Management Research Article ISSN 2229–3795, 5(1).

Weiland, S.J. & Dunbar, K.(2016). “What’s real about reality television?”. J Mass Communication Journalism.

Wibowo,P. dan Kuntjara, K. (2013). Strategi ketidaksantunan yang digunakan dalam komen laman bola sepak Indonesia, University Kristen Petra Surabaya.1(1).

**Laman *YouTube***

[https://www.youtube.com/results?search\\_query=solvathellam+unmai](https://www.youtube.com/results?search_query=solvathellam+unmai)

<https://www.zeeentertainment.com/in-the-news/zee-tamil-launches-a-new-season-of-solvathellam-unmai/>

# LAMPIRAN